


Jilid III
Bil. 16



Hari Jumaat
12hb Ogos, 1977

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1401]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 1432]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan) [Ruangan 1433]

Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) [Ruangan 1478]

Rang Undang-undang Persatuan Peladang (Pindaan) [Ruangan 1481]

Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pindaan) [Ruangan 1494]

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 1498]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK SERI J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK SEAH TENG NGIAB, D.P.M.J., S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K., P.N.B.S. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 12hb Ogos, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**AIR KOTOR DARI GENTING
HIGHLANDS**

1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada Kementeriannya, sedar bahawa air kotor dari Genting Highlands dan kawasan pembinaan Lebuhraya Karak-Kuala Lumpur sedang mengancam Pusat Pembiakan Ikan di Bukit Tinggi menyebabkan benih-benih ikan merosot dan apa langkah sedang dibuat untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, di dalam kes ini masalah pencemaran adalah disebabkan oleh pembuangan kelodakan daripada aktiviti-aktiviti pembangunan Genting Highlands dan pembinaan jalanraya Kuala Lumpur-Karak. Walau bagaimanapun, mengikut laporan daripada Jabatan Perikanan masalah pencemaran yang telah mengurangkan ikan-ikan bagi tujuan pembiakan telah berkurangan kerana proses kelodakan tanah telah diberhentikan di kawasan Bukit Tinggi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah apa-apa persediaan yang dicadangkan oleh Kementerian ini iaitu ada bahan-bahan kimia yang boleh kita gunakan sekiranya dicampurkan kepada kelodak atau air kotor itu, air kotor itu akan bersih seperti sedia kala dan boleh digunakan oleh umum.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa mengawasi perkara ini dari satu masa ke satu masa.

GAJI DOKTOR PELATIH

2. Datuk Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk menyelesaikan masalah-masalah gaji doktor-doktor pelatih yang begitu hangat dibincangkan di akhir-akhir ini sehingga mereka mengancam hendak mogok.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian saya sedang membincangkan dengan agensi-agensi yang berkaitan berkenaan masalah pokok iaitu samada perkhidmatan doktor-doktor pelatih harus diiktirafkan sebagai perkhidmatan untuk penjen. Masalah gaji cuma akan ditetapkan apabila masalah pokok ini diatasi. Suka juga saya sebutkan bahawa yang dikemukakan sekarang ialah pandangan Kementerian saya sendiri berkaitan masalah-masalah doktor pelatih dan bukannya tuntutan doktor-doktor pelatih dan ini telah pun diterangkan kepada mereka. Suka juga diterangkan di sini bahawa doktor-doktor pelatih, dalam perbincangan mereka dengan pegawai-pegawai Kementerian saya telah menunjukkan sikap bertanggungjawab dan sabar dan "perbincangan hangat" yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz bin Tapa itu hanyalah tanggapan semata-mata akibat publisiti dan laporan yang tidak benar, khususnya daripada sebuah akhbar.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dinamakan doktor-doktor pelatih itu bukan housemanship, kalau diterjemahkan kepada Bahasa Melayu adalah lain daripada doktor pelatih. Dengan sebab itu dia hendak minta gaji. Bolehkah atau tidak Kerajaan

memberi mereka nama yang lain oleh kerana mereka belum lagi pergi ke tempat kerja (posting).

Saya memang suka doktor-doktor ini dapat gaji lebih tetapi saya tidaklah bersetuju langsung iaitu pelatih-pelatih ini mendapat gaji lebih seperti yang dikatakan tadi. Bolehkah atau tidak Kerajaan menerangkan di atas perkara ini.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, ini terpujanglah kepada kajian perbincangan yang sedang dijalankan di antara Kementerian saya dengan agensi-agensinya tersebut.

PERKHIDMATAN KELINIK PERGIGIAN BERGERAK

3. **Tuan V. S. M. Vellayappa** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau dapat memberi pertimbangan untuk mengadakan Perkhidmatan Klinik Pergigian Bergerak

yang meliputi kawasan yang lebih luas bagi penduduk-penduduk di desa dan ladang-ladang di Kedah.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, perluasan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian kepada kawasan-kawasan di luar bandar adalah salah satu daripada rancangan-rancangan di Kementerian saya. Rancangan Kesihatan Pergigian Luar bandar ini meliputi kampung-kampung dan estet-estet khasnya di Kedah. Di bawah rancangan ini enam (6) Pasukan Pergigian Bergerak telahpun ditubuhkan di Kedah. Ini adalah sebagai tambahan kepada dua buah Klinik Pergigian Bergerak yang sedia ada. Enam (6) Pasukan Pergigian Bergerak ini ditempatkan satu di Alor Star, satu di Sungai Petani, satu di Kulim, satu di Jitra, satu di Baling dan satu di Langkawi. Pasukan-pasukan Pergigian Bergerak ini ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan yang lebih luas kepada kampung-kampung dan juga estet-estet.

PERANGKAAN SAHAM-SAHAM SYARIKAT

4. **Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengikut perangkaan yang ada dalam Jabatan Pendaftaran Syarikat-syarikat berapa banyakkah pelaburan modal mengikut kaum yang telah dilaburkan dalam tahun 1976 dan pada tiap-tiap bulan dalam tahun 1977 setakat yang dapat dikumpulkan. Sekiranya ini menunjukkan perbezaan yang besar (antara sesuatu kaum) apakah langkah Kementerian ini untuk mengatasinya bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahamat): Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya maklumkan bahawa Pejabat Pendaftar Syarikat tiada menyimpan perangkaan pelaburan modal mengikut pecahan kaum bagi tahun-tahun sebelum 1977. Bagi tahun 1977 jumlah saham-saham yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang didaftarkan di Pejabat Pendaftar Syarikat ialah seperti berikut:

	<i>Melayu</i>	<i>China</i>	<i>India</i>	<i>Syarikat</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
1-1-77 hingga 15-7-77 ..	\$ 2,502,231	\$ 15,339,970	\$ 286,460	\$ 36,636,869	\$ 2,162,507	\$ 56,928,037
Februari 1977	5,205,395	20,150,340	53,558	377,792,826	10,013	403,212,132
Mac 1977	1,435,931	15,583,384	138,004	9,401,491	122,008	26,680,818
April 1977	2,595,973	19,952,034	45,202	11,484,504	11,118,008	45,195,721
Mei 1977	5,513,290	36,735,776	718,140	28,287,469	226,011	71,480,686
Jun 1977	4,633,792	21,981,152	716,780	28,976,653	64,661,532	120,969,909
1-7-77 hingga 15-7-77 ..	3,078,945	14,387,257	142,009	20,595,129	1,409,949	39,613,289
	<u>\$24,965,557</u>	<u>\$144,129,913</u>	<u>\$2,100,153</u>	<u>\$513,174,941</u>	<u>\$79,710,028</u>	<u>\$764,080,592</u>

Mengenai langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini bagi menjayakan matlamat yang ada pada Dasar Ekonomi Baru adalah seperti berikut:

- (1) Di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 kecuali syarikat-syarikat yang mempunyai pelaburan tetapi terkurang daripada 500 ribu ringgit, syarikat-syarikat perindustrian dikenakan syarat equiti pada biasanya 30% dikhaskan kepada bumiputra bergantung kepada merit tiap-tiap satu kes. Mana-mana syarikat yang belum mematuhi syarat ini maka syarikat-syarikat itu telah diminta mengemukakan rancangan-rancangan jangka panjang bagi mencapai matlamat-matlamat equiti sebagaimana yang terdapat di bawah Dasar Ekonomi Baru.
- (2) Syarikat-syarikat perdagangan dan lain-lain syarikat telah diminta untuk menyusun semula equiti mereka dalam konteks perkembangan bagi membolehkan bumiputra menyertai dalam equiti syarikat-syarikat ini. Peratus yang dikhaskan bagi bumiputra lazimnya ialah sebanyak 30% juga bergantung kepada merit tiap-tiap satu kes.
- (3) Jawatankuasa Pelaburan Modal (C.I.C.) juga mengenakan syarat-syarat equiti apabila sesebuah syarikat dijadikan syarikat awam atau apabila pelabur-pelabur asing menubuhkan syarikat perdagangan di negeri ini bagi membolehkan bumiputra menyertai ekuitinya pada peringkat yang berpatutan.
- (4) Perbadanan-perbadanan Awam juga menubuhkan syarikat-syarikat bagi meningkatkan penyertaan bumiputra dalam bidang-bidang yang belum lagi dimasuki oleh bumiputra dan bertujuan di antara lain menyerahkan nanti saham-sahamnya kepada bumiputra. Perbadanan-perbadanan Awam juga membeli saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputra bagi menambahkan equiti yang dipegang oleh bumiputra.
- (5) Kerajaan telahpun menubuhkan suatu Tabung yang berjumlah sebanyak \$200 juta untuk membeli saham-saham yang dikhaskan kepada bumiputra yang

mana belum lagi dibeli untuk kemudiannya nanti diserahkan kepada bumiputra.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah dengar iaitu lebih kurang 1/6 sahaja modal saham Melayu pada tiap-tiap bulan dan yang selebihnya daripada kaum lain. Kalau hendak dikira perbezaan antara Cina dengan Melayu iaitu 1/6 daripada \$16 million lebih kurang \$2 million sahaja, bagaimana hendak mengatasi Dasar Ekonomi Baru. Saya hendak bertanya pada keseluruhannya (Melayu termasuk bumiputra) termasuk dari syarikat-syarikat bermakna Sabah dan Sarawak. Tadi dijawab semuanya saham orang Melayu sahaja. Adakah Melayu sahaja ataupun bumiputra keseluruhannya? Itu saya hendak bertanya.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa perangkaan yang dibuat ini baharu dimulakan pada tahun ini. Ada kemungkinan bahawa peratusan yang disebutkan Melayu ini tidak termasuk kaum bumiputra yang lain yang terdapat di Sabah dan Sarawak, tetapi saya akan kaji balik masalah ini dan kalau sekiranya perkara ini tidak diperangkakan maka ia akan cuba diperangkakan.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah saham sebanyak \$24.9 juta yang dimasuki oleh orang Melayu pada 6½ bulan itu termasuk Perbadanan-perbadanan Awam yang dibiayai oleh Kerajaan?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, jikalau jawapannya tidak pada soalan yang lepas, di manakah letaknya penyertaan Perbadanan-perbadanan Awam, dan soalan yang satu lagi yang saya suka bertanya ialah memandangkan kepada angka-angka yang disebutkan tadi hanya \$24.9 juta sahaja daripada kaum Melayu. Apakah langkah-langkah yang Kerajaan hendak ambil supaya menentukan angka itu bertambah dengan pesat lagi?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal pertama tadi, equiti yang dipegang oleh syarikat-syarikat Perbadanan ada pada angka-angka yang

saya sebutkan tadi di bawah jumlah syarikat. Sebenarnya, pihak Pendaftar Syarikat sedang hendak memecahkan pula saham-saham yang ada pada syarikat-syarikat itu tetapi oleh kerana saya katakan tadi perkara ini baru dilakukan oleh Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Syarikat telah membuat pengakuan bahawa equiti jumlah 513 juta saham yang dipegang oleh syarikat ini yang akan dipecahkan lagi iaitu mengikut syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Perbadanan-perbadanan dan juga syarikat-syarikat yang lain iaitu syarikat-syarikat tempatan dan syarikat-syarikat asing. Jadi, saya harap akan sampai masa nanti perkara ini akan dapat dimaklumkan kepada Dewan ini.

Mengenai usaha hendak menambahkan lagi atau memesatkan lagi pemilikan saham oleh bumiputra ini, perkara ini memang daripada semasa ke semasa diambil tindakan dan saya telah menyatakan tadi tentang langkah-langkah yang telahpun disebutkan di sini, tetapi yang mustahak di sini ialah pertamanya dari segi hendak mencapai maksud daripada Dasar Ekonomi Baru ini ialah samada pihak-pihak yang berkenaan itu faham akan dasar ini dan samada mereka hendak bersama-sama membantu Kerajaan melaksanakan Dasar ini. Dari segi fahaman semua pihak yang ada, saya fikir perkara ini pun telah difahami dan dengan sebab itu kebanyakan daripada mereka telahpun memberikan kerjasama untuk menyusun semula syarikat-syarikat masing-masing sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.

Setakat ini apa yang dapat dilakukan ialah secara persuasion dan daripada apa yang telah kita capai kita puas hati bahawa cara yang kita jalankan selama ini ada memberi kesan yang baik. Walaupun pertimbangan yang ada pada Akta Penyelarasan Perindustrian bahawa syarat-syarat ada dikenakan di dalam Akta itu sendiri mengenai equity ini, tetapi perlu saya tegaskan di sini bahawa cara yang ada pada hari ini kita rasa adalah baik dan kita akan teruskan lagi dan jika sekiranya kita dapati ada pihak-pihak yang tidak akan melaksanakan, kita akan cuba minta kepada mereka. Setakat ini apa yang kita lakukan ialah kita minta mereka itu mengemukakan rancangan jangka panjangnya dan kebanyakan daripada mereka telahpun mengemukakan rancangan masing-masing dan kita percaya dengan pengakuan yang telah diberikan oleh mereka

itu bahawa masalah menambahkan pemilikan saham bagi bumiputra ini akan dapat ditingkatkan lagi daripada setahun ke tahun.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengikut angka-angka yang diberi tadi dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa trend jika berkekalan sudah tentu akan membawa satu jurang yang lebih besar daripada apa yang ada?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham tentang maksud yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Walau bagaimanapun, tujuan kita ialah untuk menentukan bahawa dalam trend yang tidak sihat ini dapat kita kawal dan perkara yang mustahak di sini ialah cara mana kita boleh menambahkan penyer-taan anak bangsa dengan lebih berkesan lagi di dalam bidang ini.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, langkah-langkah untuk menambahkan lagi pelaburan bumiputra ini supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru itu akan dapat dicapai dengan sepenuhnya. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memahamkan kepada segenap peringkat jentera Kerajaan bagaimana pentingnya langkah ini diambil untuk membantu dan memberi segala kemudahan kepada bumiputra. Sebab pada pendapat saya usaha-usaha di peringkat pusat memang kita nampak boleh dikatakan cukup puas hati, tetapi di peringkat setengah-setengah peringkat Negeri tidak begitu memuaskan. Seumpamanya saya maksudkan begini: ada setengah-setengah jentera Kerajaan tadi memikirkan dengan cara mengadakan peluang-peluang perniagaan tidak kira kecil atau besar, samada penjaja atau pertanian, itu sudah mencukupi katanya, itu maksudnya. Jadi bila ada sedikit syarikat-syarikat yang lebih sedikit yang hendak melangkah ke hadapan maka peluang-peluang seumpama ini tidak diberi, yakni Kerajaan Negeri lebih memberatkan kepada pihak penjaja-penjaja kecil ataupun penjaja-penjaja kerana ini ada diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini beberapa million untuk dibelanjakan ke arah itu. Jadi adakah patut jika Menteri itu fikir segenap peringkat yang menjalankan jentera ini yakni

daripada setinggi-tinggi peringkat Menteri Besar kepada Menteri sehingga kepada Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan diberi briefing yang secukupnya dan banyakkannya diulang-ulangi, ataupun tidak.

Datuk Mohamad bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak sebutkan tentang samada pihak jentera yang mengendalikan dasar ini tidak faham atau tidak mempunyai fahaman yang cukup dari segi apa yang dimaksudkan dasar ini, saya fikir perkara ini telahpun kita maklum. Dan kalau tidak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat perkara peluang untuk berniaga, saya fikir itu satu masalah yang lain dan kalau disebutkan pula tentang Kerajaan Negeri sudah tentu ada asas-asas yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri sendiri untuk menentukan peluang-peluang yang ada itu harus akan diberikan kepada siapa, tetapi saya tidak fikir ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak sama sekali membantu pihak-pihak yang seharusnya mendapat peluang-peluang untuk memajukan perniagaan yang mereka lakukan masing-masing.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru ini memang baik, tujuannya cukup bagus kerana ada kepada orang Malaysia 40%, kepada bumiputra 30% dan orang asing pula 30% dan ada pula MARA, UDA, PERNAS, Perancang dan Perbadanan pun bagus. Tetapi yang tidak bagus, Tuan Yang di-Pertua, ini puncanya iaitu adakah orang Melayu dapat membeli saham ini, baik UDA, PERNAS atau Perbadanan-perbadanan, boleh atau tidak orang Melayu membeli oleh kerana yang kebanyakan orang Melayu makan gaji, jadi polis, jadi askar, jadi kerani, yang ada jadi pegawai tinggi—itu yang berada sedikit—tetapi yang berniaga ini tidak ada. Jadi walau bagaimana bermillionpun diletakkan untuk bumiputra, bumiputra tidak dapat membeli. Kalaupun dikatakan UDA untung, PERNAS untung, barangkali modal \$250 juta, saya tidak tahu berapa modalnya semua sekali \$1.5 juta untung tahun yang lalu berkokok macam ayam; ayam bertelur sebiji, berkokok satu kampung tahu. Modalnya \$250 juta, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dari mana datangnya modal, adakah daripada bank, bank hendak meminjamkan banyak-banyak hendakkan security dan sebagainya. Iaitu seperti kata Yang Berhormat Senator tadi kalau tidak ada security tiap-tiap orang Melayu

tidak akan boleh meminjam, ada working paper dan sebagainya yang mesti ditunjukkan tetapi kalau tidak ditunjukkan pun tidak apa. Ini adalah peluang sepertimana yang dikatakan oleh Senator Datuk Mansor, kalau bumiputra hendak meminta agensi setahun hingga dua tahun—payah hendak dapat. Payah sangat didapati daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan sebagaimana saya katakan tadi mereka tidak hendak beri dan kilang-kilang juga tidak mahu beri. Kalau tidak mahu beri apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ini kita tidak boleh berbuat apa-apa, sebab tidak ada undang-undang. Kalau tidak ada undang-undang apa orang peduli, kita minta belas kasihan dan minta sedekah daripada orang. Dengan belas kasihan sahaja begitu bolehkah jadi, yang kita hendak menjalankan betul-betul di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini supaya boleh dinikmati kemasukan bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Bolehkah dibuat begitu betul-betul.

Datuk Mohamad bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang awal yang disebutkan tadi. Kerajaan faham dalam masalah ini, iaitu caramana bumiputra ini hendak membeli saham-saham yang ada. Dan sebenarnya masalah ini sedang dalam kajian bagi mewujudkan satu cara bumiputra dapat menggunakan kemudahan-kemudahan yang tertentu bagi membeli saham-saham yang ada. Tetapi dari segi bumiputra keseluruhannya, saya fikir Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau saya mengatakan bahawa salah satu cara yang effective ialah melalui usaha bersama. Di sinilah dapat dihipunkan modal-modal yang ada biar pun kecil kemudian digunakan bagi mengambil alih saham-saham yang dapat disediakan daripada semasa ke semasa.

Mengenai agensi yang disebutkan tadi kalau Yang Berhormat dapat memberitahu saya di mana kes yang sampai bertahun-tahun tidak dapat, bolehlah saya selidiki dan dapat pula dicari apakah sebab lambatnya perkara itu dihasilkan. Kalau dapat kerjasama saya pun boleh memberi kerjasama kepada Yang Berhormat mengenai hal ini.

Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka yang diberikan pada hari ini iaitu Kerajaan ada menyediakan \$200 million untuk bumiputra mengambil bahagian.

Tetapi enam bulan setengah sudah ada modal \$764 million bermakna \$200 million cukup untuk 6½ bulan sekali rancangan kita ada lima tahun, adakah Yang Berhormat Timbuan Menteri itu bercadang hendak menambahkan lagi kewangan ini.

Kedua, katanya tadi sedang membuat kajian berkenaan dengan mengambil bahagian ini, barangkali bila kajian ini boleh kami dengar?

Datuk Mohamad bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai \$200 million yang saya sebutkan tadi ialah satu tabung yang telah disediakan untuk membeli saham-saham yang telah dihaskan kepada bumiputra,

tetapi tidak atau belum lagi diambil oleh bumiputra. Jadi masaalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi maksudnya itu adalah lain daripada maksud yang ada mengenai tujuan mewujudkan tabung \$200 juta ini.

Mengenai masaalah yang kedua itu perkara ini memanglah satu perkara yang besar yang memang difikirkan oleh Kerajaan daripada semasa ke semasa. Apa yang dapat saya sebutkan di sini bahawa usaha-usaha akan terus kita ambil untuk menentukan bahawa masaalah ini akan dapat kita perbaiki dari semasa ke semasa dan perkara itu sudah tentu mengikut kebijaksanaan yang ada pada Kerajaan daripada semasa ke semasa.

PEMBANGUNAN TANAH DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

5. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah ekar tanah yang ditetapkan untuk dimajukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga;
- (b) di manakah terletaknya rancangan-rancangan ini;
- (c) berapakah bilangan bukan bumiputra yang akan diberi peluang menyertai rancangan ini; dan
- (d) daripada bilangan ini berapakah yang akan terdiri daripada orang-orang keturunan India.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah ekar tanah yang ditetapkan untuk dibangunkan atau dimajukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ialah lebih kurang 100 juta ekar, iaitu dibahagikan kepada tiga bahagian.

Pertamanya, untuk ajensi yang berjumlah 500,000 ekar iaitu:

FELDA	350,000 ekar
FELCRA	50,000 ekar
RISDA	100,000 ekar

Kedua, bagi program Kerajaan-kerajaan Negeri sebanyak 240,000 ekar iaitu:

Semenanjung Malaysia	100,000 ekar
Sabah	70,000 ekar
Sarawak	70,000 ekar

Bagi usahasama sektor swasta 200,000 ekar iaitu:

Semenanjung Malaysia	100,000 ekar
Sabah	80,000 ekar
Sarawak	80,000 ekar

(b) Rancangan-rancangan ini terletak di negeri-negeri sebagai berikut:

<i>Negeri Pahang</i>				<i>Negeri Perak</i>										
FELDA	216,308	ekar	FELDA	26,958	ekar			
FELCRA	7,667	ekar	FELCRA	7,180	ekar			
RISDA	23,000	ekar	RISDA	24,210	ekar			
LKPP	13,000	ekar	SEDC	26,450	ekar			
DARA	66,927	ekar									
				Jumlah	..	294,502	ekar				Jumlah	..	84,795	ekar
<i>Negeri Trengganu</i>				<i>Negeri Johor</i>										
FELDA	19,782	ekar	FELDA	71,547	ekar			
FELCRA	14,152	ekar	FELCRA	10,723	ekar			
RISDA	35,500	ekar	RISDA	11,000	ekar			
PKINT	4,300	ekar	Jabatan Tanah dan Galian	2,500	ekar			
Trengganu Tengah	37,061	ekar	KEJORA	120,156	ekar			
				Jumlah	..	110,795	ekar				Jumlah	..	215,926	ekar
<i>Negeri Sembilan</i>				<i>Negeri Selangor</i>										
FELDA	46,520	ekar	FELDA	1,150	ekar			
FELCRA	5,400	ekar	Rancangan Revolusi Hijau					
PKENS	33,478	ekar	(Buku Hijau)	10,037	ekar			
				Jumlah	..	101,158	ekar				Jumlah	..	11,187	ekar
<i>Negeri Kedah</i>				<i>Negeri Kelantan</i>										
FELDA	7,416	ekar	FELDA	7,506	ekar			
FELCRA	7,929	ekar	FELCRA	3,900	ekar			
RISDA	3,601	ekar	PKINK	37,420	ekar			
SEDC	9,100	ekar									
				Jumlah	..	28,046	ekar				Jumlah	..	48,833	ekar
<i>Negeri Perlis</i>				<i>Negeri Melaka</i>										
PKENP	3,000	ekar	FELCRA	2,000	ekar			

Bagi Negeri Sabah rancangan di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri 4,000 ekar.

Lembaga Padi Sabah	20,000	ekar		
SLDB	21,300	ekar		
Lembaga Tabung Getah	3,200	ekar		
dan Jabatan Pertanian	1,400	ekar		
				Jumlah	..	49,908	ekar

Negeri Sarawak

SLDB	73,500	ekar		
SALCRA	44,000	ekar		
				Jumlah	..	117,000	ekar

Jumlah besar semuanya adalah 1,067,186 ekar.

Bagi menjawab soalan (c) dan (d) sukaiah saya menyebutkan bahawa rancangan-ancangan yang diselenggarakan oleh FELDA, FELCRA dan juga RISDA serta lain-lain rancangan di bawah Kerajaan-kerajaan Negeri adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan terima di rancangan-ancangan ini. Walau bagaimanapun, setakat ini adalah sukar untuk memastikan bilangan orang-orang yang bukan bumiputra termasuk mereka yang dari keturunan India yang akan dimasukkan di rancangan-ancangan ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi ada dinyatakan tanah yang akan dibuka ialah lebih daripada satu juta ekar di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Pertama, saya hendak minta huraian dalam takrif Buku Hijau 10,000 ekar di Selangor; macammana kedudukannya, kenapa tidak diselaraskan kepada negeri-negeri yang lain.

Kedua, termasuklah atau tidak, dalam satu juta ekar tadi rancangan tanaman padi secara perladangan.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, rancangan Revolusi Hijau atau Buku Hijau ini hanya ada di negeri Selangor sahaja dengan kerana tanah-tanah yang ada baki di negeri Selangor ini kedudukannya berpecah-pecah dan tidak mempunyai satu kelompok tanah yang agak besar yang boleh dimajukan di bawah rancangan-ancangan agensi-agensi Kerajaan Pusat.

Kerajaan Negeri mempunyai program sendiri untuk mengadakan satu rancangan bagi menggalakkan rakyat negeri Selangor ini menanam segala jenis tanaman yang dianggap sebagai cash crops seperti sayur, jagung, pisang atau sebagainya. Dan jumlah 10,033 ekar ini bukan satu tempat, tetapi berpecah-pecah. Ini sengaja dimasukkan di dalam rancangan ini.

Adapun negeri-negeri lain itu sepanjang yang kita terima lapuran, tidak ada tertulis dan tersebut perkataan Revolusi Hijau ini.

Berkenaan dengan mengadakan tanaman padi secara berladang ini yang jelas sekarang ini yang pertamanya, dari Sabah. Sabah ada usaha-usaha oleh pihak Kerajaan negeri mengadakan satu rancangan tanaman padi secara ladang ataupun secara besar-besaran. Selain daripada Sabah saya kira, tidak ada.

Di bawah FELCRA, kita ada juga memajukan rancangan padi di Seberang Perak

tetapi bukanlah secara ladang besar-besaran sebab rancangan padi di Seberang Perak dibahagikan mengikut jumlah keluasan yang ditetapkan kepada setiap keluarga. Hanya di Sabah sahajalah yang diadakan penanaman padi secara ladang besar-besaran seperti ini.

PENGEMIS-PENGEMIS

6. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) samada beliau sedar pada masa ini terdapat di bandar-bandar besar di Semenanjung Malaysia ramai pengemis-pengemis merimpat sana-sini dan telah memberi satu gambaran yang kurang sihat kepada pelancung-pelancung luar negeri yang mengunjungi tanahair kita; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementeriannya dalam usaha mengurangkan atau menghapuskan langsung perbuatan mengemis ini untuk menjaga imej negara kita.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kebajikan Am sedar adanya pengemis-pengemis di bandar-bandar besar di Semenanjung Malaysia tetapi kebanyakan daripada mereka ini adalah terdiri dari pengemis-pengemis profesyenal ataupun sepenuh masa yang tidak mahu tinggal di rumah-rumah kebajikan masyarakat.

Tindakan yang diambil oleh Kementerian Kebajikan Am dalam usaha mengurangkan atau menghapuskan langsung perbuatan mengemis ini adalah seperti berikut:

- (1) Mengadakan beberapa rumah kebajikan untuk orang-orang tua dan juga pesakit melarat yang miskin.
- (2) Untuk mereka yang tidak mahu tinggal di rumah kebajikan masyarakat atau yang tidak memerlukan tempat demikian, mengadakan peruntukan bantuan wang bulanan untuk sara hidup.

- (3) Mengadakan peruntukan bantuan am di tiap-tiap Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri bagi semua golongan orang-orang susah.
- (4) Mengadakan beberapa rumah kebajikan bagi kanak-kanak termasuk mereka yang cacat supaya keadaan kanak-kanak ini tidak digunakan oleh pengemis sebagai alasan untuk meminta sedekah.
- (5) Mengadakan bengkel-bengkel pemulihan dan latihan serta perkhidmatan seliaan terhadap orang-orang cacat supaya kecacatan mereka tidak menjadi halangan bagi mereka mendapat pekerjaan ataupun menjalankan perusahaan sendiri.
- (6) Memberi bantuan wang kepada badan-badan kebajikan sukarela yang menjalankan kerja-kerja pemulihan serta latihan, jagaan dan bantuan am samada di dalam atau luar yayasan bagi mereka yang kurang bernasib baik seperti orang-orang cacat, anak-anak yatim, pesakit T.B., orang-orang tua dan sebagainya.
- (7) Memberi kerjasama kepada pihak Polis yang menjalankan kerja-kerja tangkapan ke atas pengemis-pengemis dari semasa ke semasa.
- (8) Menyediakan Akta Orang-orang Papa 1977 yang baru dilulus oleh Parlimen. Apabila Undang-undang ini dikuatkuasakan, Akta ini akan memberi kemudahan kepada Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat membawa pengemis-pengemis dan orang-orang yang merayau di sana-sini ke hadapan Majistret untuk ditempatkan dalam rumah-rumah kebajikan.

PENYALAHGUNAAN DADAH

7. Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan berapa bilangan:

- (a) kakitangan Kerajaan; dan
- (b) pelajar-pelajar; yang terlibat di dalam penagihan dadah dan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) 238
- (b) 399.

Angka-angka ini adalah semenjak tahun 1973.

PENCEMARAN UDARA

8. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Sain, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau mengambil berat tentang kedudukan yang buruk mengenai pencemaran di Kepong Gardens di Kuala Lumpur, Kuala Kedah dan Kampung Kuala Juru di Seberang Perai dan lain-lain dan jika ya, samada beliau telah ambil tindakan-tindakan yang wajar untuk mengurangkan kecemaran di kawasan-kawasan ini.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator bahawa saya memandang berat di atas keadaan pencemaran di negara ini. Ini meliputi Taman Kepong di Kuala Lumpur, Kuala Kedah di Kedah dan Kampung Kuala Juru di Seberang Perai.

Sepertimana Yang Berhormat Senator sedar masaalah pencemaran di negara ini telah bertambah tahun demi tahun hasil daripada perancangan di masa itu yang tidak mempertimbangkan kepentingan-kepentingan alam sekitar. Kawalan alam sekitar hendaklah dirancang di peringkat awal lagi. Langkah-langkah pemulihan untuk menghadapi masaalah yang timbul seterusnya tentu sekali rumit dan memakan belanja yang banyak. Bersabit dengan Taman Kepong, industri-industri yang menimbulkan masaalah pencemaran telah didirikan berdekatan dengan kawasan-kawasan perumahan dan di dalam beberapa kes pula, kawasan-kawasan perumahan telah dibangunkan dekat dengan punca-punca pencemaran. Hanya satu langkah saja yang dapat mengatasi masaalah pencemaran di Taman Kepong iaitu memastikan industri-industri memasang alat-alat kawalan pencemaran dan mematuhi paras-paras pelepasan yang ketat sepertimana yang telah ditetapkan. Suatu Peraturan Udara Bersih yang menyeluruh meliputi pelbagai pelepasan-pelepasan pencemaran telah dirangkakan dan akan dikuatkuasakan pada penghujung tahun ini.

Di bawah Peraturan-peraturan ini, industri-industri diberi tempoh masa perantaraan bagi memasang alat-alat kawalan pencemaran. Saya yakin pada tahun depan masalah pencemaran-pencemaran udara di kawasan-kawasan yang diancam dengan teruknya di negara ini akan dapat dikurangkan dengan banyaknya.

Berkenaan dengan pencemaran di Kuala Kedah, Kementerian saya telah mengadakan satu penyiasatan yang mendalam dan mendapati bahawa "effluen" itu adalah berpunca daripada Kilang Asean Chemical Sdn. Bhd. Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telahpun menentukan beberapa langkah kawalan dan kilang tersebut sedang diawasi di dalam pembuangan pelepasan itu.

Berkaitan dengan Kuala Juru pula, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya telah melakukan satu kajian yang lengkap ke atas masalah-masalah pencemaran itu. Adalah didapati bahawa sungai itu telah dicemarkan oleh bahan-bahan organik dan bukan organik. Laporan yang mengandungi perakuan-perakuan bagi mengawasi pencemaran di Kuala Juru telah dikemukakan oleh Kementerian saya ke pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Senator bahawa Peraturan-peraturan bagi pembuangan pelepasan daripada kilang telah juga dirangkakan. Ini akan diwartakan di dalam beberapa bulan ini. Sebaik-baik sahaja ianya dikuatkuasakan saya percaya masalah pencemaran di Kuala Juru dan di kawasan-kawasan yang lain di negara ini akan dapat dikurangkan.

Akhirnya, saya ingin memberi jaminan kepada sidang ini bahawa seluruh masalah pencemaran di negara ini sedang dihadapi secara teratur oleh Kerajaan. Peraturan-peraturan Kawalan Pencemaran Air dan Udara telahpun diadakan hasil daripada kajian-kajian yang teliti dan perundingan-perundingan menyeluruh dengan Kementerian-kementerian lain serta juga sektor swasta dan Peraturan-peraturan akan dikuatkuasakan dengan ketatnya. Perubahan di dalam keadaan alam sekitar akan dapat kesan pada tahun depan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, di Kepong, di Jinjang dan di Batu Caves ini sudah bertahun-tahun dan sudah dicakapkan bertahun-tahun juga sungguhpun ada jalan untuk menyekat-

nya sampai hari ini orang-orang yang duduk di situ dari apa bangsa sekalipun tidak boleh buka pintu dan tingkap, semuanya bertutup. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak boleh buat apa-apa. Kalau lesennya tidak boleh dikensel kerana Kerajaan Negeri sayangkan Batu Caves barangkali kapitalis-kapitalis besar di Batu Caves itu, Kerajaan Negeri tidak mahu kensel lesennya dan Kementerianpun tidak boleh buat apa-apa. Saya minta kepada Kementerian boleh atau tidak iaitu tiap-tiap orang yang duduk di sekitar kawasan itu enam bulan sekali pergi X-Ray supaya kesihatan orang-orang itu terjamin yang mana perbelanjaannya ditanggung oleh pihak yang menjalankan quarry itu. Kalau tidak, berlakulah misalnya batuk kering atau penyakit paru-paru kepada orang-orang itu. Boleh atau tidak Kementerian bertindak sebagaimana tindakan yang dibuat Mini Mata di Keshyu, Negeri Jepun iaitu ada kilang-kilang ikan di sana yang mana orang-orang makan ikan di situ tulangnya reput semuanya dan kilang-kilang itu terpaksa membayar berjuta-juta ringgit. Jadi, saya mintalah oleh kerana kita ada Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar membuat satu dasar ataupun apa sahaja tiap-tiap enam bulan dada mereka itu kena X-Ray.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi keadaan ini tidak sama seperti di negeri Jepun, keadaan di sini tidak serupa kerana ada pun kilang-kilang di Kepong itu didirikan di tempat itu dahulu maka baharu datang setinggasetinggatan ataupun penduduk-penduduk masuk di kawasan itu, kerana itulah masalah yang kita tidak dapat mengatasinya dengan tempoh yang singkat, ini akan mengambil masa panjang. Seberapa boleh Kementerian saya akan mengkaji perkara ini dan seperti saya katakan tadi pada tahun hadapan ini dapat dikurangkan.

KAWALAN HARGA GETAH/KELAPA SAWIT/TIMUN

9. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah perjanjian yang telah dibuat untuk menjaga kawalan harga getah, kelapa sawit dan timah, supaya harga-harga yang ada pada masa ini tidak akan diturunkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian saya untuk memastikan supaya harga bahan-bahan utama kita seperti getah, timah dan lain-lain berada di dalam keadaan seimbang pada paras harga yang berpatutan. Bagi mencapai tujuan tersebut beberapa perjanjian barangan antarabangsa telahpun diwujudkan dengan tujuan utama bagi menstabilkan harga. Malaysia kini menyertai dua daripada perjanjian-perjanjian berkenaan iaitu:

- (1) Perjanjian perstabilan harga getah asli antarabangsa; dan
- (2) Perjanjian Timah antarabangsa yang kelima.

Bagi getah perjanjian perstabilan harga getah telahpun ditandatangani oleh Menteri-menteri daripada kesatuan negara-negara pengeluar getah asli (A.N.R.P.C.) iaitu Malaysia, Indonesia, Sri Lanka, Singapura dan Thailand pada 30hb November, 1976 di Jakarta. Perjanjian ini antara lain bertujuan untuk menstabilkan harga getah asli dan bukan untuk mengawal harganya. Perjanjian ini telahpun disahkan oleh Malaysia, Indonesia dan Sri Lanka dan akan berkuatkuasa selepas sahaja negara-negara yang lain yang menandatangani perjanjian ini mengesahkan perjanjian tersebut.

Langkah-langkah sedang diambil untuk meluaskan perjanjian itu di peringkat persidangan perdagangan dan pemajuan Bangsa-bangsa Bersatu (U.N.C.T.A.D.) supaya negara-negara pengguna juga dapat menyertai perjanjian tersebut. Pada masa ini perundingan-perundingan sedang giat dijalankan bagi mewujudkan perjanjian yang lebih luas bagi getah di bawah U.N.C.T.A.D.

Mengenai timah pula Malaysia telah menyertai perjanjian timah antarabangsa lebih 20 tahun dahulu iaitu sejak perjanjian yang pertama berkuatkuasa pada tahun 1956. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum salah satu tujuan utama perjanjian itu ialah untuk menjaga perstabilan harga timah di paras yang berpatutan pada jangka masa panjang. Kementerian saya tidak bercadang untuk mengadakan satu perjanjian bagi mengawal harga minyak kelapa sawit kerana langkah tersebut adalah tidak prektik dari segi teknikal. Minyak kelapa sawit cuma merupakan 6.5% daripada pengeluaran minyak makan dan lemak dunia dan cuma merupakan 12% daripada jumlah

bahagian ekspot dunia bagi minyak makan dan lemak. Memandangkan bahawa minyak kelapa sawit adalah merupakan bahagian yang kecil daripada perdagangan dunia dan menjadi kenyataan bahawa minyak kelapa sawit mempunyai persaingan daripada berbagai jenis minyak sayuran dan lemak, maka adalah tidak menguntungkan jika cuma harga minyak kelapa sawit dikawal. Tambahan pula tiap-tiap sekim kawalan akan melibatkan stock penimbal bagi satu tempoh masanya lama yang mana kemungkinan akan membawa penurunan mutu bahan tersebut.

NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN

10. Puan Hajjah Fatimah binti Abdul Salim minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau akan menimbangkan supaya nombor-nombor pendaftaran kereta yang popular yang sangat dikehendaki hendaklah dikeluarkan secara bertender dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya belum ada cadangan untuk mengeluarkan nombor-nombor pendaftaran kenderaan yang popular secara bertender. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian.

PENULIS BERLESEN (PETITION-WRITERS)

11. Datuk Abdul Aziz bin Tapa: (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai bilangan penulis-penulis berlesen (petition-writers) di pejabat-pejabat Kerajaan seperti di Jabatan Imigresen dan di Pejabat R.I.M.V. Adakah rancangan beliau untuk menempatkan mereka ini di suatu tempat khas yang teduh supaya mudah orang ramai mendapat perkhidmatan mereka. Jika ada bila, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sukalah saya menjelaskan, adalah disedari memang terdapat penulis-penulis berlesen (petition-writers) yang menjalankan urusan mereka disekitar pejabat-pejabat Kerajaan seperti Jabatan Imigresen

dan Pejabat-pejabat R.I.M.V. Kerajaan tidak ada rancangan untuk menempatkan mereka di satu tempat khas oleh kerana mereka sendiri telah dapat mengadakan kemudahan-kemudahan tertentu dalam menjalankan urusan masing-masing.

PERSATUAN PENIAGA-PENIAGA KECIL

12. Datuk Abdul Aziz bin Tapa minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan Persatuan Peniaga-peniaga Kecil yang diawasi oleh Kementerian ini, adakah perkembangan menggalakkan ataupun sebaliknya.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang ini sedang mengumpulkan maklumat-maklumat mengenai Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga-peniaga kecil di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Adalah dianggarkan bahawa Persatuan-persatuan Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil ada ditubuhkan di tiap-tiap daerah. Walau bagaimanapun, dari maklumat-maklumat yang di terima daripada Persatuan-persatuan Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga kecil di Peringkat Daerah yang telah mengemukakan butir-butir mengenai pergerakan persatuan mereka, persatuan-persatuan ini mempunyai keahlian dari 70 orang sehingga kepada 1,000 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telahpun menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Hal Ehwal Peniaga-peniaga Kecil di mana Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjadi pengerusinya. Ahli-ahli yang lain terdiri daripada wakil-wakil dari beberapa buah Jabatan dan Kementerian, Badan-badan Berkanun dan Persatuan-persatuan Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga kecil. Jawatankuasa ini mempunyai tugas seperti berikut:

- (1) Menerima maklumat-maklumat mengenai kemajuan dan masalah peniaga-peniaga kecil;
- (2) Membuat syor-syor kepada Pihak Berkuasa—pihak berkuasa yang berkenaan berkaitan dengan pengawalan serta bantuan kepada peniaga-peniaga kecil;

(3) Mengeluarkan panduan-panduan serta nasihat kepada persatuan-persatuan peniaga kecil mengenai perjalanan persatuan-persatuan ini;

(4) Mengemukakan laporan-laporan serta lain-lain tindakan untuk pertimbangan serta keputusan Kerajaan.

Jawatankuasa telahpun bermesyuarat sebanyak dua kali dan perkara-perkara yang telah dibangkitkan adalah merupakan masalah-masalah yang dihadapi oleh penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil dari segi bantuan kewangan, tempat perniagaan, pengeluaran lesen-lesen serta kadar bayaran lesen-lesen.

Dengan tertubuhnya Jawatankuasa ini maka penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil sekarang mempunyai saluran tetapi bagi mengemukakan masalah-masalah yang mereka hadapi. Dalam perbincangan-perbincangan yang telah diadakan dalam mesyuarat Jawatankuasa adalah didapati bahawa masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh penjaja-penjaja kecil adalah mendapat perhatian berat daripada Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan. Jawatankuasa adalah bercadang untuk membuat perakuan kepada Kerajaan bagi mengadakan satu dasar tertentu mengenai penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil lebih-lebih lagi mengenai penempatan mereka dalam kawasan-kawasan Kerajaan Tempatan ataupun Majlis-majlis Tempatan untuk mereka menjalankan perniagaan.

Saya percaya bahawa Persatuan Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga kecil sekarang ini adalah berjalan dengan baik dan Kementerian ini melalui Jawatankuasa Kebangsaan Hal Ehwal Peniaga-peniaga Kecil akan cuba membantu mereka seberapa yang boleh.

PENERBANGAN MAS KE ALOR STAR

13. Tuan V. S. M. Vellayappa minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau dapat mengaturkan lebih banyak serta sering penerbangan MAS dalam negeri bagi negeri Kedah.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang MAS hanya dapat mengadakan satu perkhidmatan F-27 tiap-tiap hari dari Kuala Lumpur melalui Ipoh, Pulau Pinang dan Alor Star

dan penerbangan ini terus hingga ke Kota Bharu dan balik mengikut sektor itu juga. Dalam perangkaan masa tiga bulan yang lalu (Januari hingga akhir bulan Mac 1977) sebanyak 124 kali penerbangan telah dibuat ke Alor Star dan jumlah bilangan angka penumpang-penumpang yang naik di Alor Star berjumlah 833 penumpang, sementara bilangan penumpang-penumpang yang turun di Alor Star ialah sebanyak 866 orang. Kira purata, ini bermakna tidak lebih dari 10 orang penumpang yang turun atau naik di lapanganterbang Alor Star. Perangkaan ini tersangat kecil bilangannya dan nyatalah bahawa kapasiti bagi penumpang-penumpang ini adalah mencukupi dengan menggunakan perkhidmatan yang ada sekarang ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penumpang-penumpang. Di sini saya hendak memberitahu dan bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. MAS menggunakan mesin untuk mengira bagaimana berapa banyak penumpang-penumpang yang naik pada hari itu. MAS telah rugi ataupun kalau untung hanya untung sedikit tetapi dikatakan pada tahun lepas rugi banyak oleh kerana kurang penumpang. Saya naik kapalterbang daripada Kuala Lumpur pada 10 haribulan pergi ke Singapura dan balik dengan open ticket tidak boleh, dikatakan tidak ada tempat.

Apabila sampai ke Singapura kita talipon ke pejabat MAS di Singapura, tiga jam menanti tak berjawab, talipon berbunyi tetapi tidak berjawab. Kalau beginilah gayanya pejabat MAS di Singapura tentulah tidak ada orang hendak naik kapalterbang. Apabila sudah dapat dia kata boleh tolong, katanya semua tempat duduk sudah penuh tetapi boleh ditolong. Saya hendak kapalterbang pada pukul 5.00 terpaksa pergi ke situ pukul 3.45 mintalah tolong beri satu tiket. Ada satu orang kawan tolonglah kawan ini berilah First Class ticket kemudian ditolong satu lagi. Pukul 5.00 naik kapalterbang. Soalannya nantilah, hendak menyedapkan takkan begitu tiba-tiba hendak menumbuk sahaja, tentu ada salahnya. Apabila sudah naik First Class cuma 4 orang, semua sekali 18 orang 14 orang pula yang di Tourist Class. Satu kapalterbang saya ingat sekurang-kurangnya 90 orang, dikatakan tak ada bertiket, sudah penuh. Barangkali perkara ini berlaku di mana-mana macammana yang dikatakan tadi cuma

800 orang setahun yang bergerak. Saya ingat perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri tolonglah siasat. Boleh atau tidak disiasat di atas perkara ini oleh kerana Kedah tidak dapat kapalterbang sebab komputernya rosak. Boleh atau tidak dibuat begitu.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini soalan lain tetapi sukalah saya menjelaskan bahawa memanglah rumit bagi pihak MAS hendak menyempurnakan 100% masaalah ini kerana kadang-kadang masaalah ini ialah berlaku disebabkan oleh penempah-penempah dan juga wakil-wakil pelancung dalam mana pada mulanya mereka membuat tempahan yang tertentu tetapi apabila sampai ketikanya pada masa penerbangan itu hendak berangkat mereka tidak menghadirkan diri dan tidak memberitahu pihak MAS tentang pembatalan yang mereka lakukan. Bagi pihak MAS terpaksa bergantung kepada merit, siapa yang dahulu datang menempah, orang itulah yang ditentukan lebih dahulu tetapi pembatalan penempahan itu kalau sekiranya tidak diberitahu kepada pihak MAS inilah yang menjadi masaalah, kadang-kadang dikatakan penumpang seharusnya penuh tetapi didapati apabila penerbangan itu berjalan terdapat kekosongan-kekosongan di dalam kapalterbang itu. Walaupun ada peraturan yang membolehkan pihak MAS bukan kata mendenda, mengenakan pembayaran ataupun seumpamanya kepada penempah-penempah yang tidak menunaikan janjinya, tetapi oleh kerana tidak ada penerbangan-penerbangan yang menjalankan tindakan seperti itu, maka pihak MAS sendiri berasa tidaklah patut MAS menjalankannya sehingga masa ini. Tetapi sekiranya keadaan ini berlaku terus-menerus, maka kemungkinan pihak MAS akan menimbangkan peraturan seperti itu dan saya mengakulah kepada pihak Ahli Yang Berhormat itu bahawa saya akan menyiasat dalam masaalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

KELULUSAN PEGAWAI-PEGAWAI HAIWAN

14. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa pegawai-pegawai haiwan yang lulus daripada universiti-universiti di Australia, Kanada, New Zealand, United Kingdom dan Indonesia dimasukkan di dalam Bahagian Satu, tetapi pegawai-pegawai yang lulus daripada universiti-universiti Pakistan, Bangladesh, Ceylon dan India dimasukkan ke dalam Bahagian II, jika ya samada beliau akan menimbang supaya mereka ditempatkan dalam Bahagian yang sama.

Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Kerajaan sedar tentang perkara ini, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai yang berkenaan yang berkelulusan daripada universiti-universiti di Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan India adalah diberi memegang jawatan Penolong Pegawai Haiwan. Mereka yang berkelulusan daripada universiti-universiti lain yang diiktiraf, dilantik sebagai Pegawai Haiwan. Perbezaan yang dikuatkuasakan di antara kedua-dua kumpulan kelulusan ini dalam Perkhidmatan Haiwan Kerajaan sekarang adalah berasaskan kepada beberapa faktor seperti berikut:

- (i) Dari kajian dan penilaian yang dibuat oleh Kerajaan semenjak tahun 1968, adalah didapati bahawa kelulusan kedoktoran haiwan daripada universiti-universiti di Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan India adalah rendah dari segi mutu dan taraf pencapaian akademiknya, berbanding dengan ijazah-ijazah daripada lain-lain universiti yang diiktiraf. Oleh yang demikian, untuk tujuan perlantikan dalam Perkhidmatan Haiwan, mereka hanya diperakui layak ditempatkan ke dalam kumpulan Separa Iktisas sahaja, iaitu sebagai Penolong Pegawai Haiwan.
- (ii) Jangkamasa kursus ijazah/diploma di Universiti-universiti Pakistan/India umumnya adalah lebih singkat dan kelayakan masuk yang minima bagi pelajar-pelajar Malaysia hanyalah M.C.E./S.P.M. sahaja.
- (iii) Sebelum penubuhan Universiti Pertanian Malaysia, yang mana mempunyai Fakulti Kedoktoran Haiwan dan Sains Penternakan yang mengeluarkan

ijazah-ijazah kedoktoran haiwan, Kerajaan telah menghantar beberapa orang pegawai yang berkelulusan dari India dan Pakistan yang telah menunjukkan mutu perkhidmatannya yang cemerlang ke luar negeri untuk mendapatkan ijazah-ijazah daripada Australia, Kanada dan United Kingdom. Ini bertujuan untuk meninggikan pengetahuan dan pengalaman mereka dan membolehkan mereka memegang jawatan-jawatan Pegawai Haiwan. Dengan tertubuhnya Universiti Pertanian Malaysia pula, rancangan ini telah diberhentikan oleh sebab universiti tempatan kita boleh menerima pegawai-pegawai seperti ini apabila kemudahan-kemudahan Universiti Pertanian memadai kelak. Ini bermakna bahawa mereka akan berpeluang untuk mendapatkan ijazah daripada Universiti Pertanian Malaysia bagi melayakkan mereka memegang jawatan-jawatan Pegawai Haiwan.

- (iv) Akta Kedoktoran Veterinar yang telah digubal dalam tahun 1974 yang mana bertujuan untuk mendaftar doktor-doktor haiwan, juga menentukan perbezaan antara dua kumpulan kelulusan yang diiktiraf, iaitu siswazah kedoktoran haiwan daripada Australia, Kanada, New Zealand, United Kingdom dan Indonesia disenaraikan di bawah Bahagian I Jadual Kedua dan yang lain-lainnya di bawah Bahagian II. Maksud Pendaftaran ini dikenakan ialah untuk membolehkan kedua-dua kumpulan ini bersaing dari segi kebolehan dan kepintaran dan sebagainya di dalam sektor swasta.

Kerajaan berpendapat bahawa berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, perbezaan yang diamalkan mengenai kedua-dua kumpulan kelulusan ini harus diteruskan, demi untuk kepentingan mengekalkan mutu perkhidmatan haiwan di negeri ini.

KEKURANGAN MINYAK TANAH DIESEL

15. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada beliau sedar baru-baru ini telah berlakunya masalah kekurangan bekalan minyak tanah dan minyak disel

di beberapa tempat di dalam negara kita; dan

- (b) jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh beliau untuk mengatasi masalah tersebut.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):

- (a) Saya sedar masalah kekurangan bekalan minyak tanah dan minyak disel yang berlaku di beberapa tempat di negara kita yang telah mendatangkan kesulitan kepada orang ramai.
- (b) Masalah-masalah kekurangan bekalan yang dialami oleh orang ramai itu walau bagaimanapun telah dapat diatasi melalui langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya. Di antaranya ialah mengarahkan syarikat-syarikat minyak dan pengidar-pengidar minyak menentukan bekalan-bekalan tambahan diedarkan dengan serta-merta ke kawasan-kawasan yang terlibat bagi menentukan bekalan yang sentiasa mencukupi untuk keperluan pengguna-pengguna. Orang ramai dalam pada itu adalah diminta memberikan kerjasama dengan membuat aduan segera kepada pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian saya di mana-mana pejabat cawangan yang berdekatan sekiranya terdapat kekurangan bekalan.

Selain dari itu, Jawatankuasa Harga Barang-barang Petroleum yang ditubuhkan di Kementerian saya telah diarah supaya membuat kajian yang lebih mendalam mengenai langkah-langkah jangka-panjang yang patut diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

MAKANAN DALAM TIN KEPADA ANGGOTA TENTERA

16. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pertahanan menyatakan oleh kerana

- (a) pembekalan resen-resen kepada pasukan keselamatan yang menjalankan operasi dibekalkan dengan makanan-makanan dalam tin, adakah makanan-makanan ini mempunyai vitamin dan berapa peratuskah vitamin yang terkandung di dalamnya dan tempoh berapa lamakah makanan-makanan ini boleh tahan;

- (b) oleh sebab makanan-makanan dalam tin ini dibekalkan kepada Angkatan Bersenjata kita yang menjalankan operasi bukan begitu memuaskan jika dibandingkan dengan makanan-makanan yang diberikan oleh Askar-askar British, Australia dan sebagainya. Adakah apa-apa rancangan untuk mengkaji perkara ini dengan tujuan memberikan makanan yang lebih baik dan bermutu tinggi, supaya perkara ini dapat bersaing dengan tentera-tentera lain.

Menteri Pertahanan (Dato' Hussein Onn):

- (a) Makanan dalam tin dan lain-lain item ransum kering yang dibekalkan kepada anggota-anggota tentera kita sememangnya mempunyai kalori dan vitamin yang cukup. Untuk makluman Yang Berhormat Senator ransum untuk sehari yang diberi kepada anggota-anggota tentera kita adalah mengandungi 3,912 kalori walhal keperluan sehari untuk seorang yang aktif hanyalah sebanyak 3,300 kalori sahaja. Begitu juga halnya dengan zat-zat galian dan vitamin yang ada di dalam ransum yang dibekalkan adalah lebih daripada apa yang diperlukan oleh tubuh badan anggota-anggota tentera kita. Ransum kering seperti yang dibekalkan sekarang ini adalah tahan disimpan selama 2 tahun.
- (b) Makanan yang dibekalkan kepada anggota-anggota tentera kita adalah disesuaikan dengan keperluan tubuh badan dan selera (taste) orang-orang kita. Dengan itu ransum yang dibekalkan kepada anggota-anggota tentera kita tidaklah boleh dibandingkan dengan ransum yang dibekalkan oleh negara-negara lain kepada anggota-anggota tenteranya kerana masing-masing adalah membekalkan ransum mengikut keperluan dan selera masing-masing. Berkenaan cadangan Yang Berhormat Senator agar kajian dibuat ke atas ransum yang dibekalkan kepada anggota tentera bagi meningkatkan mutunya saya suka saya menyatakan bahawa Kementerian Pertahanan mempunyai sebuah Jawatankuasa Khas yang bertanggungjawab mengkaji dan mengubah dari masa ke semasa jumlah catuan dan jenis barang-barang makanan yang dibekalkan kepada

anggota-anggota tentera kita. Selain daripada itu kajian saintifik adalah dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Perumahan Kementerian ini ke atas barang-barang makanan yang dibekalkan kepada anggota-anggota tentera kita untuk menentukan mutunya dari segi nilai, rasa, kemudahan membawa dan memasak dan lain-lain aspek.

LAPANGAN TERBANG KEPALA BATAS

17. Tuan V. S. M. Vellayappa minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah landasan Lapangan Terbang Kepala Batas dapat diperbesar dan dibaiki bagi membolehkan Boeing 737 mendarat. Ini dianggap sangatlah perlu memandang kepada pembangunan di Negeri Kedah yang sedang pesat membangun dan ramai daripada penduduk-penduduk menggunakan kemudahan MAS.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Peruntukan sebanyak \$3 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah disediakan bagi rancangan projek Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Star yang akan dilaksanakan mulai tahun 1978 hingga 1980. Dari sejumlah wang itu, sebanyak \$1 juta telah diperuntukan khas untuk membaiki lagi mutu landasan lapangan terbang di Alor Star itu dan apakala siap rancangan pembinaan ini, landasan tersebut boleh digunakan oleh pesawat jenis B737. Selain dari itu, peruntukan juga disediakan untuk pembinaan dan membaiki bangunan terminal lapangan terbang tersebut.

ORDINAN DADAH BERBAHAYA

18. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) Bilangan kes-kes yang telah didakwa dan dibawa ke mahkamah di bawah Ordinan Dadah Berbahaya (Pindaan) 1975 semenjak undang-undang itu diluluskan; dan
- (b) bilangan orang-orang yang bersalah di bawah Ordinan tersebut dan telah dihukum mati atau penjara seumur hidup.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):

- (a) Semenjak dari pindaan terhadap Ordinan Dadah Berbahaya 30/52 di kuatkuasakan pada 28hb April, 1975 sehingga bulan Jun, 1977, 89 orang telah didakwa kerana kesalahan "trafficking" dadah-dadah berbahaya dalam mana jika sabit kesalahan mereka boleh dikenakan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan disebat.
- (b) Dari jumlah tersebut seorang telah dihukum mati dan 8 orang telah dipenjarakan seumur hidup serta disebat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG (PERANCANGAN) BANDARAYA KUALA LUMPUR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Ogos, 1977).

3.40 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyambung ucapan saya semalam Fasal 2 akan membolehkan Datuk Bandar Kuala Lumpur ini menyediakan pelan-pelan susunan tanah dalam kawasan yang diperluas mengikut apa yang ditetapkan di dalamnya. Tentulah pelan induk Bandaraya Kuala Lumpur mengikut kawasan yang diluaskan itu akan disiapkan dan pelan itu lebih bercorak dan berbentuk bandaraya yang kita hajati, cuma saya mengharap supaya pakar-pakar perancang itu kelak sayugia dapat dinasihatkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini, reka-bentuk binaan bangunan itu seberapa boleh biarlah berunsur berkeperibadian Malaysia kerana bangunan yang akan didirikan itu akan menjadi warisan sejarah yang mengenali bahawa bandaraya inilah ibukota Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, gemar saya membuat pandangan lanjut dalam pindaan Rang Undang-undang yang dikemukakan ini, saya berikan tajuknya dan saya akan berucap dengan seberapa ringkas sebab rakan-rakan sejawat saya Yang Berhormat lain akan juga bersama-sama turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Pertama sekali tajuk yang saya hendak kemukakan ialah tanggungjawab Bandaraya. Pertama sekali kebersihan. Kebersihan pada masa sekarang belum begitu memberi puas hati walaupun kita telah ada undang-undang boleh didenda siapa yang mengotor dan mencemarkan Bandaraya, tetapi tidak begitu berkesan. Oleh itu, saya nampak sekiranya boleh Kementerian ini mengadakan sebuah jawatankuasa kebersihan yang dianggotai oleh tiap-tiap kawasan-kawasan itu termasuk pegawai-pegawai Bandaraya ini dengan tujuan dapat bersama-sama kita memikirkan perkara-perkara yang

patut dibersihkan dan diberikan tanggungjawab kepada penduduk dalam Bandaraya ini supaya mereka sedar akan tanggungjawab dirinya tentang kebersihan bandar ini dan juga melalui jawatankuasa ini dapat diberikan pertolongan dan kemudahan yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk Bandaraya ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian kebersihan ini pada masa yang akan datang cuba ambil perhatian dan buatlah satu peraturan yang sesuai berhubung dengan lesen-lesen menjual daging babi mentah. Apa yang kita perhatikan sekarang penjual-penjual ini menjual daging mentah ini dengan terdedah, semolek-moleknya kita adakan peraturan supaya daging mentah ini kita jualkan di pasar yang tertentu dan kepada yang menjual daging-daging kering ini juga selalu kita tengok di kedai-kedai kopi ini juga patut diadakan satu peraturan supaya tidak didedahkan di hadapan kedainya, boleh disimpan di belakang sebab saya mengambil perhatian ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa Bandaraya ini dan juga Malaysia ini penduduknya lebih ramai orang-orang Islam. Kami tidak bermaksud bahawa daging babi ini tidak boleh dijual dalam negeri ini, tetapi kita kena hormati bahawa Ketua Bandaraya ini ialah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan yang kedua, Islam itu sebagai ugama rasmi dan satu lagi kita hormati hati umat-umat Islam supaya perasaan muhibbah itu dapat terus sebab kalau kita menengokkan keadaan daging babi yang terdedah di mana-mana mereka suka jual itu mendatangkan satu perasaan benci antara orang Islam dengan orang yang bukan Islam. Jadi, kalau peraturan kita buat, satu masa yang akan datang perasaan muhibbah itu akan dapat berkekalan antara kaum-kaum dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri patut mengambil perhatian dalam perancangan ini diadakan kawasan tanah perkuburan. Tanah perkuburan ini ialah satu perkara yang mustahak dibuatkan perangkaannya dan kalau kita lihat setengah-setengah Bandaraya yang besar-besar bahawa bila kesesakan ramai manusia dan sempit tanah perkuburan ini menjadi satu masalah besar kepada Bandaraya itu. Saya harap kepada Yang Berhormat Menteri ini kalau boleh berunding dengan Jabatan

Hal Ehwal Ugama Islam Wilayah Persekutuan ini supaya kubur-kubur yang lama itu boleh dipindahkan rangkanya ke satu kawasan dengan dikumpulkan. Maka dengan ini kesesakan tanah perkuburan itu dapat kita atasi.

Kedua, adakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai perkuburan orang-orang yang bukan Islam, orang Kristian, orang Buddha dan lain-lain supaya pada masa yang akan datang kubur yang mereka buat itu tidak begitu besar sangat. Dengan keadaan ini tidak menjejaskan hak-hak kebudayaan suku kaum itu, tetapi kita patut memikirkan demi kepentingan negara dan kita patut bertolak-ansur dalam kedudukan kita sebagai rakyat Malaysia ini.

Satu perkara lagi berhubung dengan pengangguran yang memang dihadapi oleh Dewan Bandaraya ini. Pengangguran ini berpunca dari kemasukan orang-orang dari luar bandar ke dalam bandar ini dari sehari ke sehari bertambah ramai. Saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini mengadakan satu peraturan, ramainya penduduk-penduduk membanjiri Bandaraya ini sebab kalau ramainya yang membanjiri di tempat ini dengan tidak ada pekerjaan, masalah sosial akan dihadapi oleh Bandaraya kita. Dengan keadaan yang seperti ini bila kita adakan satu peraturan dapat kita ketahui berapa ramai mereka yang masuk berhijrah ke bandar ini, kalau mereka yang menganggur kita carikan langkah dan ikhtiar berhubung dengan Kementerian Buruh supaya mendapatkan mereka itu kerja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan setingan patut diselesaikan iaitu ramai mereka mendirikan rumah-rumah haram. Masalah ini patut diselesaikan dengan segera dan tanah-tanah yang mereka duduki itu patut dicari ikhtiar supaya dapat dikurniakan kepada mereka dan kemudahan-kemudahan asas kepada kampung-kampung ini patut diberikan perhatian oleh Dewan Bandaraya ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan iaitu penyelesaian antara Kerajaan Negeri Selangor dan Bandaraya. Dahulu Wilayah Persekutuan ini dipunyai oleh Kerajaan Negeri Selangor, tetapi banyak binaan-binaan atau tapak tanah yang belum selesai diperundingkan, seperti tapak tanah dan Jabatan Keretapi

Tanah Melayu, sepatutnya Kerajaan Pusat mendapat hak penilaian imbuhan daripada Jabatan Keretapi. Saya harap oleh sebab tanah itu sekarang sudah dimiliki oleh Bandaraya, imbuhan ini patut diterima oleh Bandaraya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, bila mana sekarang oleh sebab Bandaraya ini telah mempunyai Pejabat Tanahnya sendiri, tidak lagi masuk pada Kerajaan Negeri Selangor, ketika membuat penaksiran bangunan-bangunan dan tanah di kawasan-kawasan orang Melayu hendaklah dibuatkan satu kelas penaksiran tanah yang rendah sebab menengokkan keadaan kedudukan orang Melayu tidak begitu upaya membayar cukai yang begitu lebih samada tanah dan rumah yang dalam binaan tapak-tapak itu, saya memikirkan kalau dikenakan bayaran yang begitu mahal dalam taksiran itu, saya khuatir orang-orang Melayu ini akan lari daripada Bandaraya ini dan ini tidak pula termasuk kepada orang-orang Melayu sahaja, kalau ada kawasan-kawasan untuk orang yang bukan Melayu, keadaan hidupnya begitu miskin maka taksiran kelas inipun boleh disekalikan.

Satu perkara lagi mengenai tanah. Dahulu kita telah memberikan kepada Kerajaan British tanah yang begitu baik dan rumah begitu baik dengan bayaran yang begitu rendah. Saya harap Dewan Bandaraya melalui Pejabat Tanah akan mengkaji balik supaya sewa atau cukai tanah bagi bangunan yang dipunyai oleh Kerajaan British itu dapat dikenakan pembayaran yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya perkara yang ada kaitan dengan Kerajaan Pusat dan Dewan Bandaraya ini. Pertama sekali, saya suka mengesyorkan supaya Yang Berhormat Menteri membuat suatu pengesyoran kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Datuk Bandar kita itu dikekalkan lagi jawatannya, sebab kita tengok kemajuan yang ada sekarang adalah baik dan beberapa rancangan yang baik patut diselesaikan lagi.

Kedua, dalam masalah pemberian wang daripada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat patut memberikan keutamaan kepada peruntukan yang diminta oleh Dewan Bandaraya ini, sebab Dewan Bandaraya ini mempunyai budget yang tersendiri, tentulah peruntukan itu tidak mengharapkan daripada sumber

lain, keadaannya tidak sama dengan Kerajaan Negeri yang ada sumber hasil yang banyak, tetapi masalah Bandaraya ini adalah besar dan rumit. Oleh itu, kepada Menteri yang berkenaan saya minta memberi perhatian kalau ada permintaan daripada Dewan Bandaraya ini, terutama sekali untuk mendalamkan, menggali dan meluruskan sungai-sungai yang ada di kawasan Bandaraya, ini, sebab di Bandaraya Kuala Lumpur ini apabila turun hujan 2 jam sahaja akan banjir dan inipun mendatangkan kesusahan kepada penduduk-penduduk Bandaraya dan mendatangkan kesusahan kepada alat-alat Kerajaan. Kalau peruntukan itu lambat kita sempurnakan kepada Dewan Bandaraya ini, sungutan yang dikeluarkan oleh penduduk-penduduk yang terlibat itu akan berterusan.

Satu perkara lagi yang patut diberi perhatian mengenai peruntukan berhubung dengan membuat saluran najis. Perkara saluran najis ini patut diberi perhatian supaya dijalankan perubahan yang sewajarnya.

Akhir sekali, kita tengok di Bandaraya ini sampah sarap bertambah banyak dari setahun ke setahun. Oleh itu, saya rasa adalah mustahak bagi Kementerian ini kalau boleh mewajibkan supaya diadakan satu kilang memproses sampah sarap. Dengan keadaan ini dapatlah kita kawal pembuangan sampah sarap itu dan kebersihan Bandaraya ini dapat terjamin.

3.52 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur 1973 ini, ada beberapa perkara yang hendak saya bentangkan di sini.

Pertamanya dalam masaalah pembinaan dan memperbaiki jalanraya di Bandaraya Kuala Lumpur ini di mana kita sama-sama maklum dengan kehendak kita untuk mencantikkan dan mengindahkan Bandaraya Kuala Lumpur ini, tetapi dengan keadaan kerja pembinaan jalanraya yang begitu lama atau sesuatu pembaikan jalanraya itu disiapkan terlalu lewat, maka selalu terjadi kesesakan di jalanraya sehingga kita sama-sama dapat melihat bagaimana kesusahan bagi pihak pegawai-pegawai Kerajaan yang ingin pergi ke pejabat masing-masing. Dalam masaalah ini, saya minta supaya dapatlah

Datuk Bandaraya bekerjasama dengan Kementerian yang berkenaan apabila menjalankan tugas memperbaiki jalanraya itu hendaklah dibuat dengan secepat mungkin, supaya jangan sampai berlarutan sehingga berlaku kesesakan jalan yang tidak diingini.

Kedua, soal pembangunan. Semalam banyak juga Ahli-ahli Yang Berhormat memperkatakan soal ini dan memang kita berterima kasih atas projek pembangunan di Bandaraya ini yang indah tersergam dan banyak dibangunkan, tetapi apa yang kita mahu sekarang biarlah ada kerjasama atau kompromi antara pihak Datuk Bandar dengan yang terlibat supaya bangunan-bangunan yang lama yang tidak sesuai lagi dan tidak mengandungi nilai sejarah, biarlah dapat dirombak dengan segera dan dapat dibina balik dengan bangunan-bangunan yang indah dan cantik tersergam di Bandaraya Kuala Lumpur ini, kerana kita memikirkan banyak pelawat-pelawat asing dari luar negeri yang datang ke daerah Bandaraya ini.

Ketiga, masalah yang diperkatakan oleh Datuk Mohd. Tahir Majid semalam di mana soal perancangan bandar ini kebanyakannya yang menjadi korban ialah di kawasan kediaman bumiputra. Hal ini saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan, bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi juga di Pulau Pinang, kenapakah masaalah ini agak "kencang dan selalu berlaku" apabila sesuatu perancangan yang akan dilaksanakan itu maka kawasan orang lain tidak jadi korban, sebaliknya yang selalu sangat menjadi korban ialah kawasan orang Melayu. Mungkin di Bandaraya Kuala Lumpur ini kebetulan yang terlibat ialah kawasan orang Melayu di dalam bandar, tetapi di Pulau Pinang, bukannya kawasan bandar, tetapi di luar bandar juga hendak dilaksanakan sesuatu rancangan tetapi yang anihnya yang menjadi korban yang nampak benar kepada pihak yang berkenaan ialah kawasan orang Melayu. Dalam hal ini saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Pusat sampai kepada Kerajaan Negeri, kenapakah kawasan orang Melayu sahaja yang selalu menjadi korban?

Saya ingin menyentuh juga, walaupun saya tidak tinggal di Kuala Lumpur saya hanya datang sekali sekala untuk bermesyuarat dan menjalankan tugas, tetapi selalu saya dapati kebersihan Bandaraya ini amat merungsingkan kita terutama di beberapa kawasan tertentu. Kita selalu membahaskan di dalam

Dewan ini soal mengatasi penyakit yang menjadi tugas Kementerian Kesihatan tetapi kita semua maklum sumber penyakit yang datang kepada masyarakat seperti kurang kawalan kebersihan tidak dikawal dan kebersihan di beberapa kawasan di Kuala Lumpur ini amat tidak terjamin sekali. Saya rasa kalaulah pelawat-pelawat datang menjau di kawasan tersebut, sungguh amat memalukan. Ini saya rasa patut diambil perhatian.

Akhir sekali diharapkan perkara semacam itu tidaklah akan dibangkitkan lagi setiap tahun dari Ahli-ahli Yang Berhormat kerana tak berapa lama dahulu saya teringat ada suatu team perancang Bandaraya Kuala Lumpur ditubuhkan, maka saya harap team itu dapatlah melahirkan idea-idea yang boleh memperbaiki keadaan kebersihan itu. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan).

3.57 ptg.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan) ini.

Apabila kita memperkatakan perancangan bandar bermakna juga di dalam bandar itu manusia akan hidup, berniaga dan sebagainya. Apabila menghadapi kenyataan hidup manusia, kita mesti lebih banyak memikirkan hal manusia itu sendiri. Jadi di masa lalu dalam perancangan bandar kita sebagaimana yang diakui oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tadi, katanya kurang difikirkan perancangan bandar ini. Bila dibuat sebuah kilang di situ, maka datanglah di keliling itu setinggan-setinggan dan berlakulah pencemaran udara, dan timbullah masalah. Oleh sebab itu di dalam perancangan bandar di masa yang akan datang, sebagaimana yang disebutkan semalam masalah zoning itu hendaklah difikirkan dengan mantap supaya jangan berlaku lagi perkara yang lepas. Kata pepatah Melayu: Rumah sudah, pahat berbunyi. Jadi tak ada faedahnya.

Selain daripada itu perancangan itu hendaklah disusun dan disesuaikan dengan manusia yang hidup di dalam bandar itu. Kita tidaklah boleh mengambil contoh barangkali seperti New York, Tokyo ataupun Australia, kerana bandar yang kita hendak

rancangkan iaitu Bandaraya Kuala Lumpur ini ada berbagai kaum. Jadi apabila kita merancang pembangunan bandar ini hendaklah difikirkan juga masaalah latar belakang sesuatu masyarakat itu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan bahagia, jangan sampai apabila mereka pindah rumah kelak banyak pula sungutan yang timbul dan hidup mereka tidak selesa. Jadi bila hidup tidak selesa, banyaklah masaalah yang akan timbul.

Selain daripada itu dalam merancang bandar Kuala Lumpur ini infrastruktur berkenaan dengan jalan-jalannya bila merancangkan itu hendaklah difikirkan supaya kita boleh gunakan sampai 20 atau 30 tahun akan datang. Ini kadang-kadang bila kita buat satu jalanraya, 2 tahun kemudian sudah kena gali balik, atau 3 tiga tahun kemudian sudah kena buang, berapa Kerajaan sudah rugi. Tengoklah macam Jalan Kelang/Kuala Lumpur, mula-mula buat tiga lanes tidak cukup, gali balik, belanja lagi beberapa million ringgit. Semuanya ini hendak difikirkan dengan mantap-mantapnya dan diberi kepada orang yang betul-betul tahu yang boleh memandang jauh dalam hal ini.

Selain daripada itu berkenaan dengan parit-parit. Parit-parit ini penting, kerana kadang-kadang kita dengar Kuala Lumpur ini baharu dua jam hujan, sudah banjir, sudah terhenti kereta-kereta, perniagaan sudah terhenti. Inipun mustahak difikirkan supaya parit-parit juga dibuat itu benar-benar boleh mengalirkan air dan membersihkan bandar Kuala Lumpur ini, sebab seberapa tinggi bangunan yang kita buat, semakin banyak kotor yang akan datang. Jadi kita kena fikirkan juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kuala Lumpur ini kita perhatikan tiada satu dewan yang besar yang boleh diadakan sebagaimana Yang Berhormat cakapkan semalam yang boleh kita buat tempat persidangan international atau lainnya dan kita seharusnya mempunyai satu theatre tertutup. Ini belum ada lagi. Adapun theatre terbuka yang ada di kebun bunga itu kecil sangat, tetapi tidak apalah. Theatre tertutup ini harus kita adakan. Sebab barangkali zaman kita ini orang kurang berminat dengan drama, tetapi drama ini akan berkembang kalau sudah ada theatrenya itu, ertinya perasaan menikmati drama itu akan bertambah kepada negara kita ini. Jadi bertambahlah lagi satu cabang

seni untuk membetulkan hati manusia yang ada dalam Kuala Lumpur ini. Kita tidak boleh mengharapkan kelab-kelab malam sahaja yang boleh membetulkan otak manusia ini. Itu cuma pleasure sahaja kerana tiada pendidikan di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya dengar Yang Berhormat Datuk Tahir Majid menyebutkan kampung-kampung Melayu lama. Ini apa boleh buat, memang dunia ini sentiasa berubah dari masa ke masa kadangkala perubahan itu kita tidak boleh tahan. Tetapi ada satu perkara yang kita buat boleh iaitu kalau tiada lagi Kampung Kerinci itu, kita ubahkan satu tempat, kita namakan Kampung Kerinci Baru. Umpamanya macam orang England, bila mereka pergi ke Amerika, mereka teringat jajahan York, kemudian dibuatlah satu New York. Saya fikir untuk mengingatkan kenang-kenangan ini supaya jangan sampai jadi lupa, kata pengarang Barat: "the memory is short". Jadi oleh sebab peringatan itu pendek, kalau kita adakan Kampung Baru Kerinci, maka teringatlah siapa yang membuka Kampung Kerinci itu. Saya fikir ini elok kita buat supaya kenang-kenangan itu boleh diingat lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat juga akan bangunan-bangunan lama yang ada di Kuala Lumpur ini. Ada setengah orang hendak mempertahankan kesemua bangunan lama itu, katanya bangunan lama itu semua ada sejarah. Pada pendapat saya untuk mengekalkan supaya menjadi satu sejarah bangunan-bangunan lama dalam Kuala Lumpur ini ada bahagian-bahagiannya boleh kita runtuhkan, tetapi ada bahagian-bahagian terpaksa kita simpan, umpamanya Stesyen Keretapi Kuala Lumpur. Stesyen keretapi perlu diubah, diperbesar, diperbaiki, bentuk architecture lebih kurang bentuk Moorish yang ada pengaruh India, barangkali kita tinggalkan sebahagian daripadanya sedikit, kemudian yang lainnya kita bentukkan yang baharu supaya satu kenang-kenangan sejenis architecture telah timbul dalam negara kita ini pada satu ketika. Tetapi kalau hendak ditinggalkan atau disimpan semuanya itu, saya fikir merugikan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Fatimah ada menyebut, katanya hutan-hutan atau tumbuh-tumbuhan yang ada di sekeliling kawasan Parlimen patut ditebang, kemudian

ditanam dengan pohon-pohon bunga yang baharu. Saya tidak berapa setuju, sebab kalau ditebang pohon-pohon ini, maka hilanglah suasana sejuk hijau daripada pemandangan kita ini dan juga hilanglah keindahan alam yang asli itu. Jadi Ahli-ahli Parlimen yang akan datang (barangkali saya tidak datang lagi, kerana tempoh sudah habis) bila tiba ke Jalan Parlimen ini kurangnya pollution, kerana hutan-hutan yang hijau itu boleh mengeluarkan oxygen, dan lagi bentuk-bentuk pohon ini lebih cantik daripada yang ditanam oleh tangan manusia. Kadangkala manusia ini membuat dengan pura-pura. Jadi hilanglah keindahan yang asli sepertimana kata Roger Fried lebih kurang begini maksudnya: apabila sesuatu hiasan itu dibuat dengan cara pura-pura maka hilanglah keindahannya yang asli. Jadi hutan-hutan ini semuanya ialah buatan Tuhan dengan pokoknya yang berbentuk berbagai-bagai dengan shape dan form dengan shapenya yang berbagai-bagai itu menambahkan keindahan sekeliling Parlimen kita. Saya tidak setuju kalau hendak ditebang hutan-hutan di sekeliling Parlimen ini. Saya bersetuju supaya dikekalkan supaya mencantikkan bangunan Parlimen ini kalau kita pandang dari jauh seolah-olah sebuah bangunan yang indah di dalam satu taman yang indah.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 Datuk Bandar hendaklah meninjau pelan-pelan Ibu Kota ini. Saya bersetuju perkara yang semacam ini. Tiap-tiap 5 tahun hendaklah ditinjau semula di mana yang tidak betul dibetulkan dan di mana yang tidak baik diperbaiki. Kalau lambat-lambat dibuat, ini yang berlaku sebagaimana Yang Berhormat Menteri kata kita terlupa. Kalau lambat dibuat, lambat dikaji, kita terlupa, baharu kita hendak kaji yang ini, yang ini sudah buat fasal. Jadi menyusahkan bagi pihak Kerajaan, menyusahkan bagi pihak Menteri-menteri dan juga rakyat pun susah.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, fikiran-fikiran yang dapat saya kemukakan dalam membahaskan Rang Undang-undang Perancangan Bandaraya Kuala Lumpur ini.

4.10 ptg.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang ini dengan membangkitkan tiga perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah melawat Bandaraya-bandaraya di Amerika, England, Eropah dan lain-lainnya dan tentulah melihat sistem keretapi di bawah tanah yang begitu cekap, deras dan murah untuk pekerja-pekerja dan penduduk bandar yang berpendapatan rendah. Ibukota seperti Kuala Lumpur tentulah akan berkembang maju manakala negara kita berkembang maju juga. Kata pepatah: "Kenaikan air, kenaikan juga perahu itu." Pada masa sekarang pun masalah jalanraya atau masalah berasak-asak lalu-lintas telah menjadi satu problem yang serius di Kuala Lumpur malahan kenaikan harga tambang bas 5 sen pun pasti menjadi satu issue yang sensitif. Rancangan untuk perkembangan awam pun tanahnya dihadkan di ibukota ini. Sebagai rancangan jangka panjang, apa salahnya Kerajaan Persekutuan sebagai permulaannya membentuk satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji secara mendalam sistem keretapi bawah tanah ini sebagai sebahagian daripada Master Plan of Kuala Lumpur City of the 90s. Tuan Yang di-Pertua, kalau Singapura dapat menjayakan usaha reclamation of land from the sea dan Hong Kong dapat membina satu undersea tunnel, menyambung Hong Kong dengan City Kowloon, saya yakin merancang dan membina satu sistem keretapi bawah tanah bagi bandaraya Kuala Lumpur tidak akan menjadi satu masalah dalam tahun-tahun sembilan puluhan.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan ekonomi dan pertambahan bilangan manusia mengakibatkan perkembangan secara besar bandaraya seperti Kuala Lumpur dan sebaliknya pembesaran dan kemakmuran bandaraya ini telah menyebabkan banyak kawasan kemiskinan tumbuh. Rising of inflow of rural population untuk mencari kerja dan mencari peluang membaiki kehidupannya. Oleh yang demikian, bahawa masalah kawasan kemiskinan dalam bandaraya adalah satu masalah yang tidak dapat dielakkan bukan sahaja di bandaraya Kuala Lumpur bahkan juga di bandaraya-bandaraya di seluruh dunia. Pendapat saya ini saya yakin tentulah disetujui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, salah seorang pakar ekonomi kenamaan di negara kita. Oleh itu, masalah kawasan kemiskinan dan masalah penduduk tanah haram tidak boleh diselesaikan dengan memaksa mereka pindah oleh pegawai-pegawai tempatan seperti yang dilakukan di

satu dua negeri di mana pegawai-pegawai tempatan menggunakan bulldozer menyodok dan merobohkan rumah-rumah squatters itu yang telah menimbulkan kesulitan-kesulitan manusia yang terancam rumit dan tidak disedari oleh pegawai-pegawai yang bertindak itu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kawasan kemiskinan ini masalah awam dan besar berkenaan dengan bandaraya yang berkembang dan harus diatasi dengan rancangan yang teliti dan jangka panjang seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga dalam projek-projek Family Planning, rural development by bringing science and Technology industry into kampungs and villages so that culture and industry can exist together to keep rural people from crowding to Bandaraya. Membinakan banyak lagi satellite town seperti Petaling Jaya bagi menaburkan penduduk ke bandaraya itu dan membina banyak lagi rumah murah dan sebagainya. Saya berharap masalah squatters dan masalah kawasan kemiskinan di bandaraya ini akan diatasi dengan advanced planning dengan menimbang rasa dan tidak dengan serta merta atau menurut undang-undang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim semalam, Kuala Lumpur patutlah dipercantikkan menjadi satu garden city dengan menanamkan jenis pohon-pohon yang sesuai yang dipilih oleh pakar Horticulture, di mana-mana tanah kosong sahaja, seperti di tepi-tepi jalan atau di tengah jalanraya atau road divide atau menggalakkan rumah kota atau rumah tinggal menanamkan bermacam-macam pokok bunga yang terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, garden city ini ada empat faedah yang besar di samping mempercantikkan rupa bandaraya ini. Yang pertama: membantu mengurangkan cara besar pencemaran daripada exhaust kenderaan, asap kilang, carbon dioxide dari pernafasan manusia, abu debu dari berbagai punca, malahan pencemaran kebisingan pun dapat dikurangkan oleh pokok-pokok yang ada. Mengikut pakar-pakar Horticulture dan environmental scientists sebanyak 1,000 kg. carbon dioxide dapat diserap oleh 2.5 ekar pokok-pokok jenis daun lebar satu hari sahaja, dan pokok-pokok 2.5 ekar ini pula akan menyerap 730 kg. oxygen sehari.

Oxygen adalah paling penting untuk pernafasan manusia dan pembersihan hawa. Kedua: 2.5 ekar pokok-pokok akan menghilangkan sebanyak 32 hingga 36.5 tan debu setahun. Ketiga: ada beberapa jenis pokok boleh mengurangkan cancer producing waste gas dari hawa. Keempat: ada pendapat ahli sains vidio atau afforestation boleh memadamkan kebisingan seperti daripada kapal-terbang jet, kenderaan-kenderaan, kilang-kilang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap projek untuk mempercantikkan Bandaraya Kuala Lumpur dengan menanamkan pokok-pokok yang terpilih dapat diambil berat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan merancang keseluruhannya semasa pelan pembangunan lengkap itu diulang-kaji atau diubah.

4.16 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas perkara ini dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap satu bandar mestilah ada planning atau perancangannya. Oleh kerana di masa penjajahan dahulu perancangan atau rancangan untuk membuat Kuala Lumpur tidak dibuat dengan betul, maka pada hari ini terpaksa kita menyediakan satu rancangan (planning) supaya bandar Kuala Lumpur ini boleh menandingi bandar-bandar besar di atas dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari semalam Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah ada menyatakan, apabila Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah menyatakan, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad juga menyatakan iaitu kita tidak boleh bandingkan Singapura dengan Kuala Lumpur. Saya menyokong di atas apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah. Bukan kita hendak membandingkan Kuala Lumpur dengan Singapura tetapi yang sebenarnya kita menengokkan bagaimana perancangan dibuat di Singapura dan apa yang telah dibuat oleh kita pada hari ini. Bukan saya menyatakan Kuala Lumpur tidak ada kemajuan-kemajuan yang telah kita buat di dalam tempoh beberapa tahun, kemajuan-kemajuan telah dibuat tetapi kemajuan-kemajuan yang telah kita buat adalah lebih jauh di belakang apa yang telah dirancang dan dibuat oleh bandar Singapura. Saya tidak

hendak campur bagaimana bentuk bangunan yang hendak dibuat di sini. Samada hendakkan bentuk bangunan macam rumah Melayu, kalau boleh dibuat kedai-kedai semua hendak dibuat bentuk Melayu, itu saya tidak campur sebab ini ada kena-mengena dengan Arkitek. Yang kita nampak pada hari ini misalnya Muzium Negara itu satu bentuk bangunan Melayu di sana, tetapi tidak semua kedai-kedai mesti dibentuk dengan bangunan Melayu, barangkali itu tidak menasabah kepada akal kita sendiri. Jadi ini saya tidak campur di atas perkara itu. Tetapi satu bandar macam Kuala Lumpur ini mesti ada rancangan-rancangan yang betul-betul dijalankan. Sehingga hari ini daripada tahun 1973 sampailah tahun 1974 apabila bandar ini dibesarkan lagi kawasannya daripada 36 kepada 94 batu persegi sampai hari ini kita masih bincangkan perancangan bandar Kuala Lumpur lagi. Sudah empat tahun kita masih hendak bincangkan perancangan Kuala Lumpur. Apa yang dibuat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur? Apa yang telah dibuat oleh Jawatankuasanya selama hari ini?

Apabila orang-orang di Kuala Lumpur ini hendak membuat bangunan, jawapannya nanti dahulu, perancang bandar belum siap. Ini mengendalakan kerja-kerja orang-orang yang lain hendak membangun, sebab kerja-kerja ini belum siap lagi, belum teratur. Dengan sebab itu, pada hari ini kita tengok kalau kita pergi daripada Petaling Jaya ke Kuala Lumpur hendak masuk ke simpang dekat U.M.B.C. setengah jam tidak boleh lalu lagi, sebab tidak ada rancangan-rancangan yang dibuat. Rancangan-rancangan ini hendaklah dibuat sebelum rumah-rumah batu yang sampai 70 tingkat dibuat, jalan mestilah diutamakan sebab orang mesti memikirkan apabila rumah-rumah yang tinggi sehingga 38, 60, 70 tingkat tentu bukan hantu yang menduduki di atas tingkat-tingkat ini, tentulah manusia yang duduk di atas itu yang ada pejabat di situ. Apabila dia ada pejabat tentu dia mempunyai kereta, jadi jalanlah yang penting sekali, kerana jikalau kita keluar daripada Petaling Jaya ke Kuala Lumpur katakan pada pukul 7.30 pagi hendak pergi ke pejabat pukul 8.00 pagi tidak akan dapat sampai ke Kuala Lumpur, dan orang yang bekerja di pejabat itu tentulah lewat sampai ke pejabat. Ini semua tidak difikirkan tetapi mendiamkan terus membangun sehingga mencakar langit naik ke

atas dengan tidak ada planning apa-apa. Ini adalah satu perkara yang kita nampak bagaimana kita merancang dan bagaimana orang lain merancang, itu sebabnya ada bandingannya, bukan kerana kita hendak jadikan bandar kita seperti bandar Singapura, bandar Bangkok, London, New York, Tokyo, Osaka atau di mana-mana, tetapi kita ada bandingan. Itu sebabnya kita menghantar pegawai-pegawai kita pergi melawat apa yang telah orang buat di tempat lain, itulah sebabnya baru ditanam pokok-pokok di tepi-tepi jalan dalam negeri kita.

Kalau Mr Lee Kuan Yew dahulu tidak ada tanam pokok, tidak akan ada satu pokok pun kita tanam di tepi-tepi jalan. Kita tengok bagaimana indahnya bandar Singapura dengan pokok-pokoknya, barulah kita meletakkan pasu-pasu bunga yang besar di tepi jalan ditanam dengan pokok, itupun pokok yang hidup macam hendak mati sahaja, baja pun tidak diberi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya rancangan-rancangan ini tidak berjalan dengan sempurna. Kita orang Malaysia ada orang mengatakan kita mesti tengokkan bandar kita bersih kerana ada pelancung hendak datang melawat. Kalau saya buat rumah bukan saya hendak orang atau pelancung melihat rumah saya, tetapi mata saya hendak tengok, saya hendak tengok elok dan teratur rumah saya, bukan pelancung. Itu sebabnya apabila Menteri-menteri ASEAN datang, kita baru mengutip sampah, di masa itu kita hendak membersihkan, lalang hendak dipotong, ini tabiat apa, Tuan Yang di-Pertua? Macam kalau kita tengok mandor datang, barulah dia hendak menebas dan bekerja. Inilah yang terjadi di Kuala Lumpur, bukan tiap-tiap hari hendak taruh bendera di pintu gerbang—tidak, bukan itu yang kita hendak. Kita hendak kebersihan bandar Kuala Lumpur tiap-tiap hari untuk kita, bukan untuk pelawat. Kalau difikirkan pelawat, ini bukan untuk kita lagi. Kita ada isteri bukan untuk orang lain tengok, kalau kita suruh isteri kita bersolek bukan untuk orang lain, kita hendak menengok isteri kita cantik, sebab itulah kita suruh dia kerinting rambut, bersolek, pakai lipstick dan sebagainya. Itulah kesilapan bangsa kita ini iaitu orang Malaysia takut, kalau misalnya di kampung apabila ada D.O. datang ke kampung barulah mereka membersihkan kampung. Kalau ada Menteri datang ke kampung, pada masa itulah dipalukan

kompang dan pada masa itulah juga diberisihkan kampung itu. Kalau adalah sikap yang sedemikian bandar Kuala Lumpur tidak boleh jadi apa-apa. Bandar Kuala Lumpur mestilah bersih terus-menerus, mesti ada pokok kayu, tidak boleh dipaksa oleh sesiapa, ini yang kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak menengok pada masa yang akan datang perkara ini tidak payah lagi dipaksa-paksa tetapi bandaraya kita mesti terus-menerus bersih selama-lamanya, Tuan Yang di-Pertua, di waktu penjajah meninggalkan Kuala Lumpur, pegawai-pegawai orang putih yang menduduki satu-satu rumah kawasanya sekurang-kurangnya 5 ekar dan selebih-lebihnya 15 ekar, kita boleh tengok serata Kuala Lumpur ini. Hari ini ada pegawai kita yang duduk di situ sebab kita menduduki tempat orang putih ini tadi. Kawasan begini adalah satu kawasan yang saya ingat dalam bahasa Inggeris "waste" satu pegawai sampai 5-10 ekar bagi satu rumah misalnya. Jadi ini mestilah diambil perhatian oleh Kerajaan. Pada hari ini Kerajaan menggalakkan pegawainya mendirikan rumah sendiri dan sekarang tiap-tiap pegawai telahpun ada rumah sendiri. Dengan sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan ini mestilah dirancangan bukan lagi untuk perumahan-perumahan tetapi untuk Kuala Lumpur membesar supaya kawasan ini dijadikan satu bandar bukan untuk perumahan lagi. Sebab bandar Kuala Lumpur tidak dapat membesar atau mengepak oleh kerana dengan adanya rumah-rumah yang seperti ini. Saya harap apabila rancangan dibuat maka tempat-tempat ini juga bolehlah Kerajaan menengokkan terutama sekali di dalam rancangan Kerajaan hendak melihat iaitu semua bangsa di dalam tanahair kita terutama sekali di Kuala Lumpur dapat berkecimpung dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Dengan adanya kawasan-kawasan yang serupa ini dapatlah UDA, PERNAS dan sebagainya untuk membentuk satu pekan apa yang dikatakan perumahan-perumahan untuk bumi-putra dan juga orang-orang yang lain yang menduduki Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan untuk setinggan-setinggan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat di sini ada mengatakan "Developers Association" atau Badan-badan Pemaju. Dalam suratkhbar "Malay Mail" hari ini saya telah membaca mengenai apa yang dikatakan oleh Ketua Association atau

badan ini, kalau hendak mendirikan 20,000 buah rumah murah yang akan didirikan oleh badan ini dengan harga \$20,000 ke bawah. Kalau hendak mendirikan rumah berharga \$20,000 ke bawah di dalam Kuala Lumpur ini bertujuan untuk menolong Kerajaan, itu sebablah dibuat badan ini, dari mana datangnya duit orang-orang setingan untuk membeli rumah yang berharga \$20,000 ini. Kalau badan ini betul-betul jujur, yang dikatakan \$20,000 ke bawah ini, berapa ribu ringgit ke bawah, adakah \$12,000—\$15,000. Jika \$12,000 pun orang-orang setingan tidak dapat hendak membayar selama 15 tahun, dengan bayaran bulanan \$100 pun payah hendak membayar \$20,000 ini dalam tempoh 15 tahun.

Jadi, dengan sebab itu, dalam rancangan Perbandaran Bandaraya Kuala Lumpur ini diperbuat satu kampung, saya tidak kiralah kampung ini kampung Melayu atau kampung campuran rumah-rumah ini tidak boleh lebih \$7,500 sebuah, atau satu flat kecil tidak boleh lebih \$7,500. Di sini yang saya katakan kononnya badan-badan ini hendak menolong Kerajaan. Saya musykil sedikit, Tuan Yang di-Pertua, adakah badan-badan ini hendak menolong Kerajaan dia hendak rugi? Badan-badan ini Tuan Yang di-Pertua, tidak akan ambil 8% sekurang-kurangnya dia hendak untung 10%. Kalau kita pun hendak mencari untung sekurang-kurangnya 20%—25%. Kalau ambil untung 20%—25% kepada orang-orang kaya, itu tidak jadi apa hal tetapi daripada orang-orang setingan ini, itulah apa yang dikatakan, baik Datuk Bandar Kuala Lumpur atau Jawatankuasanya mesti menengok atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali tidak boleh dibuat rumah dengan harga \$7,500 sebuah di Kuala Lumpur ini, sebab tanahnya mahal. Ini kita tahu. Tetapi adakah kita sedar, beribu-ribu ekar lagi tanah ada di Kuala Lumpur ini. Saya mendapat tahu, pemaju-pemaju dapat beratus-ratus ekar tanah-tanah daripada Kerajaan, baik daripada Kerajaan Negeri dahulu ataupun daripada sekarang atau daripada Commissioner of Land and Mines hari ini. Saya minta Kerajaan terutama sekali Bandaraya Kuala Lumpur ini supaya tanah-tanah ini semua dibekukan, iaitu tanah Kerajaan, bukan tanah private, seperti tanah bekas lombong, tanah-tanah Kerajaan ini dibekukan langsung kepada badan-badan ataupun kepada syarikat-syarikat itu. Kerajaan

hendaklah benar-benar jujur apabila apa yang dikatakan untuk membasmi kemiskinan, maka Kerajaan membuat rumah-rumah yang betul-betul murah. Barulah nasib orang-orang ini dapat dibela, tetapi jikalau dibiarkan kepada developers, saya kurang setuju sedikit, saya rasa sangsi yang perkara ini boleh dibuat oleh mereka.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menengok oleh kerana Kuala Lumpur ini hendak semuanya ada rancangan itu dan rancangan ini, saya dapati bas-bas mini yang lesennya dikeluarkan oleh Kementerian ini, bagus untuk orang lain mencari makan, tetapi biarlah bas ini dijaga baik oleh Bandaraya Kuala Lumpur ini ataupun oleh mana-mana Kementerian yang bertanggungjawab. Jangan sesuka hati meletakkan bas. Orang-orang inipun mesti diajar ataupun diberikan kursus supaya bertertib sedikit. Begitu juga tukang tiketnya mesti diberi kursus. Kalau kita tengok bas-bas di Kuala Lumpur ini, barangkali sebulan tidak pernah cuci daripada bas itu putih sudah menjadi hitam. Bukan pelancung hendak menaikinya, tetapi kalau orang menengok ataupun kita menengok pun tidak elok. Ini disebabkan tempat meletakkan bas itu tidak ada. Kalau hendak dikatakan ini kesalahan diapun tidak boleh sebab tempat letaknya tidak ada. Jadi nampaknya bas ini sudah jadi macam teksi sahaja. Barangkali bukan sahaja di Dewan ini, bahkan di Dewan Rakyat pernah dikatakan hal ini. Kerajaan tidak hendak mengambil apa-apa tindakan di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap berkenaan dengan pekerja. Cuba kita berjalan, Tuan Yang di-Pertua, barangkali Datuk Bandar ini banyak kerjanya, tentu pegawai-pegawainya banyak, cuba tengok di tengah-tengah pekan apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu sebetul-betul dan sebenar-benarnya, sana berlubang, sini berlubang, rumput tidak dipotong. Kalau hendak dikatakan Kuala Lumpur tidak berduit, tidak boleh kerana assessmentnya banyak yang diambil. Pekan Kuala Lumpur boleh berdiri dengan kakinya sendiri dengan assessment yang banyak. Budgetnya memang banyak berlebih. Takkanlah tidak boleh menebas lalang, tidak boleh membaiki jalan yang sudah berlubang. Tidak ada siapa yang peduli, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dipedulinya kalau penaja lalai sedikit orang yang hendak cari

makan—itulah yang ditangkap dan ditarik ke mana-mana. Itu kerjanya yang penting sekali. Bukan untuk menengokkan keselesaan orang ramai yang di dalam pekan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini adalah serupa. Kita hendak menjaga muka kita sahaja supaya jangan malu dan di belakang tidak malu. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, masa saya menjadi Pegawai Daerah dahulu saya melawat ke sawah-sawah. Kalau pagi tertonggeng-tonggeng masing-masing di tepi sawah, berselubung kepalanya, jadi kita tidak nampak mukanya. Inilah seperti yang ada di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini. Barangkali tempat-tempat yang depan jalan bersih, tetapi di belakang jalan-jalan sekotor-kotornya, tidak ada siapa yang ambil peduli. Kalau Tuan Yang di-Pertua, tidak percaya, bolehlah kita bersama-sama tengok. Inilah yang dikatakan, betul-betul menjolok mata kepada kita semua ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membaiki Bandaraya ini, saya bukan sebelah Lee Kuan Yew, sekali-kali tidak. Tetapi apa yang dibuat di sana kita bandingkan iaitu di Masjid Sultan Singapura ada bangunan-bangunan yang lama, sekarang bangunan-bangunan yang lama itu satupun sudah tidak ada lagi. Kerajaan Singapura tegas betul. Bangunan yang 70—80 tahun dulu dirobohkan dan tuannya bangunan itu diberi ganti rugi ataupun rumah didirikan oleh Kerajaan sendiri dan dikenakan sewa. Kita tidak berani bertindak. Entah ada undang-undang ataupun tidak ada undang-undang saya tidak tahu. Kita sangat tolak ansur, maka apapun tidak boleh buat. Kita tengok Jalan Tuanku Abdul Rahman, bangunan-bangunan di Jalan Melayu itu sudah berapa lama; tidak boleh buat apa-apa. Jadi sampai 100 tahun pun begini juga, tidak ada perubahan. Di Singapura membangun maju, terus membangun. Kalau saya kata mengapa Singapura boleh maju, maka akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Singapura itu kecil, negeri kita besar. Cuba kita fikirkan pula Singapura itu dengan bandar Kuala Lumpur saya ingat lebih kurang serupa juga, dia besar sedikit. Kalau kita dijawab begitu tidak boleh masuk kepada akal kita pula—kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawab begitu tidak termasuk kepada akal kita pula. Negeri kita tidak boleh membangun begitu sebab negeri kita besar. Saya bercakap ini bukan negeri tetapi pembangunan pekan Kuala

Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, sesuatu pekan itu mesti ada tindakan-tindakan yang boleh jadi maju, bukan sahaja mengawal hawkers yang diburu di tengah-tengah pekan itu macam lembu. Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, dia buru. Ada disiapkan mata-mata dalam pekan memburu orang-orang ini. Saya tengok dengan mata kepala saya sendiri tidak ada belas kesihan langsung. Kalau rumah-rumah yang lama itu hendak dirobohkan, Kerajaan bayar ganti rugi. Apabila bangunan siap beri dia balik tempat itu. Saya ingat lebih baik untuk mencantikkan bandar Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan orang Melayu dalam Kuala Lumpur ini saya selalu bercakap menyebutkan orang Melayu, bukan kerana perkauman, tetapi untuk kebaikan keseluruhan rakyat, kalau kita kenang-kenangkan nasi sudah menjadi bubur. Selangor Club itu dahulu orang Melayu yang punya. Boleh dikatakan segala bangunan dalam bandaraya itu juga dahulunya orang Melayu yang punya. Malay Street itu dahulu orang Melayu yang punya. Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu mestilah menengok jauh ke hadapan, selain daripada tanah yang Kerajaan ambil itu, itu mesti diganti, tetapi kalau sudah dijual tanah itu hendak mendapatkan balik payah. Dahulu saya ada membeli sebidang tanah daripada seorang; saya beli dengan harga \$500 seekar. Sesudah saya beli 4 tahun, dia datang minta balik dan hendak pulangkan balik duit \$500. Saya kata, ini buruk sikulah. Jadi, tidak boleh. Kalau sudah dijual hendak diminta balik tidak boleh jadi, melainkan tanah-tanah lombong, tanah lombong itu dahulunya Malay Reservation. Kalau Malay Reservation, tidak boleh dilombong oleh orang lain langsung sebab walau bagaimanapun Malay Reservation hendaklah orang bumiputra itu melombong di situ; itu sebab dinamakan Malay Reservation. Jikalau dahulu kerana orang putih berkuasa segala-galanya, dia boleh melombong di situ, maka tanah itu mestilah dipulangkan balik kepada bumiputra ataupun orang Melayu itu tidak ada soal jawab lagi, tempat itu mestilah dipulangkan kepada orang Melayu balik.

Tadi Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad mengatakan kita mesti membuat rancangan iaitu Duta-duta mesti diadakan satu tempat. Saya tidak bersetuju. Saya ingat pada masa sesudah kita mencapai kemerdekaan, Y.T.M. Tuanku Abdul Rahman

Putra Al-haj, bekas Perdana Menteri, sudah buat, sebab itu ada Jalan Duta hendak letakkan semua duta-duta di situ, kata peribahasa bahasa Inggeris: Birds of a feather flock together. Duta-duta itu tidak hendak duduk satu tempat. Duta-duta pun hendak bercampur dengan orang lain, tidak macam yang ada, orang-orang kita yang dapat gelaran Datuk misalnya semuanya duduk tempat Datuk-datuk sahaja. Di Kuala Lumpur ini di Jalan Ampang, saya tengok Tan Sri sahaja di situ, ini Kampung Tan Sri, sebab mereka itu Tan Sri tidak boleh bercampur dengan orang lain, mereka sudah menjadi manusia yang tertinggi. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa bersetuju kalau hendak dibuat lagi sekali iaitu kampung Duta-duta ini.

Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya minta kepada Kerajaan, ini telah dilaung-laungkan oleh orang iaitu hendak membuat saluran najis besar di Pantai. Ini dilaung-laungkan oleh bumiputra. Tujuan Kerajaan ini baik. Saya minta diambil ingatan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Menteri yang bertanggungjawab. Memang ada undang-undang mengatakan kalau Kerajaan hendak nyawa pun ambillah untuk kepentingan orang ramai, nyawa saya pun ambillah untuk faedah orang ramai. Orang ini telah berpindah tiga empat kali apabila tanahnya diambil dan digantikan di tempat lain, tempat yang digantikan itu tempat busuk. Tempat yang busuk tidak apalah kepada bumiputra, tetapi jangan diambil lagi. Kalau Kerajaan hendak ambil juga, mereka itu tidak hendak duit, Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang mereka hendak iaitu gantikanlah juga tanah yang elok di dalam Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua tahu iaitu dalam Pulau Pinang, kalau Kerajaan tidak boleh bela nasib orang Melayu di Pulau Pinang pindahkan mereka itu daripada Pulau Pinang, keluar daripada Pulau Pinang. Ini kehendak orang Pulau Pinang. Kalau tidak dibela nasib orang-orang itu pindahkan di tempat lain, ke Pahangkah, ke Perakkah atau ke Selangorkah. Kalau tidak boleh dibela nasib orang Melayu di Kuala Lumpur ini pindahkan pula di Shah Alamkah atau di Ulu Langatkah. Jadi, ini perasaan bumiputra di dalam bandar ini, tanah mereka dekat dengan jamban hendak diambil juga lagi. Kalau tidak, pindahkan di atas bukit

itu, air tidak pedulilah (*Ketawa*). Gali sahaja bukit itu ada airnya. Ketawa-ketawa juga, tetapi itu perkara yang sebenarnya Kerajaan mestilah mengambil perhatian hal ini, kesihanlah kepada mereka ini, kerana mereka adalah juga manusia biasa macam kita.

Selain daripada itu, perkara yang kecil sahaja lagi—ada yang marah, jangan Tuan Yang di-Pertua marah pada saya—saya bercakap panjang kerana Ahli-ahli hendak balik. Saya duduk di Petaling Jaya, saya tidak dapat elaun satu sen pun, saya apa peduli, saya hendak bercakap (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, mengenai padang-padang permainan. Di dalam pusat-pusat bandar seluruh dunia terutama sekali kita di Kuala Lumpur ini velodrome untuk orang naik basikal tidak ada. Di tiap-tiap bandar pusat ada velodrome sebab anak-anak kita berlumba basikal di seluruh dunia ini satu pun tak ada cuma ada ura-uranya. Pada tahun 1979 dan Pertandingan Basikal Asia diadakan di Kuala Lumpur. Saya berasa malu jikalau Kuala Lumpur tidak boleh menampung mereka ini, kerana sewaktu mesyuarat di Manila kita telah mengatakan boleh diadakan di Kuala Lumpur. Di tiap-tiap pekan yang besar semua ada. Katanya ada hendak dibuat di Damansara tetapi cuma kata hendak buat di Damansara sahaja. Apabila saya bertanya kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, cuma ada votenya \$10 untuk membuat velodrome ataupun lain-lain, ini tidak boleh jadi. Saya harap Bandar Kuala Lumpur ini boleh menampung orang-orang yang akan datang pada tahun 1979 nanti. Kalau tidak, bukan sahaja Kerajaan akan malu tetapi Datuk Bandar Kuala Lumpur pun akan malu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak usahlah saya bercakap panjang-panjang oleh kerana rakan-rakan seperjuangan saya Ahli-ahli Yang Berhormat ini ada yang hendak balik ke Pahang dan sebagainya, maka saya minta maaflah kerana saya sudah bercakap panjang di atas perkara ini dan saya harap macam-mana yang saya tengok dan Tuan Yang di-Pertua pun telah tengok di Manila, bukan saya menada-ngada hendak bercakap fasal Manila, sebab saya sudah pergi ke Manila—tidak, tiap-tiap hari kita boleh tengok sampai malam mereka membersihkan dan mencuci jalan, dari pagi sampai ke petang tetapi di Kuala Lumpur ini langsung tidak ada. Saya

harap pekan Kuala Lumpur ini kalau hendak bersih mesti ada orang yang menjaga jalan-jalan dan sebagainya.

4.53 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya bukan sebagai Yang Berhormat Datuk Mohd. Tahir sebagai anak jati kepada Kuala Lumpur tetapi saya rasa saya hampir-hampir jati dan kerana saya bermastautin di sini seperti juga Tuan Yang di-Pertua mungkin membayar assessment yang tinggi kepada Bandaraya, saya rasa perlulah saya memberi sedikit-sebanyak pandangan terhadap Rang Undang-undang ini. Tujuan Rang Undang-undang ini hendak memperluaskan lagi kuasa-kuasa yang dahulunya hanya di bawah liputan Ibukota Kuala Lumpur, sekarang ini dengan adanya Wilayah Persekutuan yang mana kawasannya telah bertambah maka perlulah Undang-undang Perancangan Bandaraya Kuala Lumpur, 1973 diperluaskan.

Saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan perancangan kerana Akta ini ialah melibati perancangan. Saya tidak tahu samada Dewan Bandaraya ataupun Kementerian telahpun membuat kajian apakah angka yang boleh dianggarkan sebagai idealist bagi penduduk Kuala Lumpur ini. Katalah dalam masa 5 tahun sehinggalah tahun 2,000 kalau sudah dapat dipastikan bahawa angka itu sedemikian rupa, maka bolehlah kita rancangan dengan sebenarnya. Kita telah dengar di Dewan yang mulia ini yang kita tidak mahu jadi bandar Tokyo atau bandar Calcutta atau bandar Shanghai ataupun New York dan sebagainya, saya bersetuju kita tidak perlu mengikut menjadi seperti bandar yang sedemikian. Kalau Bandar Kuala Lumpur ini menjadi sebagai bandar Tokyo berapa rumitnya. Kalaulah Bandar Kuala Lumpur ini menjadi sebagai bandar New York kita dengan baru-baru ini, masalah penyamun, perompak, orang hendak berjalan malam pun tidak berani. Ini sudah menjadi masalah-masalah yang tidak boleh tidak timbul jikalau penduduk sesuatu bandar itu berlebih-lebihan. Itulah sebabnya saya suka bertanya diperingkat awal ini sudahkah Dewan Bandaraya atau Kementerian membuat satu kajian apakah angka penduduk yang idealist bagi Bandaraya Kuala Lumpur. Adakah Bandaraya yang mengandungi luasnya sebanyak 94 batu persegi, adakah 3 million, 5 million,

10 million, 20 million atau berapa? Ini penting kerana kalau kita tidak mempunyai angka ideal yang saya maksudkan tadi maka timbullah pada satu masa nanti ramainya penduduk-penduduk yang tidak dapat kita kawal. Ini patut kita elak kalau kita hendak elakkan yang Ibukota kita ini menjadi bandar yang sesak, yang tidak boleh bernafas, yang tidak mempunyai makna.

Kalau kita bandingkan Ibukota kita Kuala Lumpur sekarang ini dengan ibukota di negara-negara lain, saya rasa inilah salah satu ibukota yang mempunyai nikmat yang besar, yang mempunyai iklim yang baik, yang mempunyai alam sekitar yang memuaskan buat sementara waktu. Tetapi kalau kita tidak kawal perkara ini, mungkin kita juga mengikut menjadi Tokyo dan sebagainya, bandar-bandar yang kita tidak ingini nanti. Saya tidak megah dengan bandar-bandar besar seperti Tokyo dan New York. Kalau saya sampai ke bandar-bandar itu, saya rasa sesak, hendak melintas jalan pun takut, orang yang mengikut di belakang saya pun, saya takut siapa dia, kita tidak mahu Bandaraya kita ini jadi sedemikian. Kalau kita tengok salah satu daripada bandar yang baru-baru ini telah begitu agaknya mencapai kemajuan yang cepat ialah bandar Taheran, Iran sehinggakan lalulintas kalau kita berjalan di zebra crossing itu kereta sendiripun tidak pedulikan kita. Kita tidak mahu yang Bandaraya kita ini jadi sedemikian. Maka di sinilah pentingnya bagi Dewan Bandaraya atau Kementerian yang berkenaan membuat rancangan bukan sahaja untuk lima tahun tetapi untuk jangka panjang meliputi hingga ke tahun 2,020 umpamanya supaya kita tahu ke arah mana kita akan berada.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah oleh kerana Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan mempunyai tempat duduk di Ibukota maka semestinya semua Kementerian dan Jabatan-jabatannya mesti ada di Kuala Lumpur—tidak semestinya. Kita berhak dan kita patut dari semasa ke semasa meletakkan Jabatan-jabatan itu di luar kawasan Kuala Lumpur. Disperse the agencies, disperse the Departments. Dan jikalau kita berbuat demikian maka dapatlah kita kurangkan penduduk itu nanti dan dapatlah kita menyediakan amenities yang sesuai bagi penduduk di sini dan dengan begitu juga kita akan meninggikan taraf hidup dan mutu hidup rakyat-rakyat kita. Kalau mereka datang ke

Kuala Lumpur ini juga, semuanya hendak tertumpu ke Kuala Lumpur, sudah tentu makin banyak lagi timbulnya rumah-rumah haram, maksiat-maksiat dan sebagainya. Jadi, untuk mengelakkan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 5.01 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.15 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum mesyuarat tadi ditempokkan, saya mengatakan bahawa pentingnya kita mengetahui dalam rancangan kita berapakah angka penduduk yang idealist bagi Ibu Kota supaya membolehkan Kerajaan Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya mengaturkan rancangan.

Sekiranya didapati bahawa penduduk akan bertambah banyak maka perlulah kita adakan rundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain supaya kita dapat mengadakan samada bandar baru ataupun kawasan-kawasan perindustrian baru di luar bandar daripada Ibukota, kerana kalau kita tunggu sampai keadaan sudah sesak, mungkin ini menjadi kesusahan pada masa akan datang. Jadi ada baiknya bagi pihak yang tertentu mengadakan perundingan seawal-awalnya supaya mengadakan bandar baru di luar bandar daripada kawasan Kuala Lumpur seperti di negeri-negeri lain umpamanya. Jadi tidaklah semuanya tertumpu kepada Kuala Lumpur sahaja. Kalau rancangan hendak membawa lebih ramai lagi orang duduk di Bandaraya Kuala Lumpur ini maka sudah tentu pada satu masa kelak kita akan mengalami kesusahan seperti yang saya katakan tadi yang dialami oleh mana-mana bandar metropolis yang besar. Jadi adalah baik pada hemat saya rancangan itu dibuat pada masa sekarang juga, janganlah kita tunggu oleh kerana penduduk kita mungkin tidak sampai sejuta lagi, kita sempat menunggu 5-6 tahun. Saya rasa kita tidak boleh buat demikian. Kita terpaksa buat rancangan itu di masa ini juga supaya rancangan jangka panjang dan jangka pendek itu memang teratur.

Tuan Yang di-Pertua, di mana kembangnya pusat-pusat perbandaran, pusat-pusat setinggian umpamanya, ini terpulang kepada penentuan kita sendiri. Kalau umpamanya kita hendak mengelakkan adanya setinggian-setinggian, itu juga di bawah tangan kita. Saya percaya undang-undang yang ada sekarang ini sudah mencukupi untuk membolehkan pihak Dewan Bandaraya menghalau atau mengusir setinggian-setinggian yang duduk di tempat-tempat yang tidak patut diduduki di Ibu Kota ini, tetapi samada pihak Bandaraya berbuat demikian, saya tidak tahulah. Kalau pihak Bandaraya tidak berbuat demikian, saya suka bertanya mengapa tidak berbuat demikian. Saya rasa bukannya atas perikemanusiaan kita biar mereka duduk dengan secara tidak senonoh, dengan tidak mempunyai amenities yang cukup. Itu bukan membantu mereka sebaliknya menyusahkan mereka dan juga menyusahkan orang-orang yang biasa duduk di ibu kota ini. Rasa saya patutlah pihak Bandaraya membuat kajian yang teliti supaya boleh meletakkan setinggian-setinggian ini memberikan kawasan-kawasan tertentu, rumah-rumah murah umpamanya, mungkin di luar Kuala Lumpur dan perbincangan mestilah diadakan dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk membolehkan perkara semacam itu dijalankan.

Saya tidak mahu mengulang apa yang telah disebutkan oleh sahabat-sahabat saya di Dewan ini betapa buruknya sebahagian daripada kelengkapan yang ada di Ibu kota ini. Mungkin perkembangan Ibu Kota di dalam beberapa tahun yang lepas boleh dikatakan pesat dan oleh yang demikian kaki-tangan yang mengelolanya tidak mencukupi. Saya tengok pada masa dahulu katalah 5 tahun dahulu kalau rumput-rumput di dalam bandar Kuala Lumpur ini diketam dengan baik dan teratur, tetapi sekarang ini bila dipotong atau ketam itu dibuat secara sambil lewa sahaja, kadang-kadang diketamnya rumput itu dibiarkannya sahaja berlonggok-longgok sampai seminggu, dua minggu tidak dibersihkan. Ini menunjukkan kelemahan yang telah berlaku. Ini mungkin disebabkan pesatnya perkembangan Bandaraya Kuala Lumpur dan Datuk Bandar sendiri sebok dengan kerja-kerja lain yang terpaksa diselesaikan bersama. Saya rasa perkembangan Bandaraya Kuala Lumpur ini mestilah sejajar juga dengan perkembangan pekerja-pekerja yang ada di bawah penjaan

Bandaraya. Sudah tentu kalau kita hendak mengelokkan lagi Bandaraya kita ini pekerja-pekerja yang cukup, alat-alat yang lengkap mesti juga diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menetapkan supaya Bandaraya ini satu bandar yang kita boleh banggakan dan kita megahkan perlulah kita ambil ingatan bahawa amenities yang patut ada di sebuah bandar yang bertaraf baik mestilah disediakan. Kalau kita pandang stadium-stadium yang ada untuk sukan, Stadium Merdeka dan Stadium Negara, sungguhpun ada dua buah di situ, tetapi bolehlah dikatakan semuanya terlonggok di situ. Ini mungkin tidak boleh menampung penduduk yang kian bertambah besar dan sudah tentu pada satu masa stadium itu akan jadi out-of-date juga dan perlulah Dewan Bandaraya merancang dan mungkin mengadakan satu tempat luar, satu tempat yang lebih besar daripada apa yang ada pada masa sekarang ini.

Saya nampak di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada iaitu Akta Perancang Bandaraya Kuala Lumpur 1973 memang sudah banyak peruntukan-peruntukan yang boleh, yang memberikan kuasa kepada Datuk Bandar untuk menetapkan apakah yang sepatutnya menjadi kebaikan bagi Ibu Kota. Jadi jikalau sudah ditetapkan perkara-perkara tertentu janganlah Datuk Bandar takut oleh kerana desakan daripada golongan tertentu. Saya rasa beliau tidak perlu berbuat demikian, kerana beliau sebagai seorang Datuk Bandar yang menjadi Penghulu di Ibu Kota, beliau patut berani bersikap tegas dan janganlah takut kerana ada ugutan atau desakan daripada orang-orang tertentu maka beliau membenarkan kawasan yang patut menjadi kawasan lapang, dibinakan rumah. Ini sudah berlaku. Begitu juga kalau beliau berpendapat bahawa satu-satu kawasan itu patut diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah untuk kebaikan umum, umpamanya untuk dijadikan satu padang atau lapangan atau tempat taman kanak-kanak atau apa juga, janganlah beliau takut. Kalau kita terpaksa membayar ganti rugi kepada pemunya tanah itu, kita bayar dengan harga yang berpatutan supaya Ibu Kota ini boleh menjadi satu Ibu Kota yang betul-betul kita megahkan.

Begitu juga dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Bagi mereka yang sudah lama duduk di Kuala Lumpur ini, mereka

akan sedar betapa sesaknya di dalam tempoh dua tiga tahun yang lepas berkenaan dengan lalulintas. Kalau dahulu kita boleh sampai ke tempat kerja kita dalam tempoh 10 minit, sekarang satu jam belum dapat jamin lagi. Ini juga berkaitan dengan perancangan. Jadi bila kita bercakap mengenai perancangan di dalam satu bandaraya, tidak boleh lari daripada perkhidmatan, perkhidmatan yang patut diberi kepada penduduknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu ulangkan apa yang telah disarankan oleh sahabat-sahabat saya di sini betapa pentingnya perkhidmatan yang memenafaatkan penduduk. Perkhidmatan yang patut dikaji dengan mendalam, apa juga kajian yang terpaksa dibuat, buatlah. Kalau saya pandang di dalam ibukota Kuala Lumpur ini entah berapa kali kajian berkenaan dengan traffic. Ada sahaja kajian yang dibuat tetapi kedudukan traffic ini masih lagi tidak berubah, tidak begitu baik dan saya harap bukan sahaja satu rancangan jangka pendek tetapi juga jangka panjang patut disediakan di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara kecil yang saya suka timbulkan di sini ialah berkenaan dengan nama-nama jalan yang ada di ibukota ini. Sungguhpun usaha-usaha telah diadakan supaya memalaysiakan nama-nama jalan kita tetapi mungkin usaha-usaha itu belum lengkap lagi. Saya masih ingat di satu kawasan yang dahulunya digelar Kenny Hill dan sekarang ini ditukar nama sebagai Bukit Tunku tetapi semasa hendak menamakan jalan ada banyak masalah yang timbul. Umpamanya, kalau diterjemahkan Jalan Kenny Selekoh jadi kalau Kenny itu dijadikan Tunku, sudah tidak betul dalam terjemahan menjadi Jalan Tunku Selekoh tetapi mujurlah kita mempunyai orang-orang yang bijak di dalam bandaraya yang mengatakan Jalan Tunku Selekoh itu tidak betul. Sebenarnya patutlah digelar Kenny Selekoh Tunku. Mujurlah kita mempunyai orang-orang yang bijak juga di dalam bandaraya dapat memperbaiki. Saya rasa kalau kita pandang nama-nama jalan dalam bandar Kuala Lumpur ini masih banyak lagi yang boleh diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak mengambil masa yang panjang lagi dan dengan apa yang saya katakan itu saya dengan sukacita menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan di sini.

5.34 *ptg.*

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang sama dalam membincangkan Rang Undang-undang (Perancangan) Bandaraya Kuala Lumpur (Pindaan) ini.

Pertama saya mengucapkan tahniah kepada pihak bandaraya yang begitu susah-payah hendak merancang dan melagangkan menjadi satu bandar yang cukup memberikan puashati kepada semua rakyat di dalam negara kita. Inilah perkara-perkara yang timbul difikirkan tiap-tiap pegawai dan kakitangan bandaraya yang bertanggungjawab. Saya bersimpati kepada mereka memecahkan tenaga dan fikiran supaya menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar yang cantik, kita harus puji sebab dari semasa ke semasa bandaraya kita sekarang ini sudah boleh kita banggakan. Kalau pun tidak sama dengan bandaraya-bandaraya yang ada di negara-negara yang lebih maju tetapi kita sudah mula melangkah setapak demi setapak. Kepada saya unit perancangan dalam bandaraya ini mestilah bekerja bersungguh-sungguh memahami hakikat, hati dan jiwa kehendak kebangsaan kita di samping memelihara pula keutuhan politik negara kita ini.

Sebagaimana kita sedia maklum negara kita ini diperintahkan oleh berbilang-bilang parti dalam satu barisan yang mempunyai beribu-ribu pengikut dan ada yang paling hampir dan paling rapat dengan Menteri yang berkenaan dan kadangkala Menteri-menteri itu juga bersimpati dengan apa yang dirayukan oleh pengikut-pengikut mereka, dan inipun satu masalah yang timbul kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas mereka di bandaraya ini. Sehingga sekarang ini kita dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, sebelum Wilayah ini diserahkan oleh Kerajaan Selangor kepada Kerajaan Persekutuan, Wilayah ini luasnya ialah 36 batu persegi lebih kurang tetapi sekarang ini sudah menjadi 94 batu persegi. Jadi besarnya sekarang ini sudah meningkat 2/3 daripada yang dahulu. Sekali fikir, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak merancang bandar yang ada sekarang ini dan hendak menjadikan bandar yang betul-betul dikehendaki mengikut planning kita, saya agak rasa susah dan sukar, kecuali Kerajaan kita menjalankan kuatkuasa Undang-undang.

Saya menyarankan bahawa kita merancang satu bandar baru Kuala Lumpur, a new town of Kuala Lumpur, disconnected with the old town. Jadi bandar baru yang kita rancang ini hendaklah dijadikan satu bandar yang betul-betul kita boleh megahkan dalam tempoh 20 tahun yang akan datang atau 15 tahun yang akan datang, merupakan satu bandar yang penuh lengkap iaitu daripada tanah-tanah yang ada, daripada penambahan-penambahan tanah yang dimasukkan dalam kawasan Wilayah hendaknya estet-estet orang yang kaya-kaya itu diambil. Macam kita sekarang ini hendak pergi ke Petaling Jaya, hendak pergi ke Subang, di kiri kanan itu semua estet orang yang kaya-kaya, ini yang kita ambil. Begitu juga sekarang ini oleh sebab di bandaraya berkehendakkan banyak rumah pemaju-pemaju rumah sekarang ini berebut membuat rumah-rumah bagi dijual kepada rakyat. Umpamanya, 20,000 rumah akan dibina di Kepong oleh sebuah syarikat dua tiga hari ini. Mengapa tanah yang macam itu kita patut beri kepada syarikat-syarikat yang tersebut. Sepatutnya tanah yang macam itu Government ambil, Government beli kemudian kita rancang sebuah bandar yang lengkap, kita ada Dewan Bandaraya, dan ada semua sekali termasuk apa yang kita pandang dan kita dapati daripada pelajaran kita di luar negeri, daripada apa yang kita lihat pembangunan bandar-bandar di negeri-negeri yang maju dibawa ke sini. Ini lebih senang kita merancang daripada kita merancang bandar yang sekarang ini. Bandar yang sekarang ini cuma hendak rancang, suruh bakar sahaja, selepas bakar baru boleh buat undang-undang. Kalau tidak, saya fikir susah. Saya tidak menyarankan suruh bakar dan tidaklah patut sebagai seorang Ahli Dewan Negara ini menyarankan suruh bakar tetapi kalau sudah kebakaran baru boleh kita rancang.

Saya masih ingat, walaupun saya bukan orang Kuala Lumpur tetapi separuh umur saya ini di Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut dahulu adalah satu jalan yang tidak dihargai di Kuala Lumpur ini. Tetapi sekarang Jalan Raja Laut telah menjadi sebuah jalan yang terkenal, tumbuh bangunan-bangunan yang tinggi yang baik-baik. Maka hasilnya ialah hasil daripada terjadi kebakaran. Jadi, peranan saya sekarang ini kepada perancang bandar ialah supaya dia mengkaji satu plan yang wajar bagi bandar baru Kuala Lumpur.

Tanah yang mana kena terpaksa diambil, tetapi kita ambil orang yang mempunyai tanah yang luas seperti estet-estet yang luas-luas. Seperti syarikat di Kepong sana yang hendak dibangunkan 20,000 yunit rumah, Kerajaan patut ambil dahulu jadikan miliknya. Jangan kira duit M.C.A. M.I.C. UMNO kalau berupa masalah kepada rakyat dan pembangunan negara kita harus minta dia pindah keluar daripada Wilayah Persekutuan supaya kawasan Wilayah ini dengan sendirinya berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kita merancang bandar baru, kita ambil misalnya kita pergi ke Canberra, saya tidak hendak bawa Canberra ke sini, tetapi kalau kita pergi ke satu bukit, saya tidak payah sebut nama bukit itu sebab banyak orang sini sudah pergi. Waktu malam kita dapat tengok seluruh bandar Canberra dan perancangan ini semua ada di atas bukit itu. Siapa yang merancang siapakah akiteknya? Ada gambarnya di sana kerana kita boleh teropong semuanya sekali. Lebih indah pada waktu malam, itu satu daripada contohnya Canberra. Kalau kita pergi ke Melbourne kita boleh melawat Tangnoh Hill yang lebih 60 batu jauhnya daripada Melbourne dan dari bukit itu kita boleh nampak seluruh Melbourne itu, begitu jugalah kalau kita pergi ke lain-lain tempat yang boleh kita pelajari sebab pegawai kita selalu pergi keluar negeri, daripada itu kita boleh jadikan tauladan dalam menghadapi masalah kita. Jadi, saya sekarang memandangi di manakah di Kuala Lumpur ini hendak dibuat satu bukit seperti di Melbourne, cuma Bukit Nenas sahaja yang sekarang ini ada cable wire yang dikenakan bayaran \$1.50 sekali naik. Mengapa bukit yang semacam ini tidak ditambah lagi kegiatannya, kalau dimaksudkan untuk menarik pelancong kita tambah apa perkara yang boleh menarik. Saya tidak hendak memalukan Kuala Lumpur sebab kalau saya memalukan Kuala Lumpur saya malu sendiri. Kalau daripada Hotel Regent, di sebelah jalan itu kita masih nampak rumah dinding zinc, atap yang kecil-kecil yang memalukan sedangkan Hotel Regent itu ialah Hotel yang kita boleh banggakan, paling mahal bayaran biliknya di Kuala Lumpur, tetapi sebelah jalan sahaja masih terdapat rumah yang berdinding zinc di situ.

Tuan Yang di-Pertua, langkah perancangan bandaraya membuat hotel besar di kawasan itu patut dipuji, mulai daripada

Hotel-hotel Merlin, Equitorial, Hilton selepas itu pergi ke Regent, itu bagus. Jadi perancangan yang semacam ini hendak dibuat dalam bandar Kuala Lumpur yang ada sekarang ini amat sulit. Oleh itu, saya sarankan supaya strategi baru mesti dibuat. Dalam masa membuat rancangan ini orang yang merancang ini harus memikirkan identiti penduduk dalam negara kita ini patut dipelihara iaitu identiti orang Melayu, Tionghua, India umpamanya. Kita harus memperuntukkan perkampungan yang menjadi contoh kehidupan bangsa kita sendiri, perlu diadakan dalam masa planning dan baru. Kalau kita hendak tahu sekarang ini di mana hendak melihat identiti orang bumiputra (Melayu) kita mempelawa orang luar datang ke Pantai Timur, begitulah sebaliknya. Dalam masa ini, kita patut kajikan yang baru dan yang lama ini bolehlah kita ambil sedikit-sebanyak daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rakyat, Jalan Tuanku Abdul Rahman sekarang inilah yang difikirkan jalan yang besar. Kita boleh duduk dekat Panggung Wayang Coliseum dan kalau kita pandang arah ke sana sedikit kita dapati atapnya pun masih atap yang 50 tahun dahulu dan jalan itu sempit, kita cari jalan sehalu tetapi manusia akan datang menumpu bandaraya daripada semasa ke semasa dan jalan ini tentulah sempit. Jadi terpaksalah kita atur pada bandar yang baru ini sekurang-kurangnya jalan itu mesti ada 80 kaki lebar. Kita patut contohi Adelaide atau di mana-mana bandar yang dirancangan setelah tumbuh berkembang negara itu dalam tempoh 40 tahun atau 50 tahun ini. Kita patut belajar daripada Australia dalam membangunkan bandar baru sebab Australia membangun dalam tempoh cuma 40 tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak menyentuh sedikit pandangan saya kepada Yunit Perancangan di Bandaraya iaitu kawasan industri. Sebagaimana yang diketahui di Sungai Besi disebut sebagai satu kawasan industri, tetapi selepas itu tumbuh pula industri di lain tempat seperti di Petaling Jaya dan akhir-akhir ini ialah di bandar baru Shah Alam. Kalau sekiranya pergi ke Sungai Besi kita nampak bukan satu kawasan industri yang betul-betul, tetapi yang kita nampak ialah kawasan industri tukang-tukang besi kerana di kiri kanan ialah penuh dengan besi-besi maka munasabahlah tempat

itu dinamakan Sungai Besi. Saya akui perancangan bandar cukup pandai menamakan tempat itu dengan aktiviti yang ada di tempat itu, semuanya masalah besi-besi. Di situlah ada satu industri bumiputra didirikan iaitu sebuah pejabat akhbar Utusan Melayu di antara beberapa banyak lagi industri bumiputra yang ada di situ. Bila kita bandingkan ke dua-dua ini, Sungai Besi dengan Shah Alam maka kita dapati perkembangan di Shah Alam merupakan satu kawasan industri yang sungguh menarik, cantik, bersih, teratur dan bila kita bandingkan semula kawasan industri di Sungai Besi ini, kalau sekiranya kita pergi ke sana kita dapat perbezaan yang sangat tinggi di antara Shah Alam dengan Sungai Besi, dan Sungai Besi ialah satu kawasan industri yang dirancang oleh bandaraya. Kalau kita bandingkan kedua-dua ini saya fikir kita sudah gagal menjadikan Sungai Besi itu satu kawasan industri yang benar-benar sebagaimana yang dirancangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan rancangan bandaraya ini hendak menjadikan tanaman pokok-pokok di bandaraya, kerana bandaraya ini dengan adanya pokok nampak bertambah seri. Tetapi saya fikir sudah tiba masanya bukan sahaja pihak bandaraya menanam pokok-pokok tetapi hendaklah menambahkan taman-taman yang ada.

Sekarang ini kita cuma ada satu sahaja taman iaitu Taman Tasik, di lain-lain tempat belum kita buat. Rancangannya sudah ada disiarkan dalam akhbar iaitu di Jalan Kuantan, tetapi sehingga ini tinggal begitu sahaja. Penduduk di Kuala Lumpur sekarang ini sudah hampir dua juta; yang ada, yang datang dan yang tidak berkira semuanya hampir dua juta. Pada hujung-hujung minggu inilah sahaja tempatnya rakyat marhain, rakyat yang tidak mempunyai wang banyak hendak berihat. Berpusulah kita ke Lake Gardens kerana itu polis trafik pun tutup jalan itu tidak benarkan motokar masuk ke tempat ini. Bagaiakah kita boleh banggakan Kuala Lumpur kita, kalau kita cuma ada satu taman sahaja. Kebetulanannya orang Melayu pula yang suka menengoknya. Begitulah nasib orang macam saya, macam Tuan Yang di-Pertua yang bersongkok—orang lain kurang. Kerana orang ini duduknya di rumah-rumah sesak, di rumah-rumah setinggan yang luas 10 kaki

persegi yang menyewa bilik 8' x 10'. Pada hari minggu di mana tempat mereka berihat, cumalah di satu taman ini sahaja.

Saya rasa Bandaraya tidak boleh mengelak dan mestilah merancangkan satu atau dua taman lagi dengan seberapa segera yang boleh bagi mengatasi tempat berihat rakyat marhain dan rakyat banyak. Saya sedar bahawa ada rancangan ini dicadangkan tetapi rancangan itu masih di dalam cadangan juga. Bila saya mendengar nasihat dan pandangan daripada Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, duit bandaraya ini yang paling banyak untuk membeli bahan. Maka sekarang ini Bandaraya perlu, yang pertama menyenangkan fikiran penghuni-penghuni Bandaraya ini yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Sebab golongan yang berpendapatan tinggi seperti Senator Kamarul Ariffin, Dr Lim Keng Yaik boleh terbang pergi ke Taiwan, Hongkong ataupun ke mana-mana (*Ketawa*). Kalau dia susah di Kuala Lumpur dia boleh senang di Tehran, di Tropoli atau di lain-lain tempat. Jadi itu tanggungjawab Perancang Bandaraya. Dan tuan-tuan akan ditanya samada Islam atau bukan Islam—apa kamu buat kerana orang ramai? Pada masa itu tuan mesti jawab, hari ini boleh dikatakan tidak ada apa-apa. Pada masa itu mulut akan menjawab, tangan akan menjadi saksi dan mata akan menjadi saksi bahawasanya kita patut memberi keadaan lebih baik, yang lebih sesuai kepada orang ramai. Jikalau keadaan-keadaan ini kita dapat timbulkan, keharmonian di Bandaraya ini kelak akan lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya bercakap di dalam Bill ini, saya tertarik hati iaitu di dalam Clause 3 (1). Saya hendak memperhitungkan perancangan Datuk Bandar kita sendiri. Pertama sekali Datuk Bandar kita ini tidak ada satu-satu keistimewaan yang tertentu yang saya nampak khususnya taraf Datuk Bandar itu sendiri. Kalau sekiranya di dalam Parlimen ini umpamanya, Tuan Yang di-Pertua pakai jubah labuh, tetapi Datuk Bandar kita patut pula dalam temasya-temasya yang besar-besar hendaklah menyerupai Datuk Bandar yang sebagaimana Datuk Bandar-Datuk Bandar yang lain. Kalau ada benda itu hendaklah diperintah beliau supaya memakainya pada hari-hari yang tertentu. Kalau tidak ada, buat. Mesti ada kalongnya, yang merupakan satu keistimewaan kepada seorang Datuk Bandar dan jubah mesti ada, kalau perlu, beri jubah.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada Menteri ini hendaklah ada seorang Timbalan kepada Datuk Bandar. Walaupun ada Jawatankuasa Penasihatnya tetapi oleh sebab tugas Datuk Bandar ini berat yang disebutkan di sini pun sudah dinyatakan dengan tidak terang, tetapi jelas tanpa menyentuh Seksyen 7—Datuk Bandar hendaklah, sekurang-kurangnya sekali di dalam tiap-tiap lima tahun selepas mula berkuatkuasa Akta ini. Walaupun maksudnya terang mengkaji perancangan pada saya Datuk Bandar ini mestilah tempoh perkhidmatannya lima tahun.

Kalau lebih daripada lima tahun itu patutlah dikaji penggantian yang baru perlu dibuat dan kalau ada sesuatu yang menasabah yang patut kita panjangkan tempohnya maka bolehlah dibuat. Saya tidak ada prejudice kepada sesiapa, Tuan Yang di-Pertua, kalau Dewan ini sendiripun ada tempoh seseorang Ahli boleh berkhidmat, maka tidak ada sebab seseorang yang menyandang gelaran Datuk Bandar itu tidak ada tempohnya yang tertentu supaya dalam tempoh perkhidmatannya dia akan menunjukkan satu perkhidmatan yang lebih cemerlang. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat hendak menyentuh sesiapa, saya menyentuh hanyalah jawatan Datuk Bandar. Itu sahaja.

Yang akhirnya Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan ini, malangnya uzur—sakit. Jadi patutlah kita bisikkan kepada Kerajaan supaya dilantik seorang Timbalannya. Sekarang ini cuma ada seorang Parliamentary Secretary. Pada kita menambahkan satu Menteri itu tidak ada apa-apa hal asalkan masuk sahaja parti kita, boleh tambah. Itu konsep kita. Jadi kalau kita hendak tambah seorang Timbalan lagi, itu bukan perkara berat sebab amalan kita bila satu parti masuk ke dalam Barisan Nasional kita mesti beri satu kerusi Menteri atau Timbalan Menteri. Kelaziman itu kita ambil. Saya berpuas hati bahawa Menteri ini ialah Menteri Datuk Bandar dulu. Tetapi apa salahnya kalau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua membisikkan kepada Kerajaan dengan pembangunan yang pesat Dewan Bandaraya ini maka perlulah seorang Pembantu Timbalannya diadakan.

Saya menyarankan supaya Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan ini mesti diwujudkan kerana

pada masa-masa yang akhir-akhir ini Menteri kita yang menguasai Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan ini uzur, maka untuk membantu beliau supaya jangan uzur kita hendaklah tambah seorang lagi pembantu.

Tuan Yang di-Pertua, saya gemar sekali menyokong Bil ini dan saya berdoa kepada Allah mudah-mudahan kakitangan Bandaraya dari semua peringkat akan direstui Allah dengan fikiran yang lebih mantap bagi mengadakan sebuah Bandaraya yang dihargai oleh semua pihak.

6.00 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang suatu Akta bagi meminda Akta Perancangan Bandar Kuala Lumpur 1973. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tadi kita telah mendengar banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tinggal tetap di Bandaraya Kuala Lumpur atau yang tinggal berhampiran, tetapi kita tidak mendengar lagi daripada orang-orang yang tinggal di luar-luar bandar atau yang tinggal jauh, bagaimana pandangannya berkenaan dengan keadaan kedudukan Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telahpun meluaskan lagi kawasan bandar dan begitu juga kita mengucapkan terima kasih kepada Datuk Bandar yang mana kita tengok rancangan-rancangan pembangunan yang telah ada di Bandaraya Kuala Lumpur ini yang sebegitu pesat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, bagi penduduk-penduduk luar bandar manakala datang ke bandar Kuala Lumpur ini, terutama sekali tentulah akan melawat kepada beberapa tempat yang penting yang ada di bandar Kuala Lumpur ini. Kita tahu pada masa dahulu sejak ada bangunan-bangunan lama sebagaimana bangunan Stesyen Keretapi, bangunan Pejabat Kerajaan Negeri Selangor dahulu perbandingan akan dapat dilihat oleh penduduk-penduduk luar bandar bangunan-bangunan baharu seperti Masjid Negara, Bank Negara dan begitu juga Bangunan Parlimen kita yang ada di bandar Kuala Lumpur. Kita tidak payah terangkan daripada orang-orang yang datang daripada luar-luar negeri yang datang melawat ke

negara kita ini, saya hanya tunjukkan bagaimana pandangan dan pendapat daripada orang-orang yang tinggal di luar bandar di dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati masih banyak lagi kekurangan tempat-tempat pelancungan yang dapat memuaskan bagi pandangan orang-orang yang datang daripada luar bandar di Kuala Lumpur ini, maka dengan adanya tambahan-tambahan kawasan yang telah ditentukan itu, maka kita percaya tentulah dapat pula diperhatikan oleh Datuk Bandar kita di mana tempat-tempat yang patut ditambahkan lagi tempat-tempat yang boleh dilihat ataupun dijadikan tempat pemandangan bagi pihak orang kita yang datang daripada luar bandar di bandar Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini penduduk-penduduk luar bandar hendak mengambil bahagian dalam perniagaan datang ke Kuala Lumpur ini melihat bagaimanakah Kerajaan kita mempertingkatkan atau memperuntukkan tempat-tempat perniagaan khususnya bagi bumiputra. Jadi, keadaan yang kita terdapat pada hari ini tempat-tempat perniagaan manakala kita datang ke sini, sebelah malam kita keluar maka tentulah kita pergi membawa mereka ke tempat makanan di Jalan Chow Kit dan di situ kita akan terdapat beberapa gerai maka sungguh mendukacitakan kita keadaan itu, kerana tempat perniagaan yang dikhaskan kepada bumiputra itu tempat-tempat itu kita tahu didirikan oleh MARA atau UDA, Perbadanan Kemajuan Negerikah tidak begitu memuaskan. Jadi, dengan adanya tambahan kawasan ini maka kita berharaplah kepada pihak Datuk Bandar akan dapat juga memberi tempat-tempat yang istimewa kepada bumiputra, kerana kadang-kadang kita melihat daripada luar bandar juga tempat-tempat yang diperuntukkan ataupun dikhaskan oleh MARA atau UDA ini kita selalu dapat rungutan yang tempat-tempat itu jauh di belakang yang tidak dapat memuaskan hati untuk menjalankan perniagaan. Maka di bandar Kuala Lumpur ini apa yang kita harapkan supaya keadaan kedudukan bumiputra kita ini kalau kita katakan pada masa dahulu bangunan-bangunan tidak ada, sekarang telahpun ada dan keadaan-keadaan tempat itu tidak dapat kadang-kadang kita hendak mengambil lagi. Jadi, kita berharaplah kepada kawasan-kawasan baharu ini

kalau ada kawasan-kawasan yang boleh beri kepada bumiputra kita menjalankan perniagaan yang maju maka akan ditempatkan di tempat-tempat itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, bila orang-orang yang baharu datang daripada luar bandar itu menghadapi masalah kesibukan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini, maka kita berharaplah kerjasama daripada pihak yang berkenaan atau Datuk Bandar mengatasi masalah ini. Masalah ini kita tahu kerana di Kuala Lumpur ini tiap-tiap sebuah rumah kesemuanya ada mempunyai kenderaan. Jadi, dengan kerana itulah pada masa bekerja semua kenderaan-kenderaan itu keluar ke bandar. Dengan keadaan itulah kesibukan di dalam bandar. Jadi, tidakkah dapat dirancangan bagaimanakah caranya supaya kereta-kereta yang ada lebih daripada satu di sesebuah rumah itu dapat dijalankan sebuah sahaja yang lain itu ditinggalkan supaya menjadi tidak begitu sibuk di dalam masa bekerja. Mengadakan tempat simpanan khas dan dikenakan bayaran yang lebih, barangkali ini boleh mengurangkan kenderaan.

Selain daripada itu ialah manakala lama sedikit orang luar bandar duduk di Kuala Lumpur kena pula pada musim hujan, bila hujan sudah turun lebih sedikit atau lama sedikit maka keadaan-keadaan tempat-tempat di Kuala Lumpur ini dipenuhi dengan banjir, maka dengan keadaan itu juga pembangunan kita patutlah diperhatikan terutama sekali saluran-saluran air sungai dan parit yang mana pembangunan yang akan dibangunkan hendaklah dijagai dan diawasi supaya keadaan air dapat mengalir dengan sebegitu cepat dan tidaklah menjadi banjir di dalam Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu keadaan bangunan-bangunan yang tidak sesuai yang mana ada bangunan-bangunan yang moden yang didirikan di dalam Bandar Kuala Lumpur ini maka bangunan-bangunan yang tidak sesuai itu patutlah difikirkan oleh Datuk Bandar bagaimanakah cara bangunan-bangunan itu patut diroboh atau patut didirikan yang lain. Umpamanya, kalau kita nampak bangunan Pasar Borong yang ada di Jalan Ipoh maka di sekeliling Pasar Borong itu boleh dikatakan bangunan-bangunan tersergam telahpun didirikan seperti Bangunan Tabong Haji, Bangunan MIC dan baru-baru ini juga ada terdiri

Bangunan PERKIM. Nampaknya bangunan Pasar Borong itu patutlah dipindahkan ke satu tempat yang sesuai dan kawasan itu dirikan bangunan yang sesuai dengan bangunan yang ada.

Sekianlah sahaja pandangan saya dalam menyokong Bil ini.

6.11 ptg.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang tersebut dan mengucapkan penghargaan saya terhadap pandangan-pandangan yang membina dan berguna yang mereka buat.

Sepertimana yang saya telah nyatakan apabila saya membentangkan Rang Undang-undang ini tujuan utama Rang Undang-undang ini adalah untuk memindahkan perbekalan-perbekalan Akta Perancang Bandaraya Kuala Lumpur, 1973 kepada keseluruhan kawasan seluas 94 batu persegi Ibukota. Peluang ini diambil pada masa ini juga untuk memberikan kelonggaran (flexibility) kepada Akta asal dengan membolehkan Datuk Bandar atas arahan Menteri selain daripada menyediakan pelan induk tiap-tiap 5 tahun tetapi juga dalam tempoh pendek atau panjang seperti yang sewajarnya untuk mengkaji memperbaiki atau mengganti pelan pembangunan lengkap (comprehensive development plan). Ini telah didapati dalam pentadbiran sebuah bandaraya yang kian berkembang dengan pesatnya seperti Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini saya tidak akan menjawab soalan-soalan tertentu yang telah dibangkitkan oleh begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara, izinkanlah saya menghuraikan beberapa soalan yang telah dibangkitkan semasa perbincangan. Adalah tidak dapat dielakkan bahawa perubahan-perubahan samada dalam bentuk fizikal atau yang berbentuk sosial ekonomi mestilah berlaku disebuah bandaraya yang berkembang seperti Kuala Lumpur selaras dengan kemajuan kita sebagai sebuah negara yang baru muncul. Lagi pun alam sekeliling kita dan pandangan rakyat kita mungkin berubah. Apa yang kita ingin melaksanakan

dalam perancangan adalah bahawa perubahan-perubahan ini akan berlaku dalam cara yang teratur dan bijak (rational) dengan tidak membawa beberapa gangguan kepada kehidupan rakyat kita.

Saya penuh bersimpati dengan sentimen-sentimen yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Memanglah sedih bahawa semasa pembangunan pada masa yang lampau beberapa penduduk-penduduk telah dipindahkan dari rumah-rumah mereka. Dengan pembangunan yang dirancangan mungkin kisah sedih kehilangan beberapa kampung-kampung Melayu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohd. Tahir dan juga oleh Yang Berhormat Senator-senator yang lain dapatlah dielakkan tetapi sebenarnya rupanya Kerajaan Negeri yang mentadbir kawasan itu pada masa lampau telah membuat keputusan yang difikirkan baik demi kepentingan masa yang panjang bagi masyarakat itu. Adalah sedih tetapi sebenarnya bahawa kita tidak boleh membuat telur dadar (omelet) dengan tidak memecahkan telur. Apa yang kita mesti menentukan iaitu bahawa ayam-ayam kita akan terus-menerus bertelur dan kita boleh menikmati omelet kita.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia sedar sebuah pelan induk yang baru bagi Kuala Lumpur sedang disediakan. Pelan-pelan pembangunan lengkap yang lama yang sedang dikuatkuasakan pada masa ini melibatkan kawasan yang lama seluas 36 batu persegi dan tidak termasuk kawasan seperti Kepong dan Sungai Besi yang mana Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim Yaacob telah menyatakan dalam ucapannya sedikit pembangunan telah berlaku di dalam kawasan-kawasan itu dan saya percaya keadaan ini tidak disebabkan sokongan rakyat di sana kepada Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoo, seorang Ahli Pembangkang di Dewan Rakyat, lagipun Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada masa sekarang ialah seorang Ahli Pembangkang Dewan Rakyat juga dan kita tidak mengeneipkan kawasannya. Kawasan-kawasan Kepong dan Sungai Besi sebenarnya telah menjadi sebahagian daripada Bandaraya Kuala Lumpur sejak 1hb Februari, 1974 dan mengambil masa untuk melantik pegawai-pegawai memandangkan perkhidmatan-perkhidmatan di atas kepada kawasan-kawasan ini. Tujuan Rang Undang-undang

Pindaan ini adalah untuk memasukkan kawasan-kawasan ini di dalam menyediakan pelan induk yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator-senator ada merujuk kepada beberapa perkara yang bersangkutan-paut dengan pentadbiran Dewan Bandaraya dan saya boleh mengatakan di sini saya akan merujuk kepada perkara ini kepada Yang Berbahagia Datuk Bandar supaya dapat diambil perhatian oleh beliau. Dan satu dua perkara yang penting yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah saya jawab dengan ringkasnya dalam jawapan saya.

Usaha-usaha yang gigih telah terus dijalankan oleh Dewan Bandaraya melalui Yunit Pengindahan Bandaraya untuk mencantikkan Bandaraya yang termasuk projek bagi mengadakan taman-taman permainan kanak-kanak, kawasan-kawasan lapang serta bangunan town park dan taman-taman rekreasi. Untuk tujuan ini Dewan Bandaraya memperuntukkan sejumlah wang sebanyak \$185,000 bagi tahun ini yang mana adalah kecil pada permulaannya. Walau bagaimanapun pada tahun-tahun hadapan peruntukan ini akan ditambah lagi jika perlu.

Tindakan bagi mencantikkan kawasan Parlimen telah diusahakan dengan mendapat nasihat daripada pakar landscaping daripada negeri Jepun yang bertugas selama tiga tahun di Pentadbiran Dewan Bandaraya. Apa yang dapat dilihat sekarang ialah hasil daripada kajian tersebut. Kita mesti ingat juga pokok-pokok yang ditanam masih kecil dan akan mengambil masa membesar dan perlu menjaga supaya jangan di masa hadapan Bangunan Parlimen yang indah ini terlindung oleh pokok-pokok yang besar yang tidak dikawal itu.

Saya bersetuju juga dengan pendapat beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengatakan hutan-hutan di sekitar Bangunan Parlimen ini patut dikawal, kerana ini perlu dari segi alam semula jadi dan alam sekitar.

Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim Yaacob juga mencadangkan supaya pembangunan kawasan Kepong dan Sungai Besi dicepatkan. Saya telah menjawab dalam ucapan saya tadi dan saya bagi pihak Dewan Bandaraya mengucapkan terima kasih kepada beliau yang menarik perhatian Kerajaan Persekutuan supaya memberi per-

untukan wang yang lebih besar lagi bagi mempercepat pembangunan di Wilayah Persekutuan.

Seperti kata saya tadi, kita tidak boleh membezakan kawasan di bawah pihak kerajaan ataupun pihak Pembangkang. Sebenarnya Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$175 juta bagi pembangunan di Wilayah Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Sebanyak \$20 juta daripada jumlah tersebut telahpun diberi secara grant oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan-peruntukan ini adalah untuk pembangunan infrastruktur termasuk projek pembentungan, membaiki jalanraya, lampu-lampu jalan, mengangkut sampah dan sebagainya dan ini saya harap dapat menjawab teguran-teguran yang dibuat oleh beberapa Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan perkara ini.

Masalah-masalah Kampung Melayu yang dikawal. Berkenaan dengan perkara ini saya telah menyentuh tadi apabila saya membuat ucapan permulaan semasa membentangkan Rang Undang-undang ini bahawa terdapat kampung-kampung seperti Kampung Selayang, Kampung Ampang Jaya. Dua kampung ini kalau tidak salah saya terletak di luar Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, kampung-kampung yang termasuk dalam Wilayah Persekutuan yang masih bertaraf Simpanan Melayu adalah kekal kedudukannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menyediakan pelan induk bagi Wilayah Persekutuan, kampung-kampung yang berkenaan akan dikaji dengan teliti supaya kampung-kampung tersebut dapat dimajukan melalui perancangan yang sempurna. Dengan perlaksanaan pelan induk itu, kemudahan-kemudahan yang moden dan sejajar dengan taraf Bandaraya akan dapat dilaksanakan untuk penduduk-penduduknya.

Satu masalah yang disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Kampung Pantai. Penempatan loji pembentungan di kawasan itu adalah memandangkan kawasan itu adalah sangat sesuai dari segi teknik pembentungan kerana tanahnya rendah dan sesuai untuk projek tersebut daripada tapak-tapak lain di dalam Wilayah Persekutuan. Dalam hubungan ini kawasan ini adalah didapati termurah dari segi kosnya dan pembentungan tersebut adalah sebagai pembesaran kepada loji yang sedia ada sejak tahun 1975. Ini juga adalah berupa projek lanjutan. Penduduk-penduduk yang terlibat

di kawasan itu tidak seharusnya tinggal berdekatan dengan loji tersebut memandangkan ia boleh mengakibatkan keadaan yang tidak sempurna dan akan menjejaskan kesihatan mereka. Langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan supaya mereka dapat ditempatkan semula di tempat yang lebih sesuai dan lebih indah lagi.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu kawasan yang ada sekarang ini yang dikatakan Kampung Pantai ataupun Kampung Pasir sesuai untuk pembesaran loji penapis najis ini. Tetapi sudahkah Kementerian atau Dewan Bandaraya mengkaji kawasan yang sealiran dengan Sungai Kerayong yang mana berhampiran dengan kawasan itu, kawasan ini juga merupakan sebagai kawasan yang lembah, serupa seperti kawasan Pantai.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab teguran Ahli Yang Berhormat, boleh saya mengatakan perkara ini telah dirujuk kepada pakar-pakar yang mengkaji perkara ini dan kajian yang didapati oleh mereka jikalau tempat itu dipindahkan kepada lain kawasan ianya akan melibatkan perbelanjaan yang besar sekali. Kerana itu lebih elok lagi kita pindahkan orang-orang yang sedia ada di tempat itu ke tempat yang lain dari segi kesihatan mereka juga kerana mereka sekarang duduk dekat dengan tempat loji. Jadi, dari segi kesihatan adalah tidak elok bagi mereka duduk di sana lagi.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh berkenaan dengan bangunan lama yang bersejarah dan ada sebahagiannya pula yang berpendapat bahawa patutlah bangunan itu dikawal untuk jenerasi yang akan datang dan ada setengah-setengahnya juga mengesyorkan bahawa patutlah kita ubahsuaikan bangunan itu melihat keadaan dari masa ke semasa. Saya berterima kasih atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Pada pendapat saya sendiri, saya bersetuju ianya patut juga kita kawal bangunan yang bersejarah itu supaya jenerasi yang akan datang tidak melupakan sejarah kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad menyentuh berkenaan dengan Rumah Sabah yang diambilalih oleh Kerajaan Pusat. Beliau mengesyorkan supaya

bangunan itu digunakan untuk persidangan antarabangsa. Rumah Sabah adalah tidak sesuai bagi tujuan itu, kerana ianya kecil bagi maksud tersebut dan hanya boleh digunakan untuk orang-orang kenamaan dan pelawat-pelawat asing ke negara kita. Kerajaan telah mencadangkan bagi mengadakan sebuah bangunan yang sesuai untuk tujuan persidangan antarabangsa dan perkara ini masih dalam peringkat perancangan. Dengan itu juga saya berterima kasih di atas cadangan beliau itu.

Berkenaan dengan menempatkan suatu perkampungan duta-duta asing di Kuala Lumpur seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, mengenai perkara itu satu cadangan telah diadakan oleh Kerajaan bagi menempatkan mereka di kawasan Jalan Duta tetapi kedutaan-kedutaan yang ada pada masa itu telah ada tempat kediaman masing-masing di Jalan Ampang dan sekitarnya dan mereka enggan berpindah ke kawasan yang dicadangkan itu.

Akhirnya, soal pokok yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin mengenai apakah angka-angka yang ideal bagi penduduk Bandaraya Kuala Lumpur. Kajian bilangan penduduk yang ideal bagi Bandaraya ini adalah soal yang sangat penting dari segi perancangan pembangunan bandar. Hasil kajian daripada pakar-pakar penduduk dan pakar-pakar lain juga adalah diperlukan untuk menentukan soal ini.

Beberapa cadangan permulaan telah dapat dibuat dalam kajian yang dilaksanakan dahulu seperti Kajian Pembangunan Wilayah Lembah Klang (Klang River Valley Study) yang ada dalam tahun 1972, kajian pembe-tungan dan juga kajian lalulintas yang telah dilaksanakan pada ketika ini di mana bilangan penduduk yang ditimbangkan ialah di antara 1 juta hingga 1½ juta orang. Pada masa sekarang penduduk Kuala Lumpur seramai lebih kurang 800,000 orang. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faktor-faktor yang terlibat dalam menentukan bilangan penduduk di antara lain ialah seperti berikut:

- (i) Peranan Ibukota kepada negara ini dan juga di rantau ini.
- (ii) Quality of environment atau mutu alam sekitar yang kita kehendaki bagi Bandaraya ini.

- (iii) Quality of life yang ideal dan sejajar dengan Bandaraya seperti Kuala Lumpur.
- (iv) The level of infrastructure seperti lalulintas, bekalan air, bekalan elektrik, pembangunan dan sebagainya yang boleh menampung bilangan penduduk yang dikehendaki.

Inilah faktor-faktor yang kita mesti fikirkan apabila kita merancang pelan induk Bandaraya Kuala Lumpur. Dalam rancangan ini akan melibatkan banyak syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan ini akan dikemukakan kepada suatu Jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan iaitu Jawatankuasa Pemandu Pelan Induk meliputi wakil dari Bahagian Perancang Ekonomi, wakil dari Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, wakil dari Perbendaharaan, Wakil Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Dewan Bandaraya sendiri dan juga UDA. Dan saya harap juga ada seorang wakil daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Jadi, apabila steering committee itu telah menyiapkan brief atau garis panduan kepada pakar-pakar perunding baik dari dalam negeri ataupun luar negeri, perkara-perkara ini akan ditimbang dengan telitinya.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya jawab. Jika ada apa-apa pandangan yang saya tak dapat menjawabnya, saya minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana masa sudah larut malam dan masih banyak lagi Rang Undang-undang yang kita akan kemukakan kepada Dewan ini.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI KIMIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.40 ptg.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "suatu Akta Meminda Akta Ahli Kimia, 1975" dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Ahli Kimia yang telah diperbuat pada tahun 1975 belum lagi dikuatkuasakan sehingga hari ini. Ini adalah kerana kajian yang teliti tentang kesan-kesan yang mungkin timbul akibat penguatkuasaan Akta ini harus dijalankan. Hasil daripada kajian itu dan dengan sokongan penuh Institut Kimia Malaysia, pindaan-pindaan seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang dikemukakan untuk pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa penjelasan yang tepat sudahpun diberi dalam huraian kepada Rang Undang-undang ini, saya tidak berniat untuk berucap dengan panjang lebar tetapi ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi keterangan secara ringkas sahaja. Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk melonggarkan syarat-syarat yang dikehendaki bagi seseorang itu menjadi ahli Institut Kimia Malaysia kepada taraf-taraf yang tertentu dan menasabah berasaskan kedudukan perkembangan sains di negara ini dan kemajuan dalam pembangunan negara. Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini bukan sahaja tujuan asal Akta Ahli Kimia dapat dipelihara dan dilaksanakan dengan licin tetapi ahli-ahli kimia yang sedang berkhidmat dan berjalan cerakinan tertentu akan dapat terus dibuat demikian tanpa sebarang kesulitan yang mungkin menjejaskan mata pencarian mereka. Di samping itu juga Rang Undang-undang ini akan membantu, memupuk dan menggalakkan ahli kimia tidak kira memegang ijazah lulus atau ijazah kepujian mempunyai cita-cita dan harapan mencapai pengiktirafan kemuncak iktisas.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya beralih kepada fasal-fasal yang tertentu. Fasal 5

melonggarkan syarat-syarat untuk seseorang menjadi Anggota Instituit Kimia Malaysia. Fasal 6 meminda seksyen 23 supaya satu golongan orang yang lain iaitu orang-orang yang dibenarkan oleh Majlis Instituit di seksyen baru 23A yang dicadangkan hendak diadakan oleh Fasal 7 dikecualikan dari larangan mengenai kegiatan-kegiatan tertentu berkenaan dengan cerakinan kimia yang dimaksudkan oleh seksyen-kecil (2) seksyen tersebut.

Pindaan-pindaan yang dimaksudkan oleh Fasal 5 dan 6 adalah mustahak dari segi menentukan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tidak diterjelaskan terutama sekali dalam sektor swasta. Dengan adanya seksyen baru 23A maka perlulah seksyen 23 dijalan kuatkuasanya lambat daripada lain-lain seksyen Akta itu selama tempoh yang sesuai untuk memberi peluang kepada orang-orang yang berminat mendapat kebenaran Majlis di bawah seksyen baharu 23A terlebih dahulu. Fasal 2 adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengadakan pindaan-pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Akta ini adalah harapan Akta Ahli Kimia dapat dikuatkuasakan dengan adil dan saksama dan demi kemajuan dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya meringkas ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat seberapa yang boleh oleh kerana hari ini hari terakhir dan empat Rang Undang-undang yang perlu diluluskan pada malam ini sahaja.

6.45 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975.

Kelonggaran yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini untuk menerima juga Ahli-ahli Kimia yang mempunyai Ijazah-ijazah yang tidak diiktirafkan, dan juga menerima seorang yang tidak mem-

punyai Honours Degree atau lain-lain yang disyaratkan dahulu.

Ini adalah satu langkah yang bijaksana dan akan dapat menambah tenaga pekerja dalam bidang Kimia, di mana negara kita masih menghadapi kekurangan yang besar. Cara yang dicadangkan adalah untuk memberi kepada mereka Associate Membership dan Licentiate, jika mereka mempunyai pengalaman yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal di sini kerana apa kelonggaran ini untuk mendaftarkan pekerja-pekerja yang sedang bekerja pada masa Undang-undang ini dikuatkuasakan. Memandang kepada kedudukan negara kita

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kemurahan hati Tuan Yang di-Pertua menjalankan Peraturan Mesyuarat bahawa seseorang Ahli itu tidak boleh membaca ucapannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila. Boleh ambil ingatan sahaja, jangan baca!

Tuan V. V. Aboo: . . . dan kurang peluang untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan, kita haruslah membuka peluang ini kepada mereka-mereka yang akan memohon mendaftar diri selepas tarikh menguatkuasakan Undang-undang ini. Barangkali, jika boleh, cara yang dibuat untuk mendaftarkan doktor-doktor di bawah Akta Perubatan boleh juga diikuti di sini dan segala pemohon dikehendaki lulus satu peperiksaan sebelum pendaftaran mereka. Dan cara ini, pekerja-pekerja yang mempunyai Ijazah-ijazah yang tidak diiktiraf, tetapi mempunyai pelajaran yang baik dan kebolehan dapat satu peluang yang baik. Jika tidak, kita akan menghampakan rakyat Malaysia yang tidak mampu dari pekerjaan dan hanya satu golongan yang kecil sahaja akan dapat pendaftaran di bawah Akta ini. Kita semua sedia maklum bahawa perkara yang tidak diinginkan ini sedang dilakukan oleh hampir semua badan-badan professional—Doktor-doktor, Peguam-peguam, Akitek-akitek, Engineer, Doktor Haiwan dan lain-lain. Kerajaan haruslah mengkaji semula Akta Ahli-ahli Badan-badan ini untuk menentukan bahawa tidak ada diskriminasi yang dijalankan oleh Badan-badan ini.

Sekianlah sahaja dan saya menyokong Bil ini.

6.51 ptg.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada dalam perhatian Kementerian saya dan Kementerian saya telah berhubung dengan Instituti Kimia dan Instituti Kimia telah menjamin kepada Kementerian saya bahawa tidak ada apa-apa masalah akan timbul apabila Akta ini dikuatkuasakan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERSATUAN PELADANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.55 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Persatuan Peladang (Pindaan), 1977 dibaca bagi kali yang kedua.

Dalam membentangkan cadangan ini, izinkan saya menerangkan secara ringkas maksud di sebalik Rang Undang-undang ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Persatuan Peladang adalah ditubuhkan di bawah Akta Persatuan Peladang, 1967. Tujuan Akta tersebut ialah supaya tenaga para petani dapat digembelngkan dalam badan-badan yang tertentu untuk membolehkan mereka menjalankan kegiatan-kegiatan khususnya yang bercorak ekonomi bagi memenuhi keperluan pertanian dan juga kepentingan mereka.

Pada masa ini kegiatan-kegiatan Persatuan Peladang adalah dijalankan di beberapa peringkat mulai dari peringkat kawasan, negeri hinggalah ke peringkat kebangsaan. Untuk membolehkan Persatuan Peladang ini berkembang maju, seperti yang diharapkan, adalah diperlukan bukan sahaja ahli-ahli yang banyak, tetapi juga tenaga pengurusan yang cekap serta modal pusingan yang cukup. Sungguhpun Persatuan Peladang sedang bergerak dengan memuaskan, kemajuannya sekarang adalah terhad sedikit disebabkan antara lain kekurangan modal yang dihendaki untuk meluaskan kegiatan-kegiatan-nya dalam berbagai bidang perusahaan pertanian, seperti membekalkan impot-impot pertanian, memproses dan memasarkan hasil-hasil pertanian. Keperluan modal untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ini dengan jayanya adalah banyak tetapi jauh melebihi kemampuan Persatuan Peladang itu untuk membekalkannya dari puncanya sendiri. Untuk menampung kekurangan ini selain dari bantuan Kerajaan mereka memerlukan pinjaman dan kemudahan kredit dari berbagai-bagai institusi kewangan dan juga pembekal-pembekal yang sanggup memenuhi keperluan mereka itu.

Ketika ini Institusi Kewangan dan pembekal yang sanggup menampung sebahagian dari keperluan modal Persatuan Peladang dalam bentuk pinjaman dan juga kemudahan kredit perniagaan. Yang menjadi masalah sekarang ialah Akta Persatuan Peladang, 1967 tidak mempunyai peruntukan tertentu yang membolehkan Persatuan Peladang menerima wang pinjaman ataupun kredit daripada mana-mana pihak yang sanggup memberinya. Akta ini juga tidak mempunyai peruntukan tertentu yang membolehkan Persatuan Peladang melabur wang kumpulannya dalam mana-mana cara, bentuk dan bidang yang difikirkan munasabah dan menguntungkan.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengatasi dua masalah penting yang disebutkan itu. Pindaan-pindaan yang dicadangkan terhadap Akta Persatuan Peladang itu adalah seperti berikut:

"Pindaan kepada Seksyen 12A

Seksyen baru 12A dimasukkan untuk membolehkan Persatuan Peladang meminjam wang dan melakukan tanggungan-tanggungan kewangan yang lain.

Pindaan kepada Seksyen 14A

Sesyen baru 14A dimasukkan untuk membolehkan Persatuan Peladang membuat pelaburan dan pendepositan kumpulan wang.”

Memandangkan banyak lagi kekurangan di dalam Akta Persatuan Peladang 1967 maka Kementerian saya sedang mengkaji semula secara menyeluruh Akta tersebut dengan maksud untuk memperbaiki dan mengemaskinikan.

Pada mulanya Kementerian berharap ianya dapat diselesaikan dan empat untuk dikemukakan dalam sidang Parlimen yang berlangsung sekarang. Malangnya ini tidak dapat disempurnakan kerana banyak pindaan yang difikirkan perlu terpaksa dihalusi dengan mendalam. Sementara itu perkara membolehkan Persatuan Peladang meminjam wang dan membuat pelaburan adalah penting segera didahulukan untuk membolehkan Persatuan Peladang menjalankan aktiviti-aktivitinya. Inilah sebab dan tujuan Rang Undang-undang Pindaan dibawa ke Dewan ini sekarang.

Dengan Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, Kementerian berharap matlamat Kerajaan untuk mewujudkan badan-badan pertanian yang kukuh dan progresif yang boleh meluaskan kegiatan-kegiatan mereka di dalam berbagai bidang perusahaan pertanian dengan menguntungkan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

7.01 mlm.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya suka memberi sedikit pandangan saya kepada perkara masaalah peladang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita simpati kepada pihak Kementerian yang membawa Rang Undang-undang ini kerana kalau sekiranya tidak ada undang-undang yang memberi kuasa kepada badan ini untuk meminjam wang dan badan ini tidak dapat meluaskan aktiviti-aktivitinya dengan cara yang benar-benar boleh memberi kesan yang baik kepada peladang-peladang kita di kampung-kampung. Selain daripada kita

memberi kuasa kepada Persatuan Peladang ini, kita harus memikirkan bahawa di negara kita ini di luar bandar kita mempunyai berbagai-bagai pertubuhan yang kita tubuh. Kita ada Persatuan Peladang. Syarikat Kerjasama Pertanian dan kita ada berbagai-bagai badan yang ditugaskan oleh Kerajaan untuk memberi pertolongan kepada mereka yang ada di luar bandar untuk memajukan dan memperbaiki kehidupan mereka. Kita lupa yang badan-badan ini ialah badan-badan cuma untuk menjalankan aktiviti-aktiviti memberi pimpinan dan kemajuan kepada peladang-peladang di luar bandar, manakala badan-badan kewangan di luar bandar sangat berkurangan. Kalau kita adakan Persatuan Peladang seberapa banyak sekalipun mereka ini berkehendakkan kepada kewangan dan mereka ini berkehendak kepada institusi kewangan di luar bandar yang boleh mereka menyimpan wang dan menerima wang ataupun meminjam wang.

Pada masa ini kita cuma ada Bank Pertanian (Agricultural Bank), tetapi bank ini aktivitinya terhad tidak menyeluruh. Bank ini tidak mempunyai kuasa untuk membuka perniagaannya sebagai sebuah bank perdagangan yang boleh membuka cawangan di tiap-tiap kawasan di luar bandar di mana boleh peladang-peladang kita apabila menerima hasil daripada jualannya boleh menyimpan wang itu di dalam bank itu, dan boleh menggunakan bank itu sebagai tempat untuk mereka meminjam wang dan sebagainya.

Pada pendapat saya kita masih kekurangan bank-bank yang seumpama ini. Kalau kita pergi ke negeri yang lebih maju, kita boleh lihat bank-bank pertanian ini ada di segenap negeri yang maju dan mereka ini diberi kebebasan untuk membuka perniagaannya sebagai commercial bank di mana-mana tempat di dalam negeri-negeri itu. Jadi di mana-mana negeri maju banyak badan-badan kewangan ini yang boleh menjalankan aktivitinya itu. Sekarang kita cuma berharap kepada Bank Pertanian barangkali dan sedikit sebanyak umpamanya Bank Bumi-putra, itupun tidak menyeluruh di mana bandar yang kecil di kawasan luar bandar yang jauh barangkali mengambil masa untuk bank ini berkembang.

Saya suka mencadangkan kepada Menteri yang berkenaan supaya membawa kepada pihak Kerajaan cadangan untuk mengubah-kan ataupun membuat pindaan kepada Bank

Pertanian yang merupakan satu bank yang terhad dalam mengeluarkan dan memberikan bantuan kepada Kerajaan tetapi diberi lesen supaya bank ini dapat menjadikan sebuah commercial bank yang boleh membuka cawangan di tiap-tiap kawasan di luar bandar dan dapatlah mereka ini menyimpan dan meminjam wang dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang lebih maju lagi. Jadi Persatuan Peladang ini barangkali ramai daripada petani yang boleh menyimpan wang itu. Biasanya kalau orang petani menyimpan wang, bakinya itu disimpan, tetapi kalau orang makan gaji dia simpan, barangkali cukup bulan sahaja selepas terima gaji baru dimasukkan, kemudian bila sudah masuk, dia keluarkan selalu untuk belanja. Barangkali akhir bulan sudah kering wang di dalam bank itu, sudah tidak ada wang di dalam bank itu. Tetapi kalau petani, lain, mereka ini ada wang simpanan daripada jualan barang-barang pertanian mereka dan sebagainya. Jadi perlu kita mengadakan bank-bank yang seumpama ini yang boleh menjalankan aktivitinya lebih cergas dan lebih luas di dalam negara kita ini sebagai negara-negara yang maju yang lain dan saya rasa itulah sahaja pandangan saya.

7.08 mlm.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:
Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap serba ringkas dan seboleh-bolehnya saya mematuhi arahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini dan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, jikalau tidak ada finance hendak bergerak pun tidak boleh kerana Persatuan Peladang ini satu badan untuk perniagaan. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini jikalau sekiranya Kerajaan tidak mengubah nasib orang-orang di luar bandar terutama peladang-peladang maka tentulah keadaan peladang kita ini (orang petani) kita di kampung-kampung boleh jadi memikirkan Kerajaan memang tidak ada membuat apa-apa rancangan terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap berkenaan dengan peladang-peladang atau Persatuan Peladang. Ini adalah penting kerana negara kita mempunyai peladang-peladang yang banyak dan boleh dikatakan penduduk di negara kita ini sekurang-kurangnya 60% terdiri daripada

peladang-peladang yang mendapat tiap-tiap bulan pendapatan yang sekecil-kecilnya daripada penduduk-penduduk yang bekerja lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita betul-betul hendak meninggikan taraf hidup peladang-peladang kita, misalnya rancangan untuk membesar dan mencantikkan bandar Kuala Lumpur, mestilah ada planning yang tertentu. Jadi sebelum kita bergerak kepada Persatuan Peladang ini tadi tentu sudah ada planning yang dibuat oleh bijak pandai negeri ini. Sungguhpun ada rancangan-rancangan, badan ini kalau di control sangat oleh Kerajaan kalau tidak ada kebebasan yang sebenar-benarnya, yang segala-galanya pegawai Kerajaan menjalankan, saya yakin dan percaya badan ini tidak boleh bergerak maju. Saya bercakap ini dengan ikhlas bukan kerana pegawai Kerajaan itu tidak jujur tetapi di dalam satu-satu syarikat, di dalam satu-satu badan jikalau hendak maju betul-betul, mestilah orang-orang itu betul-betul terdiri daripada orang-orang yang hendak berniaga, tahu cara-cara dan selok-belok perniagaan, bukan pegawai sementara sahaja yang menjalankannya. Kerana kita sudah tengok, banyak badan-badan Kerajaan yang menjalankan perkara-perkara ini. Tidak payahlah saya sentuh satu persatu, tetapi kita nampak, kita tahu sendiri. Datang bekerja pukul 8.30 pagi balik pukul 4.30 petang mengikut cara-cara, mesti ada hadnya iaitu masanya. Tetapi dalam perniagaan bukan begitu. Jikalau Persatuan Peladang ini mengikut cara-cara Kerajaan itu bergerak, Persatuan Peladang ini tidak boleh maju.

Jadi dengan sebab itu kita hendak betul-betul ada pakar-pakar perniagaan yang diambil daripada mana-mana sekalipun asalkan boleh menjalankan perniagaan untuk Persatuan Peladang ini supaya peladang-peladang kita dalam tempoh lima tahun dapat hasil-hasil yang lebih baik lagi. Selain daripada mendapat modal daripada bank sepertimana kata Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, hendakkan kewangan dia mesti cari kewangan, betul-betul seolah-olah badan kewangan ini kepunyaannya. Ini yang kita hendak supaya badan apa yang dikatakan Persatuan Peladang ini boleh mendapat kemajuan. Tetapi jikalau difikirkan ini adalah Kerajaan punya, tidak akan dapat kemajuan yang kita tujukan bersama. Sebab ada yang kontrolnya begitu begini, itu tidak boleh buat, ini tidak boleh buat. Red-tape banyak. Cuba

kita tengok pejabat-pejabat Kerajaan bagaimana red-tapenya. Hendak meluluskan satu pelan memakan masa enam hingga lapan bulan kadang-kadang setahun. Jadi bagaimana hendak bergerak, bukan begini cara bergerak dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Oleh kerana kita akan memproses bahan-bahan mentah daripada kampung-kampung daripada kaum peladang ini. Seperti mengeluarkan biji kopi bukan kita sahaja yang mengeluarkan biji kopi untuk dijual tetapi juga kita akan memproseskannya. Apa sebabnya kita mesti ambil daripada Brazil? Apa guna kita hendak nescafe daripada luar negeri dan apa sebabnya kita tidak mengeluarkan kopi kita dan dijual dalam negeri secara besar-besaran. Semuanya ini mesti mengadakan modal di samping management yang baik. Jikalau sudah semua berjalan dengan baik maka mudah-mudahan saya ingat Persatuan Peladang ini akan maju-jaya.

Selain daripada itu, kita tengok bagaimana majunya kaum peladang kita seperti di Johor dan Sarawak yang mengusahakan lada hitam. Ini senang sekali, Tuan Yang di-Pertua. Pada hari ini kaum peladang samada peladang China, Melayu ataupun bumiputra yang lain, benda ini diproses bukannya di Sarawak tetapi sesudah dijemor dan sebagainya dibawa ke Singapura untuk diproses. Selama hari ini siapa yang untung? Orang lain yang untung. Bukan peladang yang untung, atau orang tengah yang untung. Ini perkara kecil yang kita boleh buat. Saya ingat Akta Persatuan Peladang ini ditukar ataupun dipinda tetapi kita tidak tengok dan kita dengar apa hasil yang kita dapat, apa keuntungan yang sebenar-benarnya telah dapat kepada petani-petani ataupun peladang-peladang. Apa yang kita dengar daripada hasil-hasil ini yang telah dibuat satu kilang, kilang ini mengeluarkan sayur-sayur dalam tin dan dapat kita eksport oleh kerana hawa negeri kita ini cukup baik. Tiap-tiap tahun daripada bulan Januari sampai bulan Disember boleh ditanam segala-galanya. Tentulah sayur, kacang petola dan sebagainya banyak. Tentulah ini boleh diproses. Tetapi sampai hari ini apa yang diproses, apa yang telah dibuat. Cuma menubuhkan satu badan sahaja. Satu-satu district, hendak ditubuhkan Persatuan Peladang ini, apa rancangan hendak dibuat. Kelapa banyak di Kuala Selangor, di Pontian dan lain-lain tempat tetapi adakah

kilang-kilang kelapa sawit yang besar-besar yang telah dibuat. Ini, yang dipersoalkan oleh orang kampung. Namanya indah khobar dari rupa yang kita fikirkan ini akan berjalan dalam tempoh 5 tahun yang akan datang untuk meninggikan taraf hidup orang-orang kampung kita. Ini tujuan kita. Tetapi tujuan-tujuan ini akan menikam diri kita sendiri kerana tidak mendapat hasil-hasil yang memuaskan.

Jadi oleh sebab itu, Bank Pertanian seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan itu benar, saya dengar hendak meminjam wang daripada Bank Pertanian, apa yang dijawab, bunganya lebih mahal daripada bank yang lain sampai 13%. Jadi bagaimana hendak menolong petani-petani. Sepatutnya bank Pertanian ini untuk petani-petani sahaja. Oleh kerana kita hendak menolong petani sekurang-kurangnya barangkali dikenakan bunga 6%. Kalau pegawai-pegawai Kerajaan hendak buat rumah, Kerajaan cuma kenakan 4% bunganya. Tetapi kepada orang-orang miskin dikenakan 12%-13% jadi macammata petani-petani kita ini boleh hidup, boleh maju. Bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji \$2,000 \$3,000-\$5,000 sebulan hanya dikenakan 4% sahaja bunganya. Saya menyatakan kalau betul-betul Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup bukan dengan cakap-cakap sahaja, tetapi melaksanakan dasar Kerajaan untuk hendak meninggikan taraf hidup orang-orang kita di luar bandar supaya Kerajaan menengokkan wangnya mestilah cukup untuk mengadakan modal pusingan dan juga betul-betul teratur rancangan-rancangan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa harga padi juga mestilah ditetapkan. Mesti ditetapkan bukan semacam apa yang kita tetapkan hari ini, subsidi-subsidinya mesti diberikan kepada mereka.

Kalau misalnya kaum buruh boleh mogok, kalau pegawai-pegawai Kerajaan boleh mogok, kaum pak tani tidak boleh mogok, tetapi mereka inilah yang memberi hasil yang banyak kepada kita. Kalau tidak ada kaum petani barangkali sayur pun kita tidak dapat. Jadi orang petani ini terutama sekali orang-orang yang menanam padi itu, mestilah Kerajaan memerhatikan betul-betul; harga padi \$20-\$30 satu pikul waktu sekarang, tidak memadai lagi. Kalau Kerajaan betul-betul hendak menengok kaum

tani maju subsidi-subsidi yang betul-betul mestilah diberikan kepadanya. Ini telah diminta bukan sahaja hari ini, bukan sahaja setahun, tiga tahun, empat tahun dahulu tetapi sudah dilaungkan bertahun-tahun. Jadi Kerajaan patut mendengar laungan ini. Bukanlah laungan-laungan ini buat untuk kami yang ada di Dewan ini cuma pandai melaung sahaja tetapi ini adalah untuk kebaikan Kerajaan, untuk mengukuhkan pendirian Kerajaan dalam negara ini. Pak tani mestilah dilayan dengan sebenarnya, jangan hendak dilayan apabila masa itu sudah tidak boleh lagi baharulah hendak diberi, itu tidak guna lagi. Masa sekaranglah mahu dilayan. Itulah sebab, kita takut apa telah terjadi di lain-lain negeri akan terjadi di sini. Agrarian reform macammana di negeri-negeri lain, macam negeri China, bagaimana peladang-peladang memberontak dan supaya perkara ini jangan berlaku maka kita mesti memerhatikan peladang-peladang kita.

Saya misalkan, Tuan Yang di-Pertua, peladang-peladang di Taiwan. Pada masa saya berada di negeri Taiwan dahulu peladangnya cukup susah hidupnya, tetapi dengan land reform yang dibuat di negeri Taiwan pada hari ini siapa melawat Taiwan terkejut, tiap-tiap orang peladang di Taiwan itu mempunyai rumah yang elok mereka ada jentera-jentera sendiri, ada TV. Teratur hidupnya dan segala-galanya lengkap seperti yang duduk dalam bandar. Mereka boleh buat begini, padahal orang-orang ini daripada negeri China lintang pukang lari ke Taiwan. Mereka ini betul-betul susah tetapi dengan adanya land reform, dengan adanya pertolongan yang sebenar-benarnya daripada Kerajaan dan juga petani-petani bekerja kuat dan juga lain-lain badan maka pada hari ini di Taiwan nampaknya, hidup peladang-peladang ini adalah cukup baik sekali.

Ini adalah satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, bagi kita semua mengikut untuk memerangi musuh kita supaya jangan propaganda musuh kita iaitu fahaman atau idealogi komunis ini boleh masuk ke dalam badan-badan peladang ini mengatakan apa Kerajaan telah buat selama Rancangan Lima Tahun Ketiga ini, rancangan-rancangan ini semua rancangan pembohong daripada Kerajaan. Untuk melawan fahaman-fahaman ini ataupun propaganda begini, maka kita

terpaksalah mencari jalan yang sebenar-benarnya dan yang betul-betul boleh menguntungkan pak tani kita.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dengan sepenuhnya untuk mendapatkan wang daripada apa-apa badan sekalipun supaya peladang-peladang ini dapat menikmati segala nikmat untuk mereka pada hari akan datang.

7.24 mlm.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan saya akan memberikan pandangan-pandangan yang pendek-pendek sahaja. Saya masuk kepada Fasal 2 yang bertujuan untuk mengadakan satu seksyen yang baharu memberikan kuasa kepada Persatuan Peladang untuk meminjam wang. Sebenarnya, perkara ini amatlah mustahak sebab kebanyakan daripada Persatuan Peladang ini saham yang dibeli oleh ahli-ahlinya itu sebanyak \$5 sahaja, ada yang \$10 itulah yang lebihnya, jarang-jarang sekali \$100. Jadi, kalau dia ada 1,000 ahli, cuma dia ada lebih kurang \$5,000 maka apakah yang hendak diperniagakan. Jadi kalau Persatuan Peladang ini dapat pinjaman wang daripada institusi kewangan maka bolehlah dia menjalankan usaha-usahanya seperti membeli bajak, berniaga dan sebagainya. Dalam pada itu panduan-panduan daripada pegawai-pegawai hendaklah diberi kerana peladang-peladang ini kebanyakan daripada pemimpinya orang kampung dan juga guru-guru sekolah. Oleh sebab itu, pengetahuan khas mereka ini tidak ada. Apabila hendak mengendalikan pinjaman yang dibuat kiraannya itu susah. Oleh sebab itu, bagi pihak Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah menghantar pegawai kewangan yang ada kelulusan supaya dapat dibuat kira-kira Persatuan Peladang itu dengan betul. Kadang-kadang kita lihat ada setengah Persatuan Peladang itu pusingan kewangannya \$20,000 atau \$30,000 sahaja sudah tidak boleh kendalikan, kira-kira, terselit di sana dan tersepit di sini. Jadi, oleh sebab itu buatlah satu jangka misalnya kira-kira pusingan satu-satu Persatuan Peladang \$100,000 terpaksa dihantar seorang pegawai yang qualified dalam hal kewangan.

Yang kedua, Odit. Odit ini mestilah cepat, up-to-date dan jangan sampai setahun, dua tahun odit belum beres. Barangkali kekurangan pegawai tetapi diharapkan bagi pihak

yang berkenaan bersedia untuk menambah pegawai-pegawai odit ini, sebab odit ini penting.

Yang ketiga, bimbingan kepada pegawai-pegawai, ini perlu sebab perkara ini saya lihat dan saya perhatikan bimbingan ini kurang sedikit, kalau diberikan bimbingan yang lebih saya fikir tercapailah cita-cita Kerajaan hendak menjadikan Persatuan Peladang ini sebagai badan atau institusi yang boleh mendirikan apa yang dikatakan kilang-kilang agro-based.

Selain daripada itu, saya hendak menegor sedikit dalam Dewan ini untuk pengetahuan bagi pegawai-pegawai L.P.P. ini. Apa yang saya perhatikan kerja-kerja L.P.P. ini terlalu banyak di atas kertas, usaha mengenai peladang ini ada kurang sedikit. Jadi, saya harap kerja di atas kertas ini kurangkan sedikit, kerja lebihkan sedikit, kalau tidak cukup pegawai minta pegawai lagi, supaya betul-betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak tadi iaitu cita-cita peladang ini boleh tercapai.

Yang keempat berkenaan dengan Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan satu seksyen pelaburan. Pelaburan ini ada satu perkara kita mesti ingat, kerana berniaga pelaburan ini ada risikonya. Kalau orang peladang ini cuba hendak melabur, kalau tidak dapat bimbingan mana syor yang baik, mana kilang yang bagus, barangkali pelaburan itu jadi pelaburan habis pelemang alah sahaja, berniaga buluh kasap, hujung pergi pangkal lesap. Jadi, bimbingan yang seperti ini perlu daripada pihak yang berkenaan untuk mencari saham-saham yang boleh menguntungkan.

Selain daripada itu, diharapkan supaya saham-saham yang hendak dibeli ini utamakan kepada saham Persatuan Peladang sendiri dan jangan kita utamakan yang lain sedangkan saham Persatuan Peladang kita tertinggal.

Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya dalam Bil ini dan saya sesungguhnya menyokong Rang Undang-undang ini dan memberikan tahniah kepada pihak Kementerian yang berkenaan, kepada L.P.P. dan sebagainya yang telah mengadakan Undang-undang ini, sebab sudah beberapa lama kita fikirkan hal ini. Saya ucapkan tahniah dan mudah-mudahan

peladang dapat berjaya dan seterusnya saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

7.30 m/m.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan saya, saya akan memberikan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan ada membuat pandangan berkenaan dengan Bank Pertanian dan kekurangan bank-bank seperti Bank Pertanian, Bank Rakyat, Bank Bumiputra dan C.G.C. yang bertugas bagi kepentingan peladang-peladang di negara kita ini. Saya sendiri juga ber-sympati dengan pandangan-pandangan seperti ini tetapi dalam masa sekarang kita tidak dapat menubuhkan cawangan-cawangan bank-bank di luar bandar sebab beberapa masalah masih dihadapi oleh negara kita.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik pun juga ada bercakap sedikit atas Persatuan Peladang untuk mengubah sikap Persatuan Peladang ini untuk mengawasi dan mengatasi masalah red-tape yang berlaku dalam Kementerian ini dan saya juga akan mengambil perhatian dan membawa balik perhatian ini kepada Kementerian saya supaya kita dapat mengatasi masalah seperti ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyentuh sedikit atas masalah lada hitam. Kata beliau di negeri Sarawak walaupun kita menanam lada hitam dan kita menjual tetapi barang ini diproses di Singapura. Dalam masa sekarang memang betul tetapi sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum soal pertanian di negeri Sarawak iaitu Concurrent List. Di negeri Sarawak ada Pepper Marketing Board ditubuhkan sendiri, jadi Kementerian saya tidak dapat memaksa negeri Sarawak dan memberi cadangan untuk negeri Sarawak bertindak atau untuk diikuti oleh State sebab dia memang ada hak kuasanya sendiri.

Saya telah mendengar syor-syor yang telah dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Dalam fahaman saya syor-syor seperti itu telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat semasa Bil ini dibentangkan di dalam

persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini. Perhatian tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan di kedua-dua Dewan ini sedang dipertimbangkan dan mana yang dapat akan terus dijalankan untuk melaksanakan tujuan Rang Undang-undang ini untuk kemajuan Persatuan Peladang di negara kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat saya akan menyatakan iaitu kempen untuk menambah Ahli-ahli Persatuan Peladang sedang berjalan di seluruh negara kita. Kerajaan sedang mengawasi supaya wang Persatuan Peladang dilaburkan dengan cermat. Kerajaan sedang mengambil perhatian untuk memberi pimpinan dan penyelesaian khususnya dari segi kewangan untuk mengelakkan penyelewengan sebagaimana yang ada berlaku. Pegawai dan kakitangan Lembaga Pertubuhan Peladang sentiasa diberi latihan di dalam dan di luar negeri. Selain dari itu ahli-ahli koperasi-koperasi juga diberi peluang mengikuti latihan pengurusan di Maktab Kerjasama. Lembaga Pertubuhan Peladang sedang mengadakan rancangan menubuhkan pusat-pusat hasil pertanian di beberapa tempat. Selain dari itu, Pasar Borong Persatuan Peladang Negeri Johor sedang berjalan dengan lancar, di lain-lain negeri masih dalam peringkat perancangan. Ertinya, langkah seperti itu untuk kita meninggalkan taraf hidup petani-petani di negara kita. Lembaga Pertubuhan Peladang sememangnya masih mengawasi perkara pengurusan dan pentadbiran Persatuan Peladang, kerana langkah-langkah yang begitu baik saya harap tujuan kita dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah pindaan kecil sahaja; saya fikir sekian sahaja Kementerian ini dapat buat sekarang. Walau bagaimanapun, saya akan mengambil perhatian untuk tindakan.

Setakat inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menggulung perbincangan ini dan minta maaf kerana tidak menjawab satu persatu syor-syor yang ditimbulkan di Dewan ini pada petang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEKERJA-PEKERJA PELABUHAN (PERATURAN PEKERJAAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.40 m/m.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) (Pindaan) 1977 dibaca bagi kali kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang telah ditubuhkan, 10 tahun yang lalu di bawah Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) 1965 sebagai satu badan berkanun dengan tujuan untuk membekalkan pekerjaan yang lebih tetap kepada pekerja-pekerja di Pelabuhan Pulau Pinang. Ia juga bertanggungjawab memastikan bahawa semua majikan pemunggah-pemunggah kapal (stevedores), pengendali muatan (cargo handlers) dan sebagainya dan juga pekerja-pekerja pelabuhan dikehendaki didaftarkan di bawah Lembaga. Pada amnya, pihak Lembaga adalah bertugas bagi menentukan bahawa kedua-dua pihak majikan dan pekerja akan mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan pendaftaran tersebut.

Rang Undang-undang yang dibentangkan, ada mengandungi dua seksyen, iaitu 3 dan 4 daripada Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) 1965 yang dicadang dipindahkan. Tujuan pindaan adalah bagi membolehkan pihak Lembaga Buruh Pelabuhan menjalankan tugas dengan lebih sempurna.

Pada masa sekarang, Akta tersebut tidak memperuntukkan apa-apa peraturan bagi hal

tatatertib berhubung dengan mana-mana pekerja pelabuhan dan majikan. Oleh itu, Fasal 2 (a) di dalam Rang Undang-undang telah menambahkan aspek ini kepada seksyen 3 (2) (b) di dalam Akta.

Fasal 2 (b) mencadangkan supaya membolehkan sekim Pekerja Pelabuhan mengikut "award" perjanjian atau perintah yang dibuat berkaitan dengan kadar-kadar saraan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja. Dengan cara ini adalah difikirkan akan dapat mencapai perlindungan yang lebih wajar dan memuaskan.

Walaupun telah ditetapkan di dalam Akta berkenaan bahawa pekerja-pekerja pelabuhan dan majikan dikehendaki menyempurnakan kewajipan mereka masing-masing, adalah didapati sekarang, terutamanya semenjak tahun 1975, majikan-majikan berdaftar melewati-lewatkan atau mengelak bayaran gaji yang sepatutnya kepada pekerja-pekerja Lembaga dan juga bayaran-bayaran levi yang mustahak untuk membiayai perbelanjaan urusan Lembaga. Kelewatan pembayaran gaji kepada Lembaga akan mengakibatkan bayaran gaji yang terlalu lambat kepada pekerja-pekerja Lembaga, di samping mendatangkan masalah kesulitan kewangan kepada pihak lembaga. Oleh kerana itu, Fasal 2 (c) Rang Undang-undang mencadangkan satu tambahan kepada seksyen 3 (4) supaya membolehkan Lembaga menentukan kesalahan-kesalahan termasuk kelewatan atau mengelak bayaran wang dan seterusnya membekalkan denda atau hukuman penjara yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah ke atas majikan-majikan yang bersalah. Penalti yang lebih berat secara menaikkan denda daripada \$1,000 kepada \$2,000 dan memanjangkan lagi hukuman penjara daripada 3 hingga 6 bulan atau sekurang-kurangnya akan dikenakan atas kesalahan mana-mana peruntukan.

Dalam kes-kes di mana majikan tidak membayar atau mengelakkan diri daripada membayar wang yang kena dibayar, denda tambahan sebanyak \$50 tiap-tiap satu hari perbuatan itu berlaku atau berterusan akan dikenakan. Ini adalah mustahak untuk menentukan pihak-pihak yang berkenaan dapat menunaikan kewajipan mereka untuk membolehkan perjalanan perkhidmatan pelabuhan yang cekap.

Fasal 3 mencadangkan bahawa kuasa yang lebih diberikan kepada pegawai-pegawai

Lembaga Buruh Pelabuhan supaya membolehkan mereka menjalankan siasatan mengumpulkan bukti-bukti dan mendakwa mereka yang membuat salah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

7.46 mlm.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi pandangan saya kepada Rang Undang-undang ini, suka saya memberi sedikit penerangan kepada pihak yang berkenaan yang ada hubungan dengan kepimpinan Kesatuan-kesatuan Sekerja tentang kedudukan dan kebebasan yang telah diberi oleh Perlembagaan kepada Dewan Negara ini.

Sebagaimana kita sedia maklum Dewan Negara ini sebuah daripada Dewan dalam badan Parlimen Malaysia dan kebebasannya yang diberi kepada Parlimen juga diberi kepada tiap-tiap ahli dalam Dewan ini. Tujuan besar diberi kebebasan kepada Ahli-ahli Dewan ini ialah supaya tiap-tiap Ahli dapat mengemukakan sebarang perkara yang berlaku atau dilakukan oleh sesiapa dalam negara ini untuk pengetahuan Dewan dan rakyat seluruhnya dan dengan itu Dewan akan mempunyai kebebasan pula mengambil keputusan dan keputusan yang akan dapat memberi kebaikan kepada negara. Kenyataan-kenyataan yang dikemukakan ke Dewan ini hendaklah benar dan bertanggungjawab dan kiranya berlaku sebaliknya, maka Dewan berhak mengambil tindakan di bawah Akta Parlimen.

Bagi saya, saya rasa ini adalah sebaik-baik amalan dalam corak demokrasi dan dengan ini sahajalah sesuatu yang patut didedahkan kepada umum yang boleh melibatkan tindakan mahkamah boleh didedahkan dengan dikawal oleh Hak dan Kebebasan Parlimen itu.

Sekiranya amalan ini tidak dapat dijalankan sudah tentu sesuatu yang berlaku yang pada umumnya memang benar berlaku, tetapi tidak dapat dibuktikan dengan cara perundangan, akan terus-menerus berlaku dalam negara kita ini dengan tidak siapapun dapat membuat apa-apa teguran kerana tiap-tiap teguran itu akan dicabar oleh pihak yang

berkenaan di mahkamah. Itulah sebabnya maka saya berpendapat, saya berpegang kepada sebaik-baik tempat untuk menyumbangkan buah fikiran dan mendedahkan sesuatu yang buruk yang berlaku atau dilakukan oleh sesiapa pun juga mahupun mereka itu dari Menteri, orang biasa atau Ketua Kesatuan Sekerja yang handal seperti Encik Narendran kita. Maka sumbangan dan pendedahan itu lebih baik dilakukan di Dewan yang terhormat ini semoga ini dapat memberi kesan yang lebih mendalam dan dapat membawa kepada perubahan di atas apa yang berlaku itu.

Boleh jadi satu daripada tujuan besar Encik Narendran mencabar seorang Ahli Parlimen seperti saya ini untuk menyatakan sesuatu di luar Dewan itu supaya dapat memberi publisiti yang murah kepadanya bagi mengekalkan pimpinannya dalam CUEPACS iaitu pertubuhannya. Oleh itu, tidak perlu saya menyambut cabaran itu dan saya akan terus dengan tugas saya sebagai seorang Ahli di Dewan ini.

Sungguhpun isi dari Rang Undang-undang ini umum, tetapi sudah tentu undang-undang ini bertujuan besarnya ditujukan kepada Pelabuhan Pulau Pinang sebagaimana kata Timbalan Menteri tadi. Pada masa ini pelabuhan ini bolehlah dikatakan berjalan dengan baik kerana pelabuhan ini kita gunakan sistem pengangkutan yang bebas dengan menggunakan syarikat-syarikat swasta. Di Pelabuhan Kelang kita telah tukar menjadi sepenuhnya di bawah pentadbiran Lembaga dan mereka yang bekerja menjadi kakitangan Kerajaan. Boleh jadi pada melakukan perubahan ini kita menerima nasihat daripada orang yang membuat salah perhitungan pada masa itu dan terpaksa lah kita pelihara sistem itu sehingga kepada hari ini. Pada fikiran saya kajian harus dibuat kiranya kita perlu kembali kepada cara yang dijalankan di Pelabuhan Pulau Pinang ini atau memperkuatkan tata-tertib dan memperbaiki dengan cara lebih keras di atas kelemahan-kelemahan yang berlaku di Pelabuhan Klang itu. Kiranya ini tidak segera dilakukan, kita akan terus-menerus menanggung kerugian dalam masa kita menghadapi zaman pembangunan ini.

7.51 mlm.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Senator Datuk Nik Hassan kerana pendapat

yang diberikan, walaupun pendapat yang pertama tidak ada kait-mengait dengan undang-undang ini dan pendapat yang kedua adalah di dalam perhatian Kementerian tentang samada Lembaga-lembaga Pelabuhan yang lain hendak mengikut sistem yang dibuat di dalam Pelabuhan Klang, kerana Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang itu memang berbeza dari beberapa segi. Jadi perkara ini akan dibawa kepada pihak Kementerian yang berkenaan untuk mengambil tindakan di atas pandangannya itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.52 mlm.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kebajikan Am Malaysia saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) dibaca kali yang kedua sekarang.

Pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah dikemukakan atas nasihat Peguam Negara kerana mengikut subsections (1) dan (2) Seksyen 25A Akta itu, seseorang yang disyaki penagih dadah boleh disuruh mengambil pemeriksaan doktor dan disuruhnya dihantar ke Pusat Pemulihan selama enam bulan dengan tidak melalui mahkamah. Ini adalah bercanggah dengan kebebasan asasi seperti tersebut dalam

Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Pindaan ini memerlukan semua perintah tahanan sementara ke Pusat Pengesahan, perintah pemulihan ke Pusat Pemulihan dan perintah seliaan dibuat oleh mahkamah, Magistrate in Chamber.

Aspek pindaan pertama yang terpenting sekali ialah memindahkan kuasa daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Pegawai Polis kepada pihak mahkamah untuk memerintah seseorang yang disyaki penagih dadah ditahan sementara di Pusat Pengesahan (detection centre) bagi maksud pemeriksaan perubatan.

Aspek pindaan yang kedua adalah memindahkan kuasa daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat kepada pihak mahkamah untuk memerintahkan seorang penagih dadah yang sudah diperiksa di Pusat Pengesahan untuk dimasukkan ke Pusat Pemulihan atau diletakkan di bawah seliaan Pegawai Kebajikan Masyarakat iaitu setelah mahkamah menimbangkan laporan Pegawai Kebajikan Masyarakat mengenai penagih dadah itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini menyatakan dengan jelas bahawa kuasa untuk membuat perintah tahanan sementara di Pusat Pengesahan, perintah Pusat Pemulihan (Rehabilitation Order) atau perintah seliaan (Supervision Order) terhadap seorang penagih dadah yang tidak bersabit dengan kesalahan jenayah di bawah Ordinan Dadah Berbahaya sekarang dipindahkan kepada pihak mahkamah. Bagaimanapun tindakan yang perlu diambil bagi membawa seorang penagih dadah yang disyaki, ke hadapan mahkamah masih lagi terletak di bawah tanggungjawab Pegawai Kebajikan Masyarakat dan Pegawai Polis. Dengan berbuat demikian pegawai-pegawai tersebut di atas tadi masih diberi kuasa mengambil dalam jagaan, seorang yang dipercayai penagih dadah. Akan tetapi pegawai yang berkenaan hendaklah membawa orang itu ke hadapan Magistrate dalam tempoh 24 jam bagi memperolehi perintah Magistrate untuk menahannya di Pusat Pengesahan.

Aspek pindaan yang lain berbangkit daripada pindaan pokok kepada Seksyen 25A ialah membuat peruntukan supaya seseorang penagih dadah yang diperintahkan menjalani seliaan di bawah Pegawai Kebajikan Masyarakat haruslah mematuhi

syarat-syarat tertentu yang dibuat oleh Mahkamah mengenai hal kediaman pekerjaan, pergaulan, ujian perubatan dan sebagainya iaitu syarat-syarat yang difikirkan perlu bagi mendorong orang yang diselia itu bebas dari bahaya dadah. Jika seorang penagih itu melanggar sesuatu syarat yang terkandung dalam perintah itu beliau boleh dibawa semula ke hadapan Mahkamah dan seterusnya dihukum lebih berat menurut segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun seorang penagih dadah yang tidak bersabit dengan kesalahan jenayah di bawah Ordinan Dadah Berbahaya, tertakluk kepada kaedah undang-undang yang sewajarnya (due process of law) tetapi tujuan pindaan ini tidak menganggap ia sebagai seorang penjenayah melainkan menganggapnya seorang yang memerlukan rawatan dan pemulihan. Dasar rational dalam peruntukan Rang Undang-undang ini ialah menawarkan kemudahan yang sesuai bagi pemulihan dijalankan awal-awal lagi untuk keselamatan penagih dadah itu. Seorang penagih dadah haruslah dianggap sebagai seorang yang menghadapi satu penyakit sosial yang merbahaya dan oleh itu tindakan secepat mungkin mustahak diambil demi kepentingan masyarakat dan penagih dadah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi penagih-penagih dadah yang sendiri sedar untuk mencari perubatan secara sukarela peruntukan yang mengizinkan mereka diterima bagi maksud rawatan dan pemulihan sudahpun terkandung di dalam ordinan pokok. Pihak Kementerian adalah berasa sukacita bahawa setakat ini sambutan dari golongan sukarelawan adalah memuaskan dan diharap lebih ramai lagi penagih-penagih dadah akan tampil ke hadapan untuk memohon pertolongan daripada pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

7.59 mlm.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Salahgunaan dadah adalah satu masalah yang sedang meningkat dan sedang mengancam dunia. Masalah ini

adalah sukar untuk diatasi, namun demikian dengan adanya langkah-langkah yang berkesan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebajikan Am, Kementerian Pelajaran dan PEMADAM, saya masih ragu sejauh mana langkah-langkah ini boleh berkesan dan masih belum terdapat tempat-tempat atau kemudahan-kemudahan yang cukup bagi penagih dadah mendapatkan rawatan awal dan yang paling penting ialah rawatan berulang-ulang atau penjagaan selepas rawatan awal (follow up service).

Tuan Yang di-Pertua, saya kira seluruh faktor ini memerlukan susunan serta kakitangan yang lengkap kerana perkara ini melibatkan hubungan psychology iaitu rasa terlalu ketagih dan kalau dicuainya pesakit-pesakit yang telah menerima rawatan maka segala usaha yang dijalankan akan menjadi sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, rawatan harian atau Pusat Pemulihan perlu ditubuhkan di tiap-tiap tempat dan untuk memperolehi kejayaan ini kita perlu mendapatkan kerjasama keseluruhan dari masyarakat serta keluarga golongan tertentu. Oleh kerana bekas penagih dadah ini bukan sahaja perlu bimbingan yang sempurna tetapi juga pemulihan kerohanian, kehidupan dan latihan vocational serta pekerjaan yang ringan untuk membolehkan mereka membuat kerja-kerja yang berguna dan kemudahan-kemudahan hiburan. Mereka itu patut juga mengamalkan teknik pengakuan (confessional technique), therapy dan penyesuaian kelakuan (behaviour modification therapy).

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kembali kepada masyarakat pengajaran secara kasar tidaklah membawa kesan apa-apa, kalau dengan cara berlembut dan secara belas kasihan lebih-lebih lagi mereka berkehendakan sokongan moral daripada masyarakat.

(Dengan izin) During these crucial re-entry phase into they still feel they are unwanted. What these ex-drug users need is liberal doses of sympathy and compassion. Therefore, they look for someone who will not moralise or judge them, who is on their side and whose counsel and sympathy they firmly believe, whom they know will help to restore their self-respect and reshape their destinies. For it should be clearly understood that drug addiction cannot only bend people's minds and alter one's behaviour but also can

kill the soul. Therefore in undertaking to treat them, both their souls and bodies need to be healed, that is, in our language, the total person.

Tuan Yang di-Pertua, we need someone who while understanding the patient's problems, physiological and psychological make-up and socio-economic environments, is also prepared to deal with the patient in his mysterious personal uniqueness. Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, they are looking for a doctor, a good doctor. Tuan Yang di-Pertua, you may wonder what the image of this doctor be. Sir, he is one more than merely kind, who combines scientific skill with a spirit of vocation, for these unfortunate ones with severe cravings and strong psychological reactions are seeking salvation and salvation is in knowledge. Further, I have often said in this Honourable House before, to prevent drug-taking amongst teenagers, a close parent-children relationship is very important. Here I mean a happy home, a home with a religious and cultural background and good morals. But once a child takes to drugs, it should be the responsibility of somebody else. You may again, Sir, ask me why. You will agree with me, Sir, parents frequently overlook the failings of their own children and these youths have to be handled unemotionally. It is therefore the more necessary that PEMADAM should set up these dropping or detection centres and staff them with people not only adequately trained in this discipline but fully motivated and dedicated to deal with this fast-growing national issue. I have a feeling that not only our lock-ups but our hospitals will be swarmed in the near future with these miserable-looking addicts wanting treatment. Officially, there are about 21,000 in the country but I am afraid that unofficially, the number may run into many more thousands and with our liberal laws, delayed treatment and poor follow-ups, it will soon present a real problem hard to control leave alone eradication. Why do I say it is hard to eradicate? Man is a curious animal since the time of Adam and he yields to temptation. Hence whatever policy the Government and PEMADAM may adopt, it should lead to an improved use of beds, increased turnover of patients—rehabilitated, reformed and reinstated into society.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian kebanyakan doktor-doktor mengatakan masing-masing sibuk dengan pekerjaannya dan tidak dapat menolong. Dalam hal ini kita mesti mendapatkan doktor-doktor yang sedia berkhidmat dan tidak akan mengkhianati mereka. Doktor-doktor ini hendaklah memberikan kepercayaan dan keyakinan bahawa mereka adalah sebenarnya hendak menolong dan menyelamatkan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pemuda-pemudi berasa keciwa dan merasa tidak dapat menjalankan kerja pilihan mereka. Setengah daripada mereka banyak bermain-main jari, they twiddle their thumbs, dan setengahnya pula menghisap dadah, hilang fikiran, minum arak dan lain-lain lagi yang membawa mereka berkelakuan sebagai pemuda yang tidak bertanggungjawab. Yang Berhormat semua tentu bersetuju dengan saya bahawa pemuda-pemudi yang salah asuhan adalah merbahaya kepada masyarakat, they are a menace to society.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu cabaran dan peluang bagi kita semua menjadi sebagai sumber sahaja untuk menolong mereka supaya terselamat. Saya suka menambah kata bahawa Yang Berhormat Tuan Rais Yatim dan PEMADAM seterusnya menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna. Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata hendaklah memberi sokongan sumbangan sepenuhnya. Pertolongan ini akan dikenang oleh mereka seperti kata pantun Melayu: "Hancur tulang dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga."

8.09 m/m.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kita sungguh bangga bahawa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) ini dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan dan tidak Menteri yang berkenaan. Saya bercakap seberapa ringkas sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini akan menambahkan peruntukan bagi mencegah penagih-penagih dadah dalam negeri kita.

Saya difahamkan bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini kita luluskan dan peruntukan yang kita akan kuatkuasakan akan bertambah ramai lagi penagih-penagih

dadah yang ada dalam tanahair kita ini dan mereka ini akan dibawa kepada mahkamah manakala disyakki dia sebagai penagih dadah. Saya harap perbincaraan bagi mereka hendaklah disegerakan.

Puan Rafidah Aziz: Sebagai penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara itu bukan dibawa untuk dibicara, cuma untuk mendapat perintah mejistret untuk samada hendak dibawa ke pusat pemulihan, pusat pengesanan ataupun hendak diselihkan, itu sahaja.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dalam masalah membawa mereka ini ke Mahkamah Majistret untuk mengesahkan mereka ini hendak dibawa ke pusat pemulihan, saya mengharap kes ini hendaklah disegerakan. Yang kedua, saya fikir Majistret juga sibuk dengan kerja-kerjanya, bolehkah Kementerian Undang-undang ini mencadangkan supaya diadakan satu mahkamah khas untuk menyelesaikan masalah-masalah kes yang disyakki dadah ini?

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa dadah ini bukan jenayah, tetapi satu penyakit. Saya mengharap masa akan datang Kerajaan membuat peruntukan hendaklah lebih banyak, kalau boleh kita memberi peruntukan kepada Kementerian Kesihatan. Kenapa kita tidak boleh mengadakan peruntukkan kerana penyakit ini, sebab ini dikatakan penyakit. Saya puji pihak sukarrela seperti gerakan PEMADAM itu telah berusaha dengan bersusah-payah mencari duit daripada orang ramai. Saya harap Kerajaan hendaklah memberikan satu peruntukan yang lebih pada masa hadapan dan kita memandangkan bahawa penagih-penagih dadah kita dalam tanahair kita ini bertambah. Yang kedua, Pusat Pemulihan Dadah ini patut kita adakan lebih banyak dan saya harap tiap-tiap negeri buat contoh macam negeri Johor. Negeri Johor rela memberi dua buah pulau kerana membuat Pusat Pemulihan Dadah. Dengan keadaan yang begini, saya harap bahawa tujuan kita hendak membenteraskan penagihan dadah ini akan berkurangan pada satu masa yang akan datang.

Tadi telah dikatakan oleh Yang Berhormat, terlanjur saya bercakap mengenai Pusat Pemulihan Dadah ini, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bercakap?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Saya harap Kementerian yang berkenaan mendapatkan pakar antarabangsa untuk menambahkan pegawai-pegawai kita yang ada di dalam negeri ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang dikatakan banyak sukarelawan yang telah menolong dalam masalah ini dan akhir-akhir ini saya tengok pihak Kementerian yang berkenaan juga mahu mengiktiraf perubatan yang dibuat oleh bomoh-bomoh kita. Dengan keadaan ini kalau betul boleh diiktiraf perubatan penagih dadah ini melalui bomoh-bomoh, kita harap Kerajaan memberikan kemudahan kepada pemulihan yang dibuat oleh bomoh dan juga orang yang telah dipulihkan oleh bomoh-bomoh itu hendaklah didaftarkan supaya kita dapat tahu bahawa bomoh ini telah membuat kerja yang baik kepada masyarakat kita dan buat baik dengan Kerajaan.

8.14 mlm.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh atas Rang Undang-undang ini dan saya tahu jam sudah lewat sedikit sebab itu saya pendekkan sahaja ucapan saya, tetapi kalau perlu saya panjangkan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, kalau dipinda Undang-undang ini, dahulu Pegawai Kebajikan boleh bawa orang yang penagih dadah atau disyaki penagih dadah ini ke court berjumpa dengan Majistret tetapi sekarang ini Polis pula terpaksa pergi bersama ataupun pergi ke court ini. Tuan Yang di-Pertua, definisi court ini saya hendak tahu iaitu kalau tidak payah court pun boleh dibawa orang ini oleh Polis pergi berjumpa Majistret, di rumah Majistret itupun boleh dibawa, tidak payah pergi ke court sebab orang ini dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi orang ini tidak salah, orang ini ialah orang sakit, dia tidak salah. Apa salahnya, sebab orang ini tidak salah—orang sakit. Apa sebab hendak pergi dibawa dia ke court pula? Jadi ini saya minta supaya orang-orang ini dibawa ke hadapan Majistret, itu sahaja, bukan di court, Tuan Yang di-Pertua. Baikpun di office Majistret itu, sebab dia tidak bersalah ini orang sakit, di mana salahnya? Yang salah ialah orang yang menjual itu. Ini yang saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri tadi.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat ini, sesudah Polis, jangan keduanya sekali. Sekarang kalau Polis sudah ambil tindakan terhadap orang-orang penagih dadah ini kemudian barulah Pegawai Kebajikan Masyarakat ini, sebab ini hendak dibawa di ke tempat pemulihan. Di situ barulah boleh dimasukkan Pegawai Kebajikan Masyarakat, jangan keduanya sekali pergi, seorang sahaja, biar kerja itu kemas sedikit, kemudian barulah diaurukan supaya dia dimasukkan ke tempat yang teratur.

Yang saya hendak bertanya di sini, Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkas sahaja, apa sebabnya di Communist China tidak ada penyakit ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tidak ada, penyakit ini tidak langsung. Saya berani mengatakan tidak ada sebab saya sudah pergi ke Red China. Tidak ada langsung penyakit ini. Apa sebabnya, dan jikalau tidak ada apa sebabnya kita tidak boleh pelajari di Red China itu bagaimana menyekat perkara-perkara ini. Kalau misalnya terus-menerus begini sahaja, sekarang saya hendak tanya, berapa banyak tahun yang lalu, tahun 1976 berapa, tahun 1975 berapa, tahun ini berapa, terus-menerus begitu juga, terus-menerus orang menjual dadah ini, dia terus menjual dadah, walau dipotong kepalanya dia tidak peduli, dia hendak dapat duit banyak, dia jual juga dadah. Tembak dia, gantung dia, dia tidak peduli. Yang penting sekali sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana untuk menyekat dadah, macam mana di Negeri China tidak ada seorang pun yang menghisap dadah. Ini saya ingat yang penting sekali ditunjukkan gambar, saya menengok exhibition ditunjukkan gambar begini nasihatnya, dengan paipnya ditunjukkan macam mana diinjek di badannya. Ini semua saya ingat sia-sia belaka. Kalau orang sudah ketagih dia terus ketagih, dia tidak peduli dengan cara ini. Kalau ada benda itu, dia tentu hisap. Dengan sebab itu, saya harap kepada Yang Berhormat Menteri-menteri yang bertanggungjawab tidak datang pula, Timbalannya pun tidak ada—saya mintalah kepada Menteri yang ada sekarang, yang hendak menjawab ini mencari cara lain. Saya menyokong dengan sepenuhnya Bil ini.

8.18 mlm.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun bercakap mengenai Bil Dadah ini.

Sebenarnya kita bersetujulah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr Sinnadurai tadi bagaimana pentingnya kita mempunyai sikap yang positif terhadap mereka yang menjadi penagih-penagih dadah iaitu mereka bukanlah penjenayah tetapi orang-orang yang sakit. Di dalam Kementerian dan juga di dalam organisasi-organisasi yang lain seperti PEMADAM usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengadakan jenis-jenis therapy yang sesuai bagi memulihkan semula penagih-penagih dadah ini tetapi rasa saya tidaklah boleh kita dengan adanya pindaan kepada Undang-undang ini dan juga dengan adanya organisasi-organisasi yang kait-mengait dengan pemulihan dadah seperti pencegahan penyalahgunaan dadah bahawa kita mengharapkan sahaja kepada Kerajaan untuk menjalankan peranan membasmi masalah ini. Kita tahu bahawa kesan buruknya dadah ini bukan sahaja didapati kepada individu yang menagih dadah iaitu dalam segi memusnahkan keperibadian individu itu tetapi kesan buruk penagihan dadah ini jika meluas adalah sebenarnya kepada masyarakat dan negara. Jadi pada pendapat saya dan juga saya rasa pada pendapat Kerajaan sendiri adalah tanggungjawab tiap-tiap individu di dalam masyarakat untuk pertamanya mencegah supaya tidak berlaku berleluasan penyalahgunaan dadah. Apa yang dapat dibuat oleh Pusat Pemulihan ialah menerima orang yang telahpun dihadapi oleh bahaya ini.

Jadi rasa saya pencegahan adalah lebih sesuai dan lebih bermakna daripada kita memulihkan sahaja. Namun begitu, usaha-usaha sedang dibuat untuk menjalankan pemulihan yang lebih sempurna dan juga kita patutlah mengawasi supaya penyalahgunaan dadah ini tidak mendatangkan kesan buruk atau kesan negatif kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad tadi, sebenarnya ada di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk menambah Pusat-pusat Pemulihan Dadah oleh Kementerian Kebajikan Am dengan peruntukan sebanyak \$2.25 juta telah disediakan untuk membina pusat-pusat

pemulihan di Johor Bahru, di Kuala Kubu Bharu (Selangor) dan juga di Trengganu di mana dengan dibesarkan pusat Pemulihan ini ditambah bilangannya maka dapatlah ia menampung lebih ramai lagi bilangan penagih-penagih dadah yang hendak dirawat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerja atau usaha membiayai penagih-penagih dadah ini bukanlah murah kerana perbelanjaan yang serendah-rendahnya untuk seorang penghuni di Pusat Pemulihan ini lebih kurang \$240 seorang sebulan.

Tadi saya telah ditanya oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik yang mengatakan banyak mana orang yang telah menagih dadah. Sebenarnya saya tidak ada perangkaan itu, tetapi mengikut perangkaan yang telah dirawat dalam tahun 1976 di Pusat Pemilihan di hospital ialah seramai 5,197 orang. Kita dapati pula dari 1hb Oktober, 1975 hingga 30hb Jun, 1977 bilangan kes yang dirujukkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja ialah 3,650. Bilangan kes yang di bawah selain pada akhir bulan Jun, 1977 ialah 1,288. Bilangan penagih dadah yang telah dimasukkan ke tiga-tiga Pusat Pemulihan Dadah di bawah Kementerian ialah 1,092 orang. Jadi kita dapati angka ini adalah agak besar dan pertanyaan mengapa perlu pergi ke magistrate, tidak payah pergi ke court, jumpa magistrate di rumah sahaja. Ini adalah selaras dengan keperluan undang-undang mengikut Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan mengenai Kebebasan Asasinya

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri penerangan. Saya juga jadi magistrate dahulu, tetapi perkara yang semacam ini tidak payah dibawa ke rumah, saya boleh selesaikan, tidak payah pergi ke Court. Ini yang saya tahu dan inilah sahaja penerangan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, pada hemat saya pun begitu juga tidak payah, asalkan kita minta suatu order daripada magistrate samada di rumah atau di tempat mana sahaja.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mungkin dalam pindaan ini diperlukan untuk berjumpa dengan magistrate, tetapi walau bagaimanapun, saya akan membawa perkara ini kepada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai dengan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya ini dan sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum mesyuarat ditangguhkan, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi kerjasama dan meringkaskan ucapan masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.28 malam.